



# LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

---

## NEGERI PAHANG TAHUN 2002



JABATAN AUDIT NEGARA  
MALAYSIA

## KANDUNGAN

<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
<b>KANDUNGAN</b>	i
<b><u>KATA PENDAHULUAN</u></b>	iv
<b><u>INTISARI LAPORAN</u></b>	viii
<b><u>BAHAGIAN I</u> : <b>PENYATA AKAUN AWAM KERAJAAN NEGERI PAHANG BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2002</b></b>	
<u>Pendahuluan</u>	1
<u>Pengesahan Penyata Akaun Awam</u>	3
<u>Analisis Penyata Akaun Awam</u>	4
<u>Kemajuan Pelaksanaan Projek Pembangunan RMK8</u>	9
<u>Rumusan Dan Syor Audit</u>	10
<b><u>BAHAGIAN II</u> : <b>PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN NEGERI</b></b>	
<u>Pendahuluan</u>	11
<u>Pejabat Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri</u>	11
<u>Pejabat Daerah Dan Tanah Lipis</u>	27
<u>Jabatan Kehakiman Syariah Pahang</u>	43
<u>Pejabat Pembangunan Negeri</u>	58
<u>Dewan Negeri Pahang</u>	67

**BAHAGIAN III : AKTIVITI JABATAN DAN KAJIAN KHAS**

<u>Pendahuluan</u>	75
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang <u>Pengurusan Projek Perumahan Awam Kos Rendah</u>	75
Jabatan Kerja Raya Negeri Pahang <u>Penyelenggaraan Kwarters Kerajaan Negeri</u>	101
Jabatan Pertanian Negeri Pahang <u>Program Pembangunan Usahawan Tani</u>	113

**BAHAGIAN IV : BADAN BERKANUN NEGERI,  
MAJLIS AGAMA ISLAM DAN PIHAK BERKUASA  
TEMPATAN**

<u>Pendahuluan</u>	141
Kedudukan Penyerahan Penyata Kewangan <u>Agensi Kerajaan Negeri</u>	141
Lembaga Kemajuan Perusahaan Pertanian Negeri Pahang - <u>Pengurusan Kewangan</u>	142
Perbadanan Perpustakaan Awam Pahang - <u>Pengurusan Kewangan</u>	161
Majlis Daerah Raub - <u>Pengurusan Kewangan</u>	172
Majlis Daerah Maran - <u>Projek Pembangunan Bandar Baru Sungai Jerik</u>	188

**BAHAGIAN V : KEDUDUKAN MASA KINI PERKARA  
YANG DIBANGKITKAN DALAM LAPORAN  
KETUA AUDIT NEGARA TAHUN  
YANG LALU**

<u>Pendahuluan</u>	205
Kedudukan Masa Kini Perkara Yang Dibangkitkan <u>Dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2001</u>	205

**PERKARA****MUKA SURAT****BAHAGIAN VI : PERKARA AM**

Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Akaun Awam Dan Aktiviti Jabatan Serta <u>Agensi Kerajaan Negeri</u>	215
<u>Mesyuarat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negeri</u>	215

**PENUTUP**

217

**LAMPIRAN**

<u>I</u> <u>Sijil Ketua Audit Negara</u>	218
<u>II</u> <u>Lembaran Imbangan</u>	219
<u>III</u> <u>Kedudukan Pengauditan Akaun Badan Berkanun Negeri, Majlis Agama Islam Dan Pihak Berkuasa Tempatan Sehingga 30 Jun 2003</u>	222

## KATA PENDAHULUAN

1. Perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Akaun Awam serta aktiviti Kerajaan Negeri dan mengemukakan Laporan mengenainya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong akan menitahkan supaya Laporan itu dibentangkan di Parlimen manakala Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang menitahkan untuk dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Pahang. Bagi memenuhi tanggungjawab ini, Jabatan Audit Negara telah menjalankan 3 kaedah pengauditan seperti berikut :

- 1.1 **Attestation Audit** - untuk memberi pendapat sama ada Penyata Akaun Awam Kerajaan Negeri menggambarkan kedudukan yang benar dan saksama tentang keadaan kewangan Kerajaan Negeri bagi tahun berkenaan dan rekod perakaunan telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini;
- 1.2 **Audit Pematuhan** - untuk menentukan sama ada pengurusan kewangan di Jabatan/Agensi dilaksanakan mengikut undang-undang dan peraturan kewangan yang berkaitan; dan
- 1.3 **Audit Prestasi** - untuk menentukan sama ada sesuatu aktiviti Kerajaan dilaksanakan dengan cekap, berhemat dan mencapai objektif yang telah ditetapkan.

2. Laporan saya mengenai Penyata Akaun Awam Kerajaan Negeri Serta Aktiviti-aktiviti Jabatan Dan Agensi Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2002 ini disediakan berdasarkan kepada pengauditan yang telah dijalankan di Jabatan dan Agensi berkenaan. Sebelum laporan diluluskan semua Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan/Pengurusan Agensi Negeri yang terlibat telah diminta membuat perakuan mengenai cadangan kandungan Laporan. Maklum balas yang diterima telah dipertimbangkan dan dimasukkan ke dalam Laporan ini.

3. Laporan ini disediakan dalam 6 bahagian seperti berikut :

**Bahagian I : Penyata Akaun Awam Kerajaan Negeri Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2002**

**Bahagian II : Pengurusan Kewangan Jabatan Negeri**

**Bahagian III : Aktiviti Jabatan Dan Kajian Khas**

**Bahagian IV : Badan Berkanun Negeri, Majlis Agama Islam Dan Pihak Berkuasa Tempatan**

**Bahagian V : Kedudukan Masa Kini Perkara Yang Dibangkitkan Dalam Laporan Ketua Audit Negara Bagi Tahun Lalu**

**Bahagian VI : Perkara Am**

4. Sungguhpun prestasi pengurusan kewangan Jabatan dan Agensi Negeri pada tahun 2002 telah menunjukkan kemajuan namun ketidakpatuhan terhadap beberapa peraturan kewangan berhubung dengan kawalan hasil dan perbelanjaan; pengurusan aset dan penyelenggaraan rekod perakaunan di beberapa Jabatan/Agensi yang diaudit masih berlaku. Berhubung dengan pelaksanaan aktiviti pula, pada umumnya Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri telah merancang aktiviti mereka dengan baik seperti menyediakan garis panduan yang lengkap; menetapkan matlamat pelaksanaan aktiviti serta mengenal pasti keperluan kewangan dan guna tenaga. Bagaimanapun, dari segi pelaksanaan aktiviti, beberapa kelemahan telah diperhatikan berpunca daripada kekurangan kakitangan dan peruntukan kewangan; penyeliaan yang kurang rapi serta tanpa pemantauan yang berterusan.

5. Jabatan Audit Negara telah mengambil beberapa pendekatan baru untuk membantu Jabatan/Agensi Kerajaan memperbaiki kelemahan dalam pengurusan kewangan dan pelaksanaan aktiviti. Antara langkah yang telah, sedang dan akan diambil ialah :

- Menyusun semula struktur organisasi Jabatan bagi membolehkan Jabatan Audit Negara melaksanakan fungsinya dengan lebih berkesan ke arah mempertingkatkan akauntabiliti pengurusan awam.

Melalui penstrukturan semula ini bukan sahaja bilangan kakitangan ditambah malahan kedudukan kakitangannya telah diperkuatkan dari segi menaiktaraf gred jawatan tertentu;

- Mulai tahun 2003, Jabatan Audit Negara telah melaksanakan Program 'Anak Angkat'. Melalui program ini, beberapa pejabat yang dikenal pasti bermasalah dalam pengurusan kewangan akan diberikan bimbingan dan nasihat oleh Jabatan Audit Negara bagi membantu mereka memperbaiki kelemahan yang berlaku terutamanya berhubung dengan penyelenggaraan rekod perakaunan dan pengurusan kewangan. Bagi tahun 2003, sejumlah 56 pejabat telah dijadikan 'anak angkat', empat daripadanya adalah di Negeri Pahang. Laporan lengkap mengenai pelaksanaan program ini akan dinyatakan di dalam laporan saya mengenai Penyata Akaun Awam Kerajaan Negeri Serta Aktiviti Jabatan Dan Agensi Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2003;
- Jabatan Audit Negara telah mempertingkatkan kerjasama dengan Unit Audit Dalam sungguhpun Jabatan ini mempunyai tanggungjawab yang berbeza dengan Unit ini namun ia mempunyai matlamat yang sama iaitu memastikan wujudnya akauntabiliti dan integriti dalam penggunaan wang awam serta menggalakkan pentadbiran yang cekap dan berhemat;
- Memandangkan pembangunan sesuatu sistem berkomputer melibatkan perbelanjaan kerajaan yang besar, sudah sewajarnya ia dilaksanakan dengan teratur dan memenuhi tujuan yang telah ditetapkan. Sehubungan ini, Jabatan Audit Negara telah mencadangkan kepada Jabatan/Agensi yang akan membangunkan sesuatu sistem berkomputer supaya menjemput pegawai Jabatan Audit Negara menyertai perbincangan mengenai pembangunan sistem berkenaan bagi memastikan wujudnya kawalan dalaman yang mencukupi untuk menjamin keutuhan sistem dan integriti data; dan
- Memandangkan penglibatan Kerajaan atau agensi Kerajaan dalam syarikat Kerajaan/swasta melalui pegangan ekuiti, pemberian pinjaman/geran yang melibatkan jumlah kewangan yang besar dan meningkat dari tahun ke tahun, pengauditan terhadap syarikat-syarikat berkenaan amatlah penting untuk menentukan wang awam

yang terlibat digunakan dengan cara yang cekap, berhemat serta selaras dengan objektif yang ditetapkan. Sehubungan ini Jabatan Audit Negara sedang dalam proses untuk mendapatkan perintah daripada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong bagi membolehkan Ketua Audit Negara menjalankan pengauditan terhadap syarikat berkenaan selaras dengan peruntukan Seksyen 5(1)(d) Akta Audit 1957.

6. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Jabatan/Agensi yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuhnya komitmen untuk menyiapkan Laporan ini.

**(DATUK DR. HADENAN BIN ABDUL JALIL)**

Ketua Audit Negara  
Malaysia

Putrajaya

10 November 2003

## INTISARI LAPORAN

### **BAHAGIAN I - PENYATA AKAUN AWAM KERAJAAN NEGERI PAHANG BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2002**

1. Penyata Akaun Awam Kerajaan Negeri tahun 2002 telah dapat disahkan. Butiran dan Lembaran Imbangan kesemuanya telah disertakan dengan dokumen sokongan yang mencukupi.

2. Kedudukan kewangan Kerajaan Negeri pada akhir tahun 2002 tidak banyak berubah berbanding tahun 2001. Baki wang tunai berkurangan sejumlah RM1.44 juta menjadi RM39.91 juta berbanding RM41.35 juta bagi tahun 2001. Defisit Akaun Hasil Disatukan adalah sejumlah RM79.35 juta menurun sedikit berbanding RM88.29 juta bagi tahun 2001. Begitu juga defisit Kumpulan Wang Pembangunan berkurangan sedikit menjadi RM143.77 juta daripada RM145.7 juta bagi tahun 2001. Bagaimanapun, defisit Kumpulan Wang Bekalan Air meningkat agak ketara daripada RM19.21 juta menjadi RM38.66 juta.

### **BAHAGIAN II - PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN NEGERI**

#### **Pejabat Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri**

3. Pengauditan yang dijalankan menunjukkan pengurusan kewangan Pejabat Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri telah bertambah baik. Pemantauan yang berterusan terhadap Pegawai Pengawal dan Pemungut Hasil di samping kursus yang dianjurkan telah meningkatkan kawalan pengurusan, hasil, perbelanjaan dan pelaburan. Pada tahun 2002 juga, Pejabat Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri memperoleh Sijil MS ISO 9002.

## **Pejabat Daerah Dan Tanah Lipis**

4. Pada keseluruhannya, pengurusan kewangan Pejabat menunjukkan beberapa kelemahan yang perlu diperbaiki. Dari segi kawalan hasil, kelewatan penyerahan Akaun Tunai Bulanan ke Perbendaharaan Negeri dan kedudukan tunggakan cukai tanah yang tinggi serta keselamatan semasa kemasukan wang ke bank patut diberi perhatian sewajarnya. Selain itu, aspek pengurusan aset seperti Daftar Harta Modal, pendaftaran nombor siri dan lokasi aset perlu diperkemaskan.

## **Jabatan Kehakiman Syariah Pahang**

5. Pada keseluruhannya, pengurusan kewangan Jabatan menunjukkan beberapa kelemahan yang perlu dibaiki melibatkan aspek kawalan pengurusan, kutipan hasil, perbelanjaan dan pengurusan aset. Tindakan perlulah diambil bagi mengatasi kelemahan yang wujud.

## **Pejabat Pembangunan Negeri**

6. Pada keseluruhannya, pengurusan kewangan Pejabat adalah memuaskan kecuali beberapa aspek pengurusan perbelanjaan seperti penyelenggaraan Daftar Bil, Daftar Sebut Harga dan Pesanan Tempatan perlu diperkemaskan. Selain itu, pemeriksaan terhadap harta modal hendaklah dilakukan dan Daftar Harta Modal perlulah dikemaskinikan.

## **Dewan Negeri Pahang**

7. Pengurusan kewangan Dewan menunjukkan beberapa kelemahan yang perlu diatasi melibatkan aspek kawalan perbelanjaan dan pengurusan aset. Kursus dan latihan kepada kakitangan perlu diberi bagi mengatasi kelemahan yang wujud.

### **BAHAGIAN III - AKTIVITI JABATAN DAN KAJIAN KHAS**

#### **Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang – Pengurusan Projek Perumahan Awam Kos Rendah**

8. Pencapaian keseluruhan projek Perumahan Awam Kos Rendah adalah kurang memuaskan. Projek didapati gagal disiapkan dalam tempoh yang dijadualkan disebabkan kontraktor menghadapi masalah kewangan. Sebahagian projek juga lewat mendapat Sijil Layak Menduduki berikutan kegagalan pihak kontraktor mematuhi keperluan Jabatan Teknikal.

#### **Jabatan Kerja Raya Negeri Pahang – Penyelenggaraan Kuarters Kerajaan Negeri**

9. Pengauditan yang dijalankan mendapati Jabatan Kerja Raya Negeri dan Jurutera Daerah tidak mempunyai perancangan yang terperinci untuk penyelenggaraan kuarters. Pemeriksaan berjadual ke atas kuarters tidak dirancang untuk menentukan kuarters sentiasa berada dalam keadaan elok dan keselesaan kepada penghuni serta menjamin keselamatannya.

#### **Jabatan Pertanian Negeri Pahang – Program Pembangunan Usahawan Tani**

10. Secara keseluruhannya, pencapaian program ini bagi 2 tahun pertama RMK8 adalah masih rendah. Memandangkan pelaksanaan program ini masih ada 3 tahun lagi, sasaran yang ditetapkan boleh dicapai sekiranya Jabatan mengambil langkah berkesan mengatasi masalah yang telah dikenal pasti dan menggalakkan pembangunan produk baru Kumpulan Pengembangan Wanita berasaskan jenis tanaman yang telah dizonkan bagi Negeri Pahang.

## **BAHAGIAN IV - BADAN BERKANUN NEGERI, MAJLIS AGAMA ISLAM DAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN**

### **Lembaga Kemajuan Perusahaan Pertanian Negeri Pahang – Pengurusan Kewangan**

11. Pada keseluruhannya, pengurusan kewangan Lembaga berada pada tahap yang memuaskan. Bagaimanapun, penubuhan Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun serta Jawatankuasa Audit boleh membantu pihak pengurusan dalam usaha untuk memantap dan memperkemaskan lagi pengurusan kewangan Lembaga.

### **Perbadanan Perpustakaan Awam Pahang – Pengurusan Kewangan**

12. Pengauditan yang dijalankan terhadap pengurusan kewangan Perbadanan mendapati kawalan hasil dan perbelanjaan adalah kurang memuaskan. Rekod terimaan dan urusan kawalan peruntukan perlu diperkemaskan. Perbadanan perlu juga mengemas kini perekodan pembelian buku perpustakaan.

### **Majlis Daerah Raub – Pengurusan Kewangan**

13. Pada keseluruhannya, pengurusan kewangan Majlis adalah memuaskan. Bagaimanapun, aspek berhubung sistem berkomputer pengurusan hasil hendaklah diselesaikan dengan segera supaya melicinkan pengendalian sistem pungutan hasil.

### **Majlis Daerah Maran – Projek Pembangunan Bandar Baru Sungai Jerik**

14. Kajian Audit mendapati perancangan asas bagi pembangunan projek telah diambil kira oleh pihak Majlis. Bagaimanapun, pemantauan projek didapati tidak berkesan menyebabkan pemaju tidak menyiapkan beberapa komponen projek balasan kepada Majlis seperti yang dipersetujui. Akibatnya pembangunan projek ini gagal mencapai sepenuhnya matlamat yang ditetapkan.

## BAHAGIAN I

### PENYATA AKAUN AWAM KERAJAAN NEGERI PAHANG BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2002

#### 1. PENDAHULUAN

- 1.1 Penyata Akaun Awam yang berkembar bersama Laporan ini terdiri daripada Lembaran Imbangan dan Penyata Akaun Memorandum menunjukkan kedudukan kewangan Kerajaan Negeri pada 31 Disember 2002.
- 1.2 Selaras dengan Seksyen 16(1) Akta Acara Kewangan 1957, Pihak Berkuasa Kewangan Negeri dikehendaki menyediakan Penyata Akaun Awam secepat mungkin selepas penutupan akaun tahunan. Penyata tersebut hendaklah dikemukakan kepada Ketua Audit Negara dalam tempoh 7 bulan untuk diaudit seperti diperuntukkan di bawah Seksyen 9 Akta Audit 1957. Pegawai Kewangan Negeri telah mengemukakan Penyata Akaun Awam Kerajaan Negeri Pahang bagi tahun berakhir 31 Disember 2002 kepada Jabatan Audit Negara pada 22 Mei 2003.
- 1.3 Pengauditan terhadap Penyata Akaun Awam Negeri adalah untuk mengesah dan memastikan ketepatannya serta memberi pendapat sama ada Penyata itu menggambarkan kedudukan yang benar dan saksama. Dalam menentukan sama ada sesuatu kesilapan adalah material, faktor yang diambil kira ialah jumlah nilai kesilapan dalam akaun, corak (*nature*) kesilapan dan juga keadaan di bawah mana transaksi itu timbul.
- 1.4 Pada tahun 2002, beberapa usaha telah diambil oleh Pejabat Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri dalam memperkemaskan lagi tahap pengurusan kewangan Jabatan Negeri. Antara tindakan tersebut adalah seperti berikut :
- i) Mengeluarkan pekeliling dan arahan tertentu kepada Pegawai Pengawal dan Pemungut Hasil.

- ii) Mengadakan mesyuarat dan perbincangan bagi mengatasi masalah tertentu. Antara mesyuarat yang diadakan ialah dengan pihak bank berhubung penyerahan maklumat pembayaran dan pengemaskinian tatacara penerimaan cek Kerajaan Negeri oleh pihak bank.
  - iii) Mengadakan lawatan ke Pejabat Pemungut Hasil dan Pegawai Pengawal bagi tujuan pemeriksaan dan mengenal pasti punca masalah yang berlarutan.
- 1.5** Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang dan Pejabat Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri Pahang dengan kerjasama Kementerian Kewangan telah menganjurkan beberapa siri kursus mengenai pengurusan kewangan seperti berikut :
- i) Kursus Audit Kualiti Dalam MS ISO 9002 kepada pegawai dan kakitangan Kumpulan Sokongan.
  - ii) Bengkel Manual Prosedur Kerja dan Fail Meja kepada pegawai dan kakitangan Kumpulan Sokongan.
  - iii) Kursus aplikasi perisian komputer kepada pegawai dan kakitangan Kumpulan Sokongan.
  - iv) Latihan pengurusan kewangan melibatkan proses penyediaan akaun, penyelenggaraan rekod Akaun Amanah dan Deposit kepada kakitangan Kumpulan Sokongan.
- 1.6** Selain itu, pada 27 Disember 2002 Pejabat Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri telah memperoleh Sijil MS ISO 9002 daripada MAMPU terhadap Sistem Penyediaan Bajet Tahunan, Sistem Pembayaran Gaji Kakitangan dan Sistem Pembayaran.
- 1.7** Pada tahun 2002, Jabatan Audit Negara meneruskan usaha membantu meningkatkan pengurusan kewangan negeri. Selain membuat lawatan dan tunjuk ajar secara terus kepada petugas kewangan di Jabatan, Jabatan

Audit Negara juga telah mengadakan kerjasama dengan Unit Audit Dalam Kerajaan Negeri dan Agensi Negeri bagi menyelaraskan kerja Audit yang berkaitan. Pada tahun 2003, sebagai pelengkap kepada usaha sedia ada, Jabatan Audit Negara telah memperkenalkan Program 'Anak Angkat'. Di bawah program ini, beberapa Jabatan dan Agensi Negeri telah dipilih untuk dijadikan 'Anak Angkat' Jabatan Audit Negara. Beberapa mesyuarat telah diadakan dan program secara tersusun telah diatur dalam mengenal pasti masalah yang dihadapi berhubung pengurusan kewangan di Jabatan dan Agensi berkenaan dan seterusnya mengatur tindakan yang perlu diambil.

## **2. PENGESAHAN PENYATA AKAUN AWAM**

Pengauditan Penyata Akaun Awam telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan berpandukan piawaian pengauditan yang diluluskan. Akta dan piawaian tersebut menghendaki pengauditan dirancang dan dilaksanakan bagi mendapat kepastian yang munasabah sama ada Penyata Akaun Awam adalah bebas daripada kesilapan dan ketinggalan yang ketara. Pengauditan itu termasuk memeriksa rekod secara semak uji, menyemak bukti yang menyokong angka dan memastikan penzahiran yang mencukupi dalam penyampaian Penyata Akaun Awam. **Pada pendapat Audit, Penyata Akaun Awam Kerajaan Negeri ini menunjukkan gambaran benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Pahang pada 31 Disember 2002.** Sijil Ketua Audit Negara mengenai Penyata Akaun Awam ini dan ringkasan Penyata Akaun Awam yang telah diaudit adalah seperti di **Lampiran I dan II.**

**Prestasi persembahan Penyata Akaun Awam Kerajaan Negeri hendaklah dikekalkan supaya sijil berbentuk bersih masih dapat dikeluarkan pada tahun-tahun akan datang. Usaha ini penting bagi memastikan akauntabiliti awam terhadap pengurusan kewangan Kerajaan Negeri terus ditingkatkan.**

### **3. ANALISIS PENYATA AKAUN AWAM**

#### **3.1 KEDUDUKAN KEWANGAN KERAJAAN NEGERI**

Kedudukan kewangan Kerajaan Negeri pada akhir tahun 2002 tidak banyak berubah berbanding tahun 2001. Baki wang tunai tidak menunjukkan peningkatan sebaliknya berkurangan sejumlah RM1.44 juta menjadi RM39.91 juta berbanding RM41.35 juta pada tahun 2001. Jumlah tersebut tidak dapat menampung keseluruhan tanggungan yang perlu dijelaskan oleh Kerajaan Negeri pada awal tahun 2003 sejumlah RM47.52 juta. Walaupun kedudukan defisit Akaun Hasil Disatukan sejumlah RM79.35 juta dan Kumpulan Wang Pembangunan sejumlah RM143.77 juta berkurangan sedikit, namun defisit Kumpulan Wang Bekalan Air meningkat agak ketara iaitu daripada RM19.21 juta menjadi RM38.66 juta.

#### **3.2 HASIL**

Hasil Kerajaan Negeri mencatatkan peningkatan daripada RM341.76 juta pada tahun 2001 menjadi RM358.91 juta pada tahun 2002. Kesemua punca hasil utama Kerajaan Negeri mencatatkan pertambahan iaitu hasil tanah, air, geran Persekutuan dan hasil lain kecuali hasil hutan yang mencatatkan pengurangan sejumlah RM16.38 juta. Pengurangan pungutan hasil hutan adalah disebabkan kekurangan pungutan premium berikutan kawasan yang ditender pada tahun 2002 berkurangan iaitu 3,966.31 hektar sahaja berbanding 4,788.37 hektar pada tahun 2001. Butiran hasil Kerajaan Negeri pada tahun 2002 berbanding tahun 2001 adalah seperti di **Jadual 1**.

**Jadual 1**  
**Kedudukan Hasil Kerajaan Negeri Pahang**  
**Bagi Tahun 2001 Dan 2002**

Bil.	Punca Hasil	Tahun		Pertambahan/ (Pengurangan) (RM Juta)
		2001 (RM Juta)	2002 (RM Juta)	
1.	Tanah	113.45	121.36	7.91
2.	Air	76.28	78.62	2.34
3.	Geran Persekutuan	23.53	37.56	14.03
4.	Hutan	88.65	72.27	(16.38)
5.	Hasil-hasil Lain	39.85	49.10	9.25
<b>Jumlah</b>		<b>341.76</b>	<b>358.91</b>	<b>17.15</b>

*Sumber : Penyata Akaun Awam*

### 3.3 PERBELANJAAN

#### 3.3.1 Perbelanjaan Mengurus

Perbelanjaan mengurus Kerajaan Negeri pada tahun 2002 mencatatkan peningkatan daripada RM341.76 juta bagi tahun 2001 menjadi RM349.97 juta pada tahun 2002. Walaupun begitu, jumlah perbelanjaan tersebut tidak melebihi jumlah hasil yang diterima sejumlah RM358.91 juta. Dengan itu, lebihan hasil atas perbelanjaan sejumlah RM8.94 juta telah mengurangkan defisit Akaun Hasil Disatukan daripada RM88.29 juta pada tahun 2001 menjadi RM79.35 juta pada tahun 2002. Komponen perbelanjaan terbesar tahun semasa ialah Emolumen sejumlah RM155.12 juta diikuti Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap RM117.83 juta.

#### 3.3.2 Perbelanjaan Pembangunan

Perbelanjaan Pembangunan dan Bekalan Air pada tahun 2002 berkurangan daripada RM257.76 juta tahun 2001 menjadi RM250.07 juta. Penurunan adalah disebabkan pada tahun 2002 tidak ada projek Perumahan Awam Kos Rendah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri kerana telah diambil alih oleh Jabatan Perumahan, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Perbelanjaan projek perumahan ini pada tahun 2002 hanya bagi projek yang sedia ada dan masih dalam pelaksanaan. Manakala penurunan perbelanjaan

Bekalan Air pula adalah disebabkan peruntukan tahun semasa berkurangan menjadi RM176.82 juta berbanding tahun 2001 sejumlah RM178.07 juta. Selain itu, perbelanjaan bagi 2 projek Bekalan Air kurang 45% daripada peruntukan yang diluluskan RM620,000 manakala 1 projek lagi langsung tidak dibelanjakan dengan peruntukan sejumlah RM70,000.

### **3.4 PELABURAN**

Pelaburan Kerajaan Negeri terdiri daripada simpanan tetap dan saham. Pada tahun 2002, jumlah pelaburan menunjukkan pengurangan daripada RM135.08 juta pada tahun 2001 menjadi RM115.08 juta. Pengurangan sejumlah RM20 juta adalah kerana menebus simpanan tetap, sementara pelaburan saham berjumlah RM107.08 juta kekal seperti pada akhir tahun 2001.

### **3.5 KUMPULAN WANG AMANAH DAN DEPOSIT**

Pada 31 Disember 2002, baki Kumpulan Wang Amanah Kerajaan telah berkurangan menjadi RM179.73 juta berbanding RM214.63 juta pada akhir tahun 2001. Sementara baki Kumpulan Wang Amanah Awam meningkat menjadi RM82.14 juta berbanding RM81.30 juta tahun sebelumnya dan baki deposit meningkat sejumlah RM3.14 juta menjadi RM103.65 juta berbanding RM100.51 juta pada tahun 2001. Pada tahun 2002, defisit Kumpulan Wang Pembangunan telah berkurangan menjadi RM143.77 juta berbanding RM145.70 juta pada tahun 2001. Sementara Kumpulan Wang Bekalan Air pula, mencatatkan peningkatan defisit sejumlah RM38.66 juta berbanding defisit sejumlah RM19.21 juta pada tahun 2001.

### **3.6 AKAUN KENA BAYAR**

Perbelanjaan tahun 2002 yang dibayar di bawah Akaun Kena Bayar telah meningkat berbanding tahun 2001 iaitu daripada RM32.67 juta menjadi RM47.52 juta. Kebanyakan perbelanjaan yang dibayar di bawah akaun ini melibatkan perbelanjaan perolehan aset dan bayaran kemajuan projek Pembangunan dan Bekalan Air.

### 3.7 PINJAMAN

Pada akhir tahun 2002, baki pinjaman Kerajaan Negeri telah meningkat menjadi RM1.22 bilion berbanding RM1.10 bilion pada tahun 2001. Peningkatan tersebut disebabkan beberapa tambahan pinjaman bagi Projek Bekalan Air sejumlah RM97.85 juta, Projek Perumahan Awam Kos Rendah sejumlah RM29.89 juta dan Badan Berkanun Negeri sejumlah RM3.26 juta diterima pada tahun 2002. Pada masa yang sama, bayaran balik pinjaman semasa berkurangan sejumlah RM13.19 juta berbanding tahun sebelumnya. Kedudukan baki pinjaman pada akhir tahun 2002 berbanding tahun 2001 adalah seperti di **Jadual 2**.

**Jadual 2**  
**Baki Pinjaman Kerajaan Negeri Dengan**  
**Kerajaan Persekutuan Bagi Tahun 2001 Dan 2002**

Bil.	Butiran Pinjaman	Baki Pinjaman	
		2001 (RM Juta)	2002 (RM Juta)
1.	Bekalan Air	677.51	759.38
2.	Badan Berkanun Negeri	142.31	148.31
3.	Perumahan Awam Kos Rendah	216.76	246.36
4.	Ladang Hutan Kompensatori	40.67	40.23
5.	Pelbagai Projek	22.34	22.34
	<b>Jumlah</b>	<b>1,099.59</b>	<b>1,216.62</b>

*Sumber : Penyata Akaun Awam*

### 3.8 TUNGGAKAN HUTANG KERAJAAN NEGERI

Pada tahun 2002, daripada baki pinjaman sejumlah RM1.22 bilion, Kerajaan Negeri mempunyai tunggakan bayaran balik hutang termasuk pokok dan faedah sejumlah RM209.96 juta. Peningkatan ketara tunggakan bayaran balik sejumlah RM84.54 juta ini disebabkan kegagalan Agensi membayar balik pinjaman mereka kepada Kerajaan Negeri. Kedudukan hutang Kerajaan Negeri bagi tahun 2002 berbanding 2001 adalah seperti di **Jadual 3**.

**Jadual 3**  
**Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman Kerajaan Negeri**  
**Bagi Tahun 2001 Dan 2002**

Bil.	Butiran Pinjaman	Tunggakan Hutang	
		2001 (RM Juta)	2002 (RM Juta)
1.	Bekalan Air	54.41	78.65
2.	Badan Berkanun Negeri	42.58	82.87
3.	Perumahan Awam Kos Rendah	18.40	33.90
4.	Ladang Hutan Kompensatori	1.87	3.21
5.	Pelbagai Projek	8.16	11.33
	<b>Jumlah</b>	<b>125.42</b>	<b>209.96</b>

*Sumber : Penyata Akaun Awam*

### 3.9 TUNGGAKAN HASIL

Berdasarkan penyata yang dikemukakan oleh Pemungut Hasil, baki tunggakan hasil pada 31 Disember 2002 menunjukkan penurunan daripada RM61.04 juta tahun 2001 menjadi RM52.27 juta pada akhir tahun 2002. Tunggakan hasil yang menurun ialah hasil tanah dan air, manakala tunggakan sewa rumah awam kos rendah meningkat. Peningkatan tunggakan sewa rumah awam kos rendah seperti biasa disebabkan penyewa tidak menjelaskan sewa bulanan mereka mengikut jadual. Sementara tunggakan hasil tanah menurun adalah kesan tindakan berterusan pejabat tanah seluruh Negeri Pahang mengutip tunggakan hasil termasuk mengeluarkan notis perampasan kepada pemilik tanah yang mempunyai tunggakan melebihi RM500 dan telah melebihi 5 tahun. Kedudukan tunggakan hasil tahun 2002 berbanding 2001 adalah seperti di **Jadual 4**.

**Jadual 4**  
**Kedudukan Tunggakan Hasil Tahun 2001 Dan 2002**

Bil.	Jenis Tunggakan	Tahun		Pertambahan/ (Pengurangan) (RM Juta)
		2001 (RM Juta)	2002 (RM Juta)	
1.	Hasil Tanah	36.44	26.56	(9.88)
2.	Hasil Air	12.15	11.93	(0.22)
3.	Hasil Sewa Rumah Awam Kos Rendah	11.28	12.58	1.30
4.	Hasil Hutan	0.07	0.07	-
5.	Hasil-hasil Lain	1.10	1.13	0.03
	<b>Jumlah</b>	<b>61.04</b>	<b>52.27</b>	<b>(8.77)</b>

*Sumber : Penyata Tunggakan Hasil*

#### 4. KEMAJUAN PELAKSANAAN PROJEK PEMBANGUNAN RMK8

Pada tahun 2002, peruntukan Rancangan Malaysia Kelapan (2001-2005) telah dikurangkan daripada RM2.21 bilion menjadi RM1.88 bilion bagi pelaksanaan 403 daripada 419 projek melibatkan 11 Jabatan. Daripada jumlah itu, sejumlah RM987.32 juta diperuntukkan bagi Projek Bekalan Air sementara bakinya RM891.40 juta bagi kemudahan asas dan penyiapan Projek Perumahan Awam Kos Rendah sedia ada. Sehingga akhir tahun 2002, sejumlah RM507.84 juta atau 27% daripada RM1.88 bilion telah dibelanjakan. Butiran peruntukan dan peratusan perbelanjaan setakat akhir tahun 2002 adalah seperti di **Jadual 5**.

**Jadual 5**  
**Perbelanjaan Dan Kemajuan Projek Di Bawah RMK8**

<b>Bil.</b>	<b>Jabatan</b>	<b>Bil. Projek</b>	<b>Peruntukan RMK8 (RM Juta)</b>	<b>Jumlah Perbelanjaan Sehingga 31.12.2002 (RM Juta)</b>	<b>Peratus Perbelanjaan (%)</b>
1.	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri	147	239.50	55.08	23
2.	Pejabat Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri	4	36.35	1.55	4
3.	Jabatan Kerja Raya	98	297.10	47.60	16
4.	Jabatan Perhutanan	3	22.50	1.87	8
5.	Jabatan Perkhidmatan Haiwan	11	20.00	4.03	20
6.	Jabatan Pertanian	25	35.00	8.61	25
7.	Jabatan Pengairan Dan Saliran	11	40.95	9.11	22
8.	Jabatan Agama Islam Pahang	52	95.00	13.10	14
9.	Pejabat Pembangunan Negeri	13	90.00	19.40	22
10.	Mahkamah Syariah	1	15.00	0.06	0.40
11.	Jabatan Bekalan Air	38	987.32	347.43	35
	<b>Jumlah</b>	<b>403</b>	<b>1,878.72</b>	<b>507.84</b>	<b>27</b>

*Sumber : Pejabat Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri*

## **5. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT**

Penyediaan Penyata Akaun Awam tahun 2002 adalah baik. Butiran yang ditunjukkan dalam penyata telah dapat disahkan kerana disertakan dengan dokumen sokongan yang mencukupi. Kedudukan kewangan Kerajaan Negeri adalah sederhana dengan sedikit peningkatan hasil dan penurunan tunggakan hasil. Namun begitu, pengurangan kutipan hasil Negeri daripada sumber hutan patut diberi perhatian khusus oleh Kerajaan Negeri. Bagi pelaksanaan Projek Pembangunan RMK8, hanya 27% atau RM507.84 juta daripada RM1.88 bilion yang diperuntukkan untuk 403 projek telah dibelanjakan setakat ini.

**BAHAGIAN II**  
**PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN NEGERI**

**6. PENDAHULUAN**

Selain mengesahkan Penyata Akaun Awam, Jabatan Audit Negara juga menjalankan pengauditan pengurusan kewangan terhadap Jabatan Negeri. Pada tahun 2002, Pejabat Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri, Pejabat Daerah Dan Tanah Lipis, Jabatan Kehakiman Syariah Pahang, Pejabat Pembangunan Negeri dan Dewan Negeri Pahang telah dipilih untuk diaudit. Hasil pemeriksaan tersebut seperti yang dilaporkan ini telah dimaklumkan kepada Jabatan berkenaan.

**PEJABAT KEWANGAN DAN PERBENDAHARAAN NEGERI**

**7. LATAR BELAKANG**

**7.1** Pejabat Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri adalah Jabatan yang bertanggungjawab mengawal selia Jabatan Negeri bagi memastikan peraturan dan undang-undang kewangan dipatuhi. Tanggungjawab ini meliputi mengawal selia kutipan hasil Negeri, pengagihan peruntukan kepada Jabatan, mengawal bayaran dan menentukan rekod kewangan Jabatan diselenggarakan dengan betul dan sempurna. Ini adalah bagi memastikan pengurusan kewangan Negeri dapat dilaksanakan dengan teratur.

**7.2** Pejabat Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri diketuai oleh Pegawai Kewangan Negeri dengan dibantu oleh 6 kakitangan Kumpulan Pengurusan dan Profesional serta 69 kakitangan Kumpulan Sokongan. Dua bahagian telah diwujudkan iaitu Bahagian Pentadbiran Dan Kewangan dan Bahagian Pengiraan. Bahagian Pentadbiran Dan Kewangan yang diketuai oleh Timbalan Pegawai Kewangan Negeri meliputi Unit Perkhidmatan Dan Kewangan, Unit Pengurusan Bajet Dan Pinjaman dan Unit Analisis Dan

Pemantauan Pelaburan. Bahagian Pengiraan pula diketuai oleh Akauntan Negeri mengandungi Unit Akaun, Unit Audit, Unit Bayaran, Unit Gaji, Unit Semak dan Unit Prosesan Data. Setiap pegawai yang melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan oleh Pegawai Kewangan Negeri telah diberi perwakilan kuasa secara bertulis. Selain itu, dalam menjanakan urusan tanggungjawab pengurusan kewangan dan pemantauan kewangan Jabatan di bawah Kerajaan Negeri, Manual Prosedur Kerja dan Fail Meja ada disediakan sejajar dengan kehendak Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 8 Tahun 1991 mengandungi prosedur kerja yang menjadi asas rujukan Jabatan. Pada 27 Disember 2002, Sijil MS ISO 9002 telah diperolehi daripada MAMPU sebagai pengiktirafan manual prosedur yang disediakan mencakupi skop Pengurusan Belanjawan Negeri.

**7.3** Dari segi pemantauan pula pada bulan Mac 2002, Pejabat Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri telah menubuhkan Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun sejajar dengan kehendak Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1996. Sepanjang tahun 2002, sebanyak 3 kali mesyuarat telah diadakan dengan dipengerusikan oleh Pegawai Kewangan Negeri sendiri. Selain daripada Jawatankuasa ini, 9 Jawatankuasa lain ada ditubuhkan di peringkat Pejabat Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri untuk mengawal dan memantau urusan kewangan Kerajaan Negeri. Bagi melengkapkan lagi urusan kewangan baik di peringkat Jabatan mahupun di Pejabat Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri sendiri, pelbagai kursus telah dianjurkan oleh Pejabat Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri dan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri dengan kerjasama Kementerian Kewangan. Di peringkat Pejabat Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri, 14 kursus telah dihadiri oleh 54 anggotanya sepanjang tahun 2002.

## **8. OBJEKTIF DAN SKOP PENGAUDITAN**

Tujuan pengauditan ini adalah untuk menentukan sama ada peraturan kewangan dipatuhi, keberkesanan kawalan dalaman yang diwujudkan, penyelenggaraan rekod adalah lengkap dan kemas kini dan seterusnya menilai tahap pencapaian peranan/tanggungjawab Pejabat Kewangan dan

Perbendaharaan Negeri Pahang sebagai Agensi pengawal kewangan. Skop pengauditan meliputi pemeriksaan terhadap rekod kewangan bagi tahun 2002.

## **9. PENEMUAN AUDIT**

### **9.1 KAWALAN BAJET**

**9.1.1** Semasa penyediaan bajet tahun 2002, Pejabat Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri pada akhir bulan April 2001 mengeluarkan Surat Pekeliling Perbendaharaan Negeri Pahang Bil. 2 Tahun 2001 kepada semua Pegawai Pengawal. Seperti tahun lalu, bajet tahun 2002 masih merupakan bajet defisit sejumlah RM75.21 juta dengan hasil RM376.36 juta berbanding perbelanjaan RM451.57 juta. Bajet ini telah diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri pada pertengahan bulan November 2001.

**9.1.2** Bagi menampung defisit tahun 2002, Kerajaan Negeri telah mengambil langkah berikut :

- i)** Meningkatkan usaha mengutip tunggakan hasil.
- ii)** Mengkaji semula pemberian geran dan sumbangan kepada Agensi Kerajaan dan Badan Berkanun Negeri.
- iii)** Mengutip balik pinjaman dan tunggakan daripada Agensi Kerajaan dan Badan Berkanun Negeri.
- iv)** Mencari sumber baru dan mengamalkan perbelanjaan berhemat.

**9.1.3** Semakan Audit mendapati kawalan bajet adalah memuaskan meliputi perkara berikut :

- i)** Waran bagi perbelanjaan mengurus dan pembangunan telah ditandatangani oleh Menteri Besar pada akhir bulan Disember

2001 sebagaimana disyaratkan dalam Seksyen 13 (2), Akta Acara Kewangan 1957.

- ii) Kesemua 60 waran pindah peruntukan perbelanjaan mengurus dan 9 waran pindah peruntukan untuk perbelanjaan pembangunan telah diluluskan oleh Pegawai Kewangan Negeri.
- iii) Tambahan peruntukan sejumlah RM8.04 juta untuk perbelanjaan mengurus dan RM4.82 juta untuk perbelanjaan pembangunan telah diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri pada bulan April 2003. Tambahan perbelanjaan mengurus adalah bagi pembayaran bonus dan tambahan emolumen berikutan Sistem Saraan Malaysia manakala tambahan perbelanjaan pembangunan pula melibatkan perbelanjaan untuk ubah suai istana, Perumahan Awam Kos Rendah dan Muzium Negeri.

**Pada pendapat Audit, kawalan bajet pada keseluruhannya adalah memuaskan. Walaupun bajet defisit yang disediakan, namun perbelanjaan yang melebihi peruntukan telah diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri sewajarnya.**

## **9.2 KAWALAN HASIL**

Kutipan hasil Kerajaan Negeri terdiri daripada hasil cukai, hasil bukan cukai dan penerimaan bukan hasil. Pada tahun 2002, kutipan hasil Kerajaan Negeri mencatatkan peningkatan daripada RM341.76 juta tahun 2001 menjadi RM358.91 juta pada akhir tahun 2002. Antara hasil utama yang dipungut ialah hasil tanah RM121.36 juta, air RM78.62 juta dan hasil hutan RM72.27 juta. Selebihnya sejumlah RM86.66 juta adalah geran persekutuan dan hasil-hasil lain.

### **9.2.1 Perakaunan Hasil**

Pemungut Hasil adalah bertanggungjawab untuk memungut, menyimpan, memasukkan wang hasil ke bank dan mengemukakan kira-kira tunai ke Perbendaharaan Negeri setiap bulan. Selain itu, Pemungut juga dikehendaki menyediakan penyata penyesuaian hasil

bulanan bagi memastikan ketepatan akaun mereka dengan akaun di Perbendaharaan Negeri. Akauntan Negeri pula adalah bertanggungjawab untuk memantau bagi memastikan semua peraturan berkaitan dipatuhi oleh Pemungut Hasil.

Semakan Audit terhadap perakaunan hasil mendapati perkara berikut

**i) Penyerahan Akaun Tunai Oleh Pemungut Hasil**

Mengikut Arahan Perbendaharaan 145, setiap Pemungut Hasil hendaklah mengemukakan akaun tunai bulanan yang sempurna ke Perbendaharaan Negeri dalam tempoh 10 hari selepas akhir setiap bulan. Berdasarkan rekod Perbendaharaan Negeri setakat bulan Februari 2003, kesemua 148 Pemungut Hasil telah menghantar akaun tunai bulanan tahun 2002 ke Perbendaharaan Negeri.

**ii) Pemprosesan Penyata Pemungut Dan Pengeluaran Resit Perbendaharaan**

Hasil yang dipungut akan dimasukkan ke bank oleh Pegawai Pemungut dengan menyediakan penyata pemungut. Penyata pemungut yang telah diakui terima oleh pihak bank akan dikemukakan ke Perbendaharaan Negeri untuk diperakaunkan. Mengikut rekod Perbendaharaan Negeri bagi tempoh bulan Januari hingga Jun 2002, kesemua 21,687 penyata pemungut bernilai RM298.70 juta yang diterima telah diproses dan dikeluarkan resit Perbendaharaan sebagai akaun penerimaan. Bagaimanapun, mengikut penyata penyesuaian bank bulan Disember 2002, adalah didapati 77 penyata pemungut bernilai RM498,785 belum dikeluarkan resit oleh Perbendaharaan Negeri kerana penyata pemungut berkaitan tidak diterima daripada pihak bank.

**iii) Pengesahan Laporan Hasil Bulanan Dan Penyata Penyesuaian Hasil**

Berdasarkan Daftar Pengesahan dan Penyesuaian Hasil yang diselenggarakan oleh Perbendaharaan Negeri setakat bulan Februari 2003, daripada 148 Pemungut Hasil, 6 Pemungut Hasil sahaja yang tidak membuat pengesahan flimsi hasil. Manakala 23 pemungut lagi hanya membuat pengesahan sebahagian bulan pada tahun 2002. Keadaan ini jauh lebih baik berbanding kedudukan tahun 2001 dengan 80% Pemungut Hasil tidak membuat pengesahan hasil. Bertambah baiknya kedudukan ini adalah kesan daripada kursus kewangan yang dianjurkan oleh Pejabat Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri kepada kakitangan pejabat Pemungut Hasil dan pemantauan secara berterusan oleh Perbendaharaan Negeri.

**iv) Penyerahan Penyata Penyesuaian Bank Akaun Terimaan**

Mengikut Arahan Perbendaharaan 146, Akauntan Negeri hendaklah menyediakan penyata penyesuaian bank selepas akhir setiap bulan dan dikemukakan kepada Ketua Audit Negara atau wakilnya dalam tempoh 2 minggu selepas akhir setiap bulan. Pada tahun 2002, penyediaan dan penyerahan penyata penyesuaian bank telah bertambah baik. Bagi bulan Januari hingga Ogos 2002 penyerahan penyata adalah dalam tempoh yang ditetapkan kecuali kelewatan antara 1 hingga 3 bulan berlaku bagi bulan September hingga Disember 2002. Berbanding tahun 2001, kelewatan purata penyerahan penyata penyesuaian adalah melebihi 6 bulan.

**v) Kawalan Pungutan Hasil Peringkat Jabatan**

Berdasarkan semakan Audit terhadap akaun tunai bulanan yang telah disemak oleh Unit Hasil di Perbendaharaan Negeri mendapati kawalan terhadap pungutan hasil di peringkat pemungut pada keseluruhannya telah bertambah baik meliputi perkara berikut :

- a) Adalah didapati tidak berlaku kelewatan yang ketara mengenai kemasukan wang pungutan hasil ke bank.
- b) Semakan harian oleh pegawai yang diberi kuasa ada dilaksanakan sebagaimana kehendak Arahan Perbendaharaan 80(b).
- c) Resit dikeluarkan mengikut susunan siri yang betul dan direkodkan ke Buku Tunai sebagaimana kehendak Arahan Perbendaharaan 72.
- d) Surat kuasa menandatangani dan mengeluarkan resit ada dikemukakan ke Perbendaharaan Negeri seperti kehendak Arahan Perbendaharaan 69 dan 70.

### **9.2.2 Tunggakan Hasil**

Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bil. 7 Tahun 1986 dan Surat Pekeliling Akauntan Negeri Bil. 4 Tahun 2002 bertarikh pada akhir bulan Ogos 2002, Pemungut Hasil dikehendaki mengemukakan Penyata Tunggakan Hasil ke Perbendaharaan Negeri selewat-lewatnya pada hari terakhir bulan Februari 2003. Pada tahun 2002, tunggakan hasil Kerajaan Negeri telah mencatatkan penurunan daripada RM61.04 juta pada tahun 2001 menjadi RM52.27 juta. Pemeriksaan Audit terhadap pengurusan tunggakan hasil mendapati perkara berikut :

- i) Kesemua Pemungut Hasil telah mematuhi arahan dengan menghantar Penyata Tunggakan Hasil dalam masa yang ditetapkan.
- ii) Perbendaharaan Negeri ada menyelenggara rekod penerimaan Penyata Tunggakan Hasil daripada Pemungut Hasil bagi tujuan kawalan.

- iii) Jawatankuasa Tunggakan Hasil ada ditubuhkan bagi mengawal tunggakan hasil Negeri. Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh YB. Setiausaha Kerajaan Negeri. Bagaimanapun pada tahun 2002, Jawatankuasa ini hanya bermesyuarat satu kali sahaja.

**Pada pendapat Audit, kawalan hasil Kerajaan Negeri pada tahun 2002 adalah bertambah baik. Ini adalah kesan daripada pemantauan yang berterusan oleh Pejabat Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri terhadap Pemungut Hasil.**

### **9.3 KAWALAN PERBELANJAAN**

Pada tahun 2002, daripada sejumlah RM451.57 juta yang telah diperuntukkan untuk perbelanjaan mengurus, sejumlah RM349.97 juta telah dibelanjakan. Bagi perbelanjaan Kumpulan Wang Pembangunan dan Bekalan Air pula, sejumlah RM250.07 juta telah dibelanjakan daripada peruntukan yang diluluskan sejumlah RM259.55 juta.

#### **9.3.1 Kawalan Perbelanjaan Mengurus**

Komponen Perbelanjaan Mengurus terdiri daripada Emolumen, Perkhidmatan dan Bekalan, Perolehan Aset, Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap serta Perbelanjaan Lain. Semakan Audit terhadap kawalan perbelanjaan mengurus mendapati perkara berikut :

- i) Tidak ada perbelanjaan yang melebihi peruntukan.
- ii) Kesemua Waran Pindah Peruntukan telah diluluskan oleh Pegawai Kewangan Negeri.
- iii) Prestasi perbelanjaan keseluruhan mencapai 89%.

### **9.3.2 Kawalan Perbelanjaan Pembangunan**

Perbelanjaan Pembangunan dan Bekalan Air pada tahun 2002 adalah berjumlah RM250.07 juta iaitu menurun sejumlah RM7.69 juta daripada RM257.76 juta bagi tahun 2001. Komponen di bawah Perbelanjaan Pembangunan ini terdiri daripada perbelanjaan secara langsung yang dibiayai melalui peruntukan Kerajaan Negeri dan pinjaman yang diperolehi daripada Kerajaan Persekutuan. Begitu juga bagi Bekalan Air terdiri daripada Perbelanjaan Berulang yang dibiayai melalui peruntukan Kerajaan Negeri dan Tidak Berulang daripada pinjaman Kerajaan Persekutuan. Semakan Audit menunjukkan kawalan perbelanjaan pembangunan pada keseluruhannya adalah memuaskan seperti berikut :

- i) Adalah didapati tidak ada perbelanjaan melebihi peruntukan.
- ii) Perbelanjaan dibuat mengikut maksud peruntukan yang diluluskan.
- iii) Perbelanjaan sebenar mencapai tahap 95% daripada peruntukan yang diluluskan.
- iv) Kesemua Pindah Peruntukan dan Anggaran Tambahan telah diluluskan sewajarnya.

### **9.3.3 Kawalan Pembayaran**

Mengikut rekod Perbendaharaan Negeri pada tahun 2002, sejumlah 88,617 baucar bayaran bernilai RM720.36 juta telah diproses. Pemeriksaan Audit terhadap 2,693 baucar bayaran yang dipilih secara rambang bernilai RM306.59 juta mendapati kawalan dan prosedur pembayaran telah dipatuhi seperti berikut :

- i) Dokumen sokongan kepada baucar bayaran adalah lengkap dan mencukupi bagi mengesahkan sesuatu bayaran itu dibuat oleh pegawai yang diberi kuasa.

- ii) Adalah didapati bayaran diluluskan setelah memastikan baki peruntukan mencukupi bagi sesuatu maksud perbelanjaan yang dibuat.
- iii) Tidak ada kes kelewatan bayaran yang ketara berlaku. Pembayaran lewat yang dibuat di bawah Arahan Perbendaharaan 58(a) telah mendapat kelulusan Pegawai Kewangan Negeri.
- iv) Penyata Penyesuaian Bank bayaran telah dikemukakan untuk pengauditan dalam tempoh yang ditetapkan sejajar dengan kehendak Arahan Perbendaharaan 146.
- v) Pengesahan perbelanjaan bulanan dan penyesuaian antara rekod Jabatan dengan rekod Perbendaharaan Negeri ada dilakukan oleh sebahagian besar Pegawai Pengawal iaitu sekitar 80%.
- vi) Stok cek dikawal dengan teratur. Cek yang diterima dan pengeluarannya direkod dengan sempurna dalam Daftar Stok Cek dan disemak secara berkala oleh Akauntan Negeri.

#### **9.3.4 Pembayaran Secara Tunai**

Mengikut Arahan Perbendaharaan 96(a), Ketua Jabatan boleh memohon kepada Perbendaharaan Negeri untuk pembayaran secara tunai. Permohonan ini hendaklah disertakan dengan baucar bayaran bersama senarai penerima. Arahan Perbendaharaan 96(c) pula, menghendaki baki wang yang tidak dapat dibahagikan dalam tempoh 21 hari hendaklah dikembalikan kepada Perbendaharaan Negeri. Berdasarkan rekod Perbendaharaan Negeri bilangan baucar tunai yang belum dikembalikan pada tahun 2002 ialah 179 baucar bernilai RM0.65 juta. Bilangan ini telah berkurangan berbanding 466 baucar bernilai RM1.79 juta pada tahun 2001. Penurunan ini disebabkan Akauntan Negeri telah mengambil tindakan mengadakan perbincangan dengan Jabatan yang sering mengalami masalah kelewatan mengembalikan baucar tunai ke Perbendaharaan Negeri. Selain itu, panduan penyediaan baucar menggantikan baucar tunai

telah diluluskan oleh Pegawai Kewangan Negeri pada pertengahan bulan September 2002 sebagai usaha Pejabat Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri untuk menangani masalah kelewatan mengembalikan baucar tunai tersebut. Antara Pegawai Pengawal yang masih lewat mengembalikan baucar tunai pada tahun 2002 adalah seperti di **Jadual 6**.

**Jadual 6**  
**Pegawai Pengawal Yang Lewat Mengembalikan**  
**Baucar Tunai Setakat April 2003**

Bil.	Pegawai Pengawal	Bil. Baucar	Jumlah (RM)
1.	Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri	57	299,695
2.	Pengelola Bijaya DiRaja	34	166,744
3.	Pengarah Jabatan Agama Islam Negeri	24	58,050
4.	Pegawai Daerah Temerloh	9	37,650
5.	Pengarah Jabatan Kerja Raya	17	16,199
6.	Pegawai Daerah Bera	7	18,200

*Sumber : Rekod Perbendaharaan Negeri*

**Pada pendapat Audit, kawalan perbelanjaan Kerajaan Negeri telah bertambah baik setiap tahun termasuk di peringkat Pegawai Pengawal. Ini meliputi aspek kawalan peruntukan dan urusan pembayaran kecuali kawalan terhadap pembayaran secara tunai.**

## **9.4 PENGURUSAN PINJAMAN**

### **9.4.1 Pinjaman Dengan Kerajaan Persekutuan**

Pada tahun 2002, Kerajaan Negeri memperoleh pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan sejumlah RM131 juta terdiri daripada RM3.52 juta pinjaman bagi projek baru dan sejumlah RM127.48 juta merupakan pengeluaran pinjaman bagi 12 projek yang sedia ada. Projek baru berkenaan ialah Program Mengurangkan Kadar Kehilangan Air Tidak Berhasil Jabatan Bekalan Air bagi mengatasi masalah kehilangan air di Negeri Pahang. Semakan Audit terhadap pengurusan pinjaman mendapati :

- i) Maklumat dalam Daftar Pinjaman seperti terimaan dan bayaran balik telah direkod dengan lengkap dan kemas kini.
- ii) Setiap pinjaman yang diterima disertakan dengan surat perjanjian kecuali jadual bayaran balik bagi 5 pinjaman masih belum diterima.
- iii) Penyata Penyesuaian Baki Pinjaman antara rekod Kerajaan Negeri dengan rekod Kerajaan Persekutuan ada disediakan.

#### **9.4.2 Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman Dengan Kerajaan Persekutuan**

Pada tahun 2002, Kerajaan Negeri sepatutnya membayar balik pinjaman kepada Kerajaan Persekutuan sejumlah RM223.16 juta yang terdiri daripada bayaran anuiti tahun semasa sejumlah RM97.73 juta dan tunggakan tahun lalu sejumlah RM125.43 juta. Bagaimanapun, Kerajaan Negeri hanya menjelaskan bayaran balik pinjaman sejumlah RM13.19 juta atau 6% sahaja menyebabkan baki bayaran balik pada akhir tahun 2002 tertunggak sejumlah RM209.96 juta. Sebahagian besar tunggakan tersebut adalah bagi pinjaman Projek Perindustrian Gebeng Fasa II dan pinjaman yang dijadualkan semula bagi Bekalan Air dan Perumahan Awam Kos Rendah. Kerajaan Negeri membuat bayaran balik pinjaman kurang daripada yang ditetapkan pada tahun 2002, berikutan masalah kekurangan aliran tunai dan kegagalan Agensi Kerajaan Negeri membayar balik hutang mereka kepada Kerajaan Negeri.

#### **9.4.3 Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman Agensi Dengan Kerajaan Negeri**

Tunggakan hutang Agensi dengan Kerajaan Negeri pada akhir tahun 2002 meningkat menjadi RM76.72 juta berbanding RM37.01 juta pada akhir tahun 2001. Peningkatan sejumlah RM39.71 juta ini disebabkan pada tahun 2002 semua Agensi tidak menjelaskan ansuran pinjaman mengikut jadual yang telah ditetapkan kecuali Yayasan Pahang dan Majlis Perbandaran Temerloh sahaja yang

membuat bayaran balik sejumlah RM1.25 juta. Sebahagian besar tunggakan tersebut adalah pinjaman kepada Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang bagi Projek Kawasan Perindustrian Gebeng Fasa II dan Lembaga Kemajuan Perusahaan Pertanian Negeri Pahang bagi pinjaman yang dijadualkan semula. Kedudukan tunggakan ansuran Agensi kepada Kerajaan Negeri bagi tahun 2002 berbanding 2001 adalah seperti di **Jadual 7**.

**Jadual 7**  
**Tunggakan Ansuran Bayaran Balik Oleh Agensi Negeri Bagi Tahun 2001 Berbanding 2002**

Bil.	Nama Agensi	Tunggakan	
		2001 (RM Juta)	2002 (RM Juta)
1.	Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang	25.28	57.08
2.	Lembaga Kemajuan Perusahaan Pertanian Negeri Pahang	3.44	7.39
3.	Perbadanan Kemajuan Bukit Fraser	1.21	1.21
4.	Amanah Saham Pahang	6.78	10.98
5.	Majlis Perbandaran Temerloh	0.27	0.00
6.	Perbadanan Stadium Darul Makmur	0.03	0.06
7.	Yayasan Pahang	0.00	0.00
	<b>Jumlah</b>	<b>37.01</b>	<b>76.72</b>

*Sumber : Penyata Akaun Awam*

Pada pendapat Audit, pengurusan pinjaman Kerajaan Negeri pada tahun 2002 tidak banyak berubah daripada tahun sebelumnya. Kerajaan Negeri didapati masih gagal menjelaskan bayaran balik pinjaman kepada Kerajaan Persekutuan mengikut jadual. Jumlah yang dijelaskan RM13.19 juta adalah kecil berbanding yang sepatutnya dijelaskan RM223.16 juta berikutan masalah aliran tunai yang dihadapi oleh Kerajaan Negeri. Pada masa yang sama Agensi Kerajaan Negeri pula gagal membayar balik pinjaman mereka kepada Kerajaan Negeri.

## **9.5 PENGURUSAN PELABURAN**

**9.5.1** Pada tahun 2002, Pejabat Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri telah menubuhkan Unit Analisis dan Pemantauan Pelaburan bagi menguruskan hal ehwal pelaburan Kerajaan Negeri sejumlah RM115.08 juta. Jumlah tersebut meliputi pelaburan saham bernilai RM107.08 juta dan simpanan tetap sejumlah RM8 juta. Pelaburan Kerajaan Negeri telah berkurangan daripada RM135.08 juta pada tahun 2001 menjadi RM115.08 juta pada tahun 2002. Pengurangan tersebut bukan disebabkan adanya penjualan saham tetapi disebabkan pengeluaran simpanan tetap sejumlah RM20 juta bagi menampung perbelanjaan kewangan Negeri.

**9.5.2** Pengauditan terhadap pengurusan pelaburan mendapati pada keseluruhannya pelaburan Kerajaan Negeri diurus dengan memuaskan meliputi perkara berikut :

- i) Semua pembelian saham oleh Kerajaan Negeri telah mendapat kelulusan Badan Perundangan Negeri.
- ii) Semua dividen saham dan syer tahun 2002 sejumlah RM3.7 juta dan sejumlah RM1.17 juta keuntungan atas simpanan tetap telah pun diterima.
- iii) Rekod pelaburan telah diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini.
- iv) Sijil pelaburan disimpan dengan selamat.

**Pada pandangan Audit, Jabatan telah menguruskan pelaburan dengan teratur dan memuaskan. Rekod berkaitan telah diselenggarakan dengan sempurna dan kemas kini. Ada bahagian yang bertanggungjawab yang menguruskan pelaburan dan semua keputusan mengenainya dirujuk kepada Jawatankuasa tertentu.**

## **9.6 PENGURUSAN AKAUN AMANAH DAN DEPOSIT**

Pada tahun 2002, terdapat 29 akaun amanah kerajaan, sebanyak 34 akaun amanah awam dan 136 deposit dikawal selia oleh 24 Pegawai Pengawal. Arahan penubuhan sesuatu akaun atau Kumpulan Wang Amanah menetapkan penyata akaun hendaklah disediakan pada akhir setiap tahun dan dikemukakan untuk diaudit sebelum 31 Mac tahun berikutnya. Manakala bagi akaun deposit pula, satu senarai baki pada 31 Disember hendaklah disediakan dan dihantar kepada Akauntan Negeri dan Jabatan Audit Negara seperti yang ditetapkan dalam Arahan Perbendaharaan 159.

**9.6.1** Pemeriksaan Audit terhadap pengurusan dan pengendalian akaun amanah dan deposit mendapati perkara berikut :

- i) Penyata akaun tahun 2002 bagi semua kumpulan wang dan akaun amanah telah dikemukakan untuk pengauditan.
- ii) Senarai baki individu pada akhir tahun 2002 bagi kesemua 136 akaun deposit telah disedia dan dikemukakan untuk diaudit. Hanya 8 akaun di bawah 7 Jabatan yang baki deposit berbeza dengan rekod Perbendaharaan Negeri tidak menyediakan penyata penyesuaian.
- iii) Semua Penyata Akaun Amanah yang dikemukakan disertakan dengan penyata penyesuaian di antara rekod Jabatan dengan rekod Perbendaharaan Negeri.

**Pada pendapat Audit, pengurusan akaun amanah dan deposit bertambah baik pada tahun 2002. Keadaan ini adalah hasil daripada kursus yang diberikan kepada pegawai berkenaan di peringkat Jabatan.**

## **10. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT**

Pada keseluruhannya pengurusan kewangan Pejabat Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri adalah baik. Dengan memperolehi Sijil MS ISO 9002 pada tahun 2002 telah memperkemaskan beberapa aspek pengurusan kewangan Pejabat Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri. Pemantauan yang berterusan terhadap Pegawai Pengawal dan Pemungut Hasil di samping kursus yang dianjurkan telah meningkatkan aspek kawalan hasil dan pengurusan akaun amanah, deposit dan kumpulan wang di peringkat Jabatan. Adalah perlu usaha berkaitan diteruskan ke tahun 2003 dengan memasukkan bahagian yang belum diliputi dalam pensijilan MS ISO 9002 seperti Bahagian Hasil dan Perakaunan di samping memperluaskan lagi kursus kepada lebih banyak Jabatan.

## **PEJABAT DAERAH DAN TANAH LIPIS**

### **11. LATAR BELAKANG**

**11.1** Pejabat Daerah Dan Tanah Lipis (Pejabat) bertanggungjawab untuk melaksanakan pentadbiran dan pembangunan daerah. Tanggungjawab utama adalah merancang pembangunan tanah, memproses permohonan dan memberi milik serta menguatkuasakan undang-undang tanah di samping memungut cukai dan hasil berkaitan dengan tanah dan pentadbiran daerah.

**11.2** Pada tahun 2002, Pejabat telah mengutip hasil sejumlah RM11.09 juta. Cukai emas dan cukai tanah telah menyumbang sejumlah RM9.15 juta. Sementara itu sejumlah RM2.72 juta telah dibelanjakan bagi perbelanjaan mengurus dan sejumlah RM819,220 untuk perbelanjaan pembangunan.

### **12. OBJEKTIF DAN SKOP PENGAUDITAN**

Tujuan pengauditan adalah untuk menentukan bahawa wujudnya sistem kawalan dalaman yang berkesan terhadap pungutan hasil, perbelanjaan, deposit dan harta modal. Selain itu, bagi memastikan urusan kewangan dilaksanakan mengikut peraturan yang ditetapkan dan rekod kewangan diselenggara dengan lengkap dan kemas kini. Pengauditan meliputi tempoh Januari hingga Oktober 2002. Di mana perlu, rekod sebelum dan selepas tempoh tersebut juga disemak mengikut kesesuaian dan keperluan. Antara rekod utama yang diperiksa ialah Buku Tunai Hasil dan Deposit, Lejar Deposit, Buku Vot, Penyata Penyesuaian dan Buku Log.

## **13. PENEMUAN AUDIT**

### **13.1 KAWALAN PENGURUSAN**

Kawalan pengurusan yang berkesan wujud dengan adanya sistem dan prosedur yang teratur. Ini akan memudahkan pihak pengurusan melaksanakan tugas dan tanggungjawabnya. Adalah didapati kawalan pengurusan di Pejabat melibatkan perkara berikut:

#### **13.1.1 Struktur Organisasi**

Pejabat telah mewujudkan satu struktur organisasi yang jelas meliputi 3 Bahagian iaitu Pentadbiran Am, Pembangunan dan Pentadbiran Tanah. Struktur organisasi ini menggambarkan keseluruhan fungsi, aktiviti dan hierarki Pejabat. Pejabat ini diketuai oleh seorang Pegawai Daerah dan dibantu oleh 4 orang pegawai dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional serta 133 orang kakitangan Kumpulan Sokongan. Bagaimanapun masih terdapat kekosongan 30 jawatan melibatkan 3 jawatan Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan 27 jawatan Kumpulan Sokongan. Pegawai yang terlibat dengan pengurusan kewangan telah diberi kuasa secara bertulis mengenai had kuasa dan tanggungjawab masing-masing.

#### **13.1.2 Manual Prosedur Kerja**

Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 8 Tahun 1991 menetapkan Manual Prosedur Kerja perlu disediakan sebagai dokumen rujukan utama Jabatan agar seseorang pegawai dan kakitangan melaksanakan tugas dengan cekap dan berkesan. Manual Prosedur Kerja hendaklah dikemas kini jika berlaku sebarang perubahan dalam organisasi atau proses aliran kerja. Bahagian Pentadbiran Tanah didapati menggunakan Manual Pentadbiran Tanah yang dikeluarkan dengan lengkap oleh

Ketua Pengarah Tanah Persekutuan pada tahun 1980 sebagai rujukan dan panduan. Manakala Pentadbiran Daerah sedang mengemas kini Manual Prosedur Kerja dan akan digunakan sepenuhnya mulai bulan Februari 2003.

#### **13.1.3 Fail Meja**

Fail Meja adalah merupakan dokumen yang mengandungi maklumat dan panduan mengenai tugas seseorang kakitangan. Antara dokumen penting yang perlu ada dalam Fail Meja ialah senarai tugas, proses kerja, senarai undang-undang dan panduan yang diguna pakai dan sebagainya. Adalah didapati Pejabat ada menyelenggarakan Fail Meja namun terdapat bahagian tertentu seperti carta organisasi, proses aliran kerja dan senarai tugas tidak dikemas kini.

#### **13.1.4 Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun**

Mengikut Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1996, setiap Jabatan dikehendaki menubuhkan Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun dan mengadakan mesyuarat sekali dalam tempoh 2 bulan atau 6 kali setahun. Antara bidang tugas Jawatankuasa ini ialah untuk membantu Pegawai Pengawal mengawasi, mengesan dan menyelia semua urusan kewangan supaya menepati kehendak prosedur kewangan. Adalah didapati Pejabat tidak mewujudkan Jawatankuasa berkenaan. Bagaimanapun mesyuarat Pengurusan dan Pentadbiran Pejabat yang dijalankan ada membincangkan aspek pentadbiran dan kewangan serta teguran Audit. Sehingga bulan Oktober tahun 2002, mesyuarat berkenaan telah diadakan sebanyak 4 kali.

#### **13.1.5 Kursus Dan Latihan Kakitangan**

Latihan yang mencukupi kepada anggota Jabatan adalah penting bagi meningkatkan kecekapan pegawai dan kakitangan dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab mereka. Adalah didapati dari bulan Januari hingga Oktober 2002, seramai 49 pegawai dan kakitangan Pejabat telah menghadiri 16 kursus anjuran INTAN

dan Kerajaan Negeri. Bagaimanapun hanya 3 kakitangan yang menghadiri 3 kursus berkaitan kewangan yang dianjurkan oleh Kerajaan Negeri.

**Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya kawalan pengurusan Pejabat boleh dipertingkatkan lagi dengan mengemaskinikan beberapa bahagian dalam Manual Prosedur Kerja dan Fail Meja bagi Pentadbiran Daerah. Selain itu, kursus kewangan perlu diberi kepada lebih ramai pegawai yang terlibat dengan pengurusan kewangan Jabatan.**

## **13.2 KAWALAN HASIL**

Pada tahun 2002, sejumlah RM11.09 juta hasil telah dipungut oleh Pejabat. Pengurusan pungutan hasil Pejabat ini dikendalikan oleh 2 bahagian iaitu Bahagian Pentadbiran Tanah dan Bahagian Pentadbiran Daerah.

### **13.2.1 Bahagian Pentadbiran Tanah**

Pada tahun 2002, Bahagian Pentadbiran Tanah telah mengutip hasil sejumlah RM10.58 juta meliputi bayaran cukai emas, cukai tanah, premium tanah, pendaftaran dan sebagainya. Cukai emas adalah hasil utama dengan kutipan sejumlah RM5.18 juta atau 49% manakala kutipan cukai tanah sejumlah RM3.97 juta atau 38% daripada keseluruhan hasil yang dipungut. Sistem pungutan hasil tanah dijalankan secara berkomputer melalui Sistem Hasil Tanah Berkomputer. Semakan Audit terhadap kawalan hasil mendapati perkara berikut :

#### **i) Kawalan Borang Hasil**

Arahan Perbendaharaan 67, menghendaki satu Daftar Borang Hasil diselenggarakan bagi merekod dan mengawal terimaan dan pengeluaran sesuatu borang hasil. Semakan Audit mendapati Pejabat telah menyelenggarakan Daftar Borang Hasil dengan kemas kini. Setiap penerimaan dan pengeluaran ditandatangani oleh pegawai yang bertanggungjawab. Selain itu, semua stok resit, lesen dan permit yang belum digunakan

dikunci dengan selamat di bawah kawalan seorang pegawai kanan.

#### **ii) Serahan Akaun Tunai Bulanan**

Mengikut Arahan Perbendaharaan 145, kira-kira tunai perlu dikemukakan kepada Akauntan Negeri dalam tempoh 10 hari selepas akhir setiap bulan. Bagaimanapun semakan Audit mendapati berlaku kelewatan antara 10 hingga 37 hari bagi penyerahan akaun tunai bulan Februari hingga Ogos 2002 kepada Akauntan Negeri. Pejabat memaklumkan bahawa kelewatan ini disebabkan pengemaskinian maklumat kutipan luar ke dalam Sistem Hasil Tanah Berkomputer.

#### **iii) Daftar Mel**

Arahan Perbendaharaan 71(a), menghendaki Daftar Mel diselenggarakan bagi maksud merekodkan terimaan wang dan dokumen atau barang berharga melalui pos atau penghantar. Daftar tersebut hendaklah disemak tiap-tiap hari dengan Buku Tunai bagi memastikan semua terimaan telah diperakaunkan. Semakan Audit terhadap Daftar Mel bagi bulan Januari, Mac, April dan Mei tahun 2002 mendapati perkara berikut :

- a) Nombor resit tidak dicatat dalam Daftar Mel walaupun dalam tempoh tersebut Pejabat menerima cek dan wang pos daripada Agensi Kerajaan, pihak swasta dan orang ramai sejumlah RM84,883 bagi bayaran cukai tanah.
- b) Daftar Mel tidak disemak dengan Buku Tunai oleh Pegawai Penyelia.

#### **iv) Keselamatan Wang Pungutan**

Ketua Pejabat adalah bertanggungjawab menjaga keselamatan wang tunai, cek dan sebagainya yang dipungut. Semakan Audit mendapati aspek keselamatan ada diberi perhatian dengan memasukkan wang pungutan ke bank setiap hari dan pungutan yang tidak sempat dibankkan disimpan

dalam peti besi dengan kuncinya dipegang oleh 2 pegawai yang berlainan. Bagaimanapun, adalah didapati kawalan keselamatan semasa penghantaran wang pungutan ke bank tidak disediakan. Keadaan ini agak membahayakan kerana jumlah wang dibawa pada satu masa adalah tinggi sehingga mencecah RM1 juta.

**v) Penyata Penyesuaian Hasil**

Mengikut Arahan Perbendaharaan 143(b), Buku Tunai Hasil hendaklah disemak dengan Laporan Bulanan Akauntan Negeri. Jika terdapat perbezaan, penyata penyesuaian hendaklah disediakan dan dikemukakan kepada Akauntan Negeri. Adalah didapati kedua perkara ini dilaksanakan setiap bulan.

**vi) Pemeriksaan Mengejut**

Arahan Perbendaharaan 309, menghendaki Ketua Jabatan atau wakilnya menjalankan pemeriksaan mengejut terhadap peti besi, peti wang tunai, laci atau bekas lain untuk wang dalam jagaan seseorang pegawai sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh 6 bulan dan pemeriksaan tersebut hendaklah direkodkan dalam daftar. Bagaimanapun daftar yang dimaksudkan tidak diselenggarakan dengan kemas kini dan dengan itu kekerapan pemeriksaan tidak dapat ditentukan.

**vii) Tunggakan Cukai Tanah**

**a)** Mengikut rekod Pejabat, pada akhir tahun 2002 tunggakan cukai tanah berjumlah RM2.7 juta. Semakan Audit terhadap tunggakan cukai yang melebihi RM1,000 mendapati cukai tanah sejumlah RM2.35 juta bagi 337 hak milik tidak dijelaskan antara 1 hingga 28 tahun. Hak milik terbabit melibatkan 2 Agensi Kerajaan Persekutuan, empat Agensi Kerajaan Negeri, individu dan syarikat swasta.

b) Memandangkan tunggakan tersebut melibatkan jumlah yang besar dan menjejaskan kutipan hasil tanah, maka satu usaha yang lebih positif berdasarkan undang-undang perlu dirancang dan dilaksanakan dengan memberi tumpuan utama kepada pemilik yang mempunyai tunggakan yang besar.

**viii) Lesen Pendudukan Sementara**

Sehingga bulan Oktober 2002, jumlah pelesen bagi Lesen Pendudukan Sementara bagi Daerah Lipis adalah 423 pelesen. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 304 pelesen gagal memperbaharui lesen bagi tempoh 1 hingga 9 tahun melibatkan bayaran lesen sejumlah RM143,429. Bagi 107 lesen baru yang diluluskan pada tahun semasa, semakan Audit mendapati ianya dilaksanakan mengikut peraturan dan mendapat kelulusan Pihak Berkuasa Negeri.

**ix) Daftar Cek Tidak Laku**

Daftar Cek Tidak Laku adalah satu daftar merekodkan perihal cek tidak laku yang diterima. Tujuan daftar tersebut diselenggarakan adalah bagi memudahkan Pejabat mengesan dan menuntut kembali bayaran berkenaan daripada pembayarannya. Bagaimanapun, adalah didapati Pejabat tidak menyelenggarakan daftar ini sebagaimana kehendak Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia Bil. 1 Tahun 1994.

**13.2.2 Bahagian Pentadbiran Daerah**

Pada tahun 2002, Bahagian Pentadbiran Daerah telah mengutip hasil sejumlah RM517,680. Bayaran Perumahan Awam Kos Rendah merupakan hasil utama bahagian ini selain sewa bangunan kerajaan, lesen dan lain-lain. Terimaan hasil bagi Perumahan Awam Kos Rendah dibuat melalui sistem berkomputer dikenali sebagai Sistem Perumahan Awam Pahang. Bagaimanapun kutipan hasil lain masih secara manual.

**i) Terimaan Hasil**

Semakan Audit mendapati kawalan kutipan hasil Bahagian Pentadbiran Daerah telah dilaksanakan dengan memuaskan seperti berikut :

- a) Penyemakan harian Buku Tunai telah dilaksanakan sebagaimana kehendak Arahan Perbendaharaan 80(b).
- b) Resit dan lesen disimpan dengan selamat dan pengeluaran diurus serta dikawal dengan sempurna mengikut Arahan Perbendaharaan 66.
- c) Penyesuaian antara Laporan Bulanan Akauntan Negeri dengan Buku Tunai Jabatan telah dibuat dan penyata penyesuaian disediakan.
- d) Tidak ada kelewatan penyerahan akaun tunai bulanan ke Perbendaharaan Negeri selaras dengan kehendak Arahan Perbendaharaan 145.
- e) Pemeriksaan mengejut ada dijalankan terhadap wang tunai sebagaimana kehendak Arahan Perbendaharaan 309(a).

**ii) Tunggakan Ansuran Perumahan Awam Kos Rendah**

Bahagian Pentadbiran Daerah mengendalikan kutipan ansuran bagi 8 Rancangan Perumahan Awam Kos Rendah yang melibatkan 601 pemilik. Sehingga bulan Oktober 2002, daripada sejumlah RM5.33 juta sewa yang patut dipungut, sejumlah RM4.85 juta sahaja berjaya dipungut dengan baki tunggakan RM478,750. Semakan Audit mendapati tunggakan tersebut melibatkan 413 pemilik gagal menjelaskan bayaran ansuran antara 1 hingga 120 bulan.

### **iii) Tabung Bantuan Dan Pinjaman Penjaja Dan Peniaga Kecil**

Pada tahun 1991, Kerajaan Negeri melalui Pejabat Daerah menyalurkan sejumlah RM239,000 sebagai pinjaman kepada 119 penjaja dan peniaga kecil. Pinjaman tanpa faedah ini bertujuan menambahkan bilangan penjaja dan peniaga yang berjaya dengan memberi peluang mendapatkan modal supaya menjadi usahawan yang lebih berjaya. Bayaran balik bagi pinjaman ini ditetapkan selama 36 bulan dari tarikh pengeluaran pinjaman. Semakan Audit mendapati prestasi bayaran balik kurang memuaskan. Sehingga bulan Oktober 2002 hanya 42% atau RM99,418 daripada pinjaman berjaya dipungut balik. Seramai 83 peminjam gagal menjelaskan ansuran sejumlah RM139,582 dan tertunggak antara 8 hingga 10 tahun.

**Pada pendapat Audit, beberapa aspek kawalan hasil bagi Pentadbiran Tanah dan Daerah perlu diperkemas. Aspek berkaitan ialah mengenai kelewatan serahan akaun tunai bulanan ke Perbendaharaan Negeri, kawalan keselamatan semasa penyerahan wang pungutan ke bank dan tindakan terhadap pemilik yang tidak menjelaskan cukai tanah dan Lesen Pendudukan Sementara.**

### **13.3 KAWALAN PERBELANJAAN**

Pada tahun 2002, Pejabat telah diperuntukkan sejumlah RM2.72 juta belanja mengurus dan RM819,720 belanja pembangunan. Daripada jumlah tersebut, sejumlah RM2.72 juta telah dibelanjakan bagi perbelanjaan mengurus sementara RM819,220 bagi belanja pembangunan.

#### **13.3.1 Kuasa Meluluskan Pembayaran**

Kuasa meluluskan pembayaran telah diwakilkan oleh Pegawai Pengawal kepada 8 pegawai iaitu 4 pegawai diberi kuasa meluluskan pembayaran melebihi jumlah RM10,000 manakala 4 pegawai lagi dibenarkan meluluskan pembayaran bagi jumlah yang kurang daripada RM10,000.

#### **13.3.2 Buku Vot**

Buku Vot telah diselenggara dengan memuaskan. Jumlah peruntukan, perbelanjaan, tanggungan, baki masih ada dan lain-lain butiran dicatat dengan lengkap dan kemas kini. Pegawai yang memperakui baucar telah menyemak setiap kali pembayaran dibuat dengan menurunkan tandatangan ringkas pada Buku Vot. Dengan itu, tidak berlaku perbelanjaan melebihi peruntukan.

#### **13.3.3 Penyesuaian Perbelanjaan**

Penyesuaian perbelanjaan antara rekod Pejabat dengan rekod Akauntan Negeri bagi menentukan kesahihan antara kedua rekod ada dibuat. Penyata Penyesuaian mengenainya secara terperinci bagi setiap bulan telah dikemukakan kepada Akauntan Negeri.

#### **13.3.4 Kawalan Perolehan**

Adalah didapati semua perolehan Pejabat dibuat melalui borang pesanan tempatan dan inden kerja. Bagaimanapun, pegawai yang menandatangani borang pesanan tempatan tidak diberi kuasa secara bertulis sebagai pegawai yang meluluskan sesuatu pembelian.

### **13.3.5 Daftar Bil**

Daftar Bil diselenggarakan sebagaimana kehendak Arahan Perbendaharaan 103(b). Maklumat bil seperti tarikh terima, nama pembekal dan amaun ada direkodkan dengan lengkap. Bil yang diterima juga didapati telah dijelaskan dalam tempoh 30 hari dari tarikh penerimaan.

**Pada pendapat Audit, kawalan perbelanjaan Pejabat pada keseluruhannya adalah memuaskan kecuali kawalan pembelian melalui borang pesanan tempatan hendaklah diluluskan oleh pegawai yang diberi kuasa.**

## **13.4 PENGURUSAN AKAUN AMANAH/DEPOSIT**

Pejabat menerima 4 jenis deposit iaitu Deposit Tanah, Deposit Perumahan Awam Kos Rendah, Deposit Tawaran Tender dan Deposit Cukai Hiburan. Deposit Tanah merupakan deposit terbesar dengan kutipan pada tahun ini sejumlah RM178,166. Baki deposit pada akhir tahun 2002 adalah sejumlah RM1.19 juta.

Semakan Audit terhadap terimaan dan bayaran deposit bagi bulan Januari hingga Oktober 2002 mendapati perkara berikut :

### **13.4.1 Buku Tunai**

Adalah didapati Buku Tunai Deposit diselenggarakan dengan kemas kini. Segala transaksi berkaitan terimaan dan bayaran balik deposit seperti tarikh, nombor akaun, rujukan fail, nombor resit, nombor baucar dan sebagainya direkod dari semasa ke semasa.

#### 13.4.2 Akaun Kecil

Semakan Audit mendapati Akaun Kecil (Lejar Individu) diselenggarakan dengan kemas kini dengan catatan segala perihal berkaitan seperti nombor akaun, jenis deposit, tarikh terima, nombor resit, jumlah dan nombor baucar. Selain itu, bagi akaun yang ditutup dicap perkataan 'DITUTUP', ditarikhkan dan ditandatangani oleh pegawai yang bertanggungjawab.

#### 13.4.3 Penyesuaian Deposit

Adalah didapati Pejabat ada menjalankan semakan antara rekodnya dengan rekod Akauntan Negeri secara berterusan bagi menentukan kesahihan antara kedua rekod berkenaan. Penyata Penyesuaian mengenainya ada disediakan secara terperinci setiap bulan dan dikemukakan kepada Akauntan Negeri.

#### 13.4.4 Deposit Tidak Aktif

Dari tahun 1987 hingga September 2002, terdapat 760 akaun Deposit Tanah sejumlah RM1.13 juta. Deposit tersebut adalah deposit melombong, lelongan awam, lesen pendudukan sementara dan sebagainya. Kedudukan deposit tersebut adalah sebagaimana di **Jadual 8**.

**Jadual 8**  
**Kedudukan Deposit Mengikut Tahun**

Tempoh Deposit	Bilangan Deposit	Jumlah (RM)
1987 – 1990	29	105,499
1991 – 1994	112	305,742
1995 – 2000	150	617,389
2001 – 2002	469	102,774
<b>Jumlah</b>	<b>760</b>	<b>1,131,404</b>

*Sumber : Fail Deposit Pejabat Daerah Dan Tanah Lipis*

Arahan Perbendaharaan 162, menghendaki sebarang deposit yang tidak diperlukan dan tidak dituntut dalam tempoh 12 bulan hendaklah diwartakan. Pewartaan tersebut bertujuan memberitahu pendeposit supaya menuntut deposit berkaitan dalam tempoh 3 bulan dari tarikh pemberitahuan itu. Sungguhpun begitu, setakat ini Pejabat belum mewartakan deposit tahun 2000 dan sebelumnya kerana belum menentukan kedudukan deposit berkaitan sama ada masih diperlukan atau sebaliknya.

#### **13.4.5 Senarai Baki Individu**

Mengikut Arahan Perbendaharaan 159, senarai baki individu pada 31 Disember hendaklah dikemukakan kepada Akauntan Negeri pada setiap tahun dengan salinan ke Jabatan Audit Negara. Semakan Audit mendapati Pejabat telah menyediakan dan mengemukakan senarai berkenaan pada setiap tahun. Pada tahun 2002, Pejabat telah mengemukakan senarai baki berkenaan kepada Akauntan Negeri pada bulan Mac 2003.

**Pada pendapat Audit, Pejabat telah menguruskan akaun depositnya dengan baik. Rekod berkaitan telah disimpan dengan lengkap dan kemas kini. Bagaimanapun, Pejabat perlu mengambil tindakan terhadap deposit yang tidak aktif.**

### **13.5 PENGURUSAN ASET**

Pada tahun 2002, sejumlah RM39,360 telah dibelanjakan bagi memperoleh harta modal dan inventori iaitu satu unit telefon PABX jenis *digital system* berharga RM23,660 dan RM15,700 untuk beberapa buah rak fail. Kenderaan merupakan harta modal utama Jabatan dengan 12 buah berada di bawah kawalan Pejabat. Harta modal lain ialah komputer, alat pencetak, mesin fotostat, motorbot dan enjin, televisyen dan sebagainya. Pemeriksaan Audit terhadap pengurusan aset mendapati perkara berikut :

### **13.5.1 Daftar Harta Modal**

Adalah didapati Daftar Harta Modal tidak diselenggarakan dengan lengkap.

- i)** Beberapa aset seperti sistem telefon PABX, 25 unit komputer, sebuah televisyen dan sebuah VCD Panasonic belum didaftarkan dalam Daftar Harta Modal.
- ii)** Ruangan dalam daftar seperti kos dan tarikh dibeli/diterima, nombor pesanan kerajaan, rujukan fail dan aksesori tidak dicatatkan.
- iii)** Penyelenggaraan 7 buah enjin motor sangkut tidak langsung dicatat dalam daftar berkenaan. Juga didapati penyelenggaraan kenderaan Pejabat hanya dicatatkan sehingga awal tahun 2001.
- iv)** Harta modal tidak diberikan nombor siri pendaftaran bagi memudahkan pengenalan dibuat. Selain itu, senarai harta modal tidak dipamerkan di lokasi ianya ditempatkan.

### **13.5.2 Pemeriksaan Tahunan**

Tidak ada bukti pemeriksaan terhadap kesemua harta modal dilakukan oleh Ketua Jabatan atau wakilnya sebagaimana kehendak Panduan Perbendaharaan Tatacara Pengurusan Stor 238, 239 dan 240. Tarikh dan tandatangan pegawai pemeriksa tidak diperturunkan di ruangan 'Pemeriksaan Harta Modal'.

### **13.5.3 Pengurusan Kenderaan**

Pejabat mempunyai 12 buah kenderaan iaitu 8 buah kenderaan pacuan empat roda, dua buah kereta, sebuah lori dan sebuah bas. Pemeriksaan Audit terhadap 8 daripada 12 Buku Log kenderaan dari bulan Januari hingga Oktober 2002 mendapati penggunaan kenderaan disahkan dan dibenarkan oleh pegawai yang bertanggungjawab. Selain itu, pemantauan terhadap penggunaan bahan api ada dibuat dan direkodkan dalam Buku

Log dengan lengkap. Bagaimanapun, aspek lain penyelenggaraan Buku Log seperti di bawah perlu diberi perhatian.

- i) Keratan salinan asal Buku Log yang telah dicatat perlu diceraikan serta disimpan di Pejabat untuk pemeriksaan Ketua Jabatan atau pegawai yang dilantik untuk tujuan tersebut sekurang-kurangnya sekali sebulan.
- ii) Pemeriksaan mengejut terhadap setiap Buku Log dan kenderaan hendaklah dibuat.
- iii) Pegawai yang diberi kuasa menyelenggarakan kenderaan Jabatan perlu membuat pemeriksaan mingguan terhadap Buku Log dan menandatangani pada hari akhir setiap minggu.

#### **13.5.4 Pelupusan**

Pemeriksaan fizikal mendapati harta modal di Pejabat masih berkeadaan baik dan tidak ada pelupusan harta modal dilakukan dalam tahun semasa.

**Pada pandangan Audit, pengurusan aset Pejabat adalah kurang memuaskan. Daftar Harta Modal tidak kemas kini kerana tidak ada catatan mengenai nombor siri pendaftaran aset dan lokasinya. Selain itu, pemeriksaan setiap 2 tahun sekali terhadap aset perlu dijalankan seperti yang ditetapkan dalam peraturan.**

#### **14. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT**

Pada keseluruhannya pengurusan kewangan Pejabat Daerah Dan Tanah Lipis menunjukkan beberapa kelemahan yang perlu diperbaiki. Dari segi kawalan hasil, kelewatan penyerahan akaun tunai bulanan ke Perbendaharaan Negeri dan kedudukan tunggakan cukai tanah yang tinggi serta keselamatan semasa kemasukan wang ke bank patut diberi perhatian sewajarnya. Selain itu, aspek pengurusan aset seperti pengemaskinian Daftar Harta Modal, pendaftaran nombor siri dan lokasi aset perlu diperkemaskan.

## **JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH PAHANG**

### **15. LATAR BELAKANG**

**15.1** Jabatan Kehakiman Syariah Pahang (Jabatan) ditubuhkan pada bulan Januari 1995 bertanggungjawab menguruskan permohonan pendaftaran dan perbicaraan kes syariah, perintah mahkamah, pembahagian dan pengeluaran sijil faraid. Bidang kuasa dan perjalanannya diperuntukkan melalui Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam No. 3 Tahun 1991. Jabatan terdiri daripada 3 peringkat mahkamah iaitu Mahkamah Rendah Syariah, Mahkamah Tinggi Syariah dan Mahkamah Rayuan Syariah. Setiap Mahkamah Syariah kecuali Mahkamah Rayuan Syariah dibahagikan kepada 2 bahagian iaitu Pendaftaran Kes Syariah serta Pentadbiran dan Kewangan.

**15.2** Pada tahun 2002, hasil berjumlah RM226,669 telah dikutip oleh Jabatan melalui kutipan denda dan pelbagai, manakala sejumlah RM1.86 juta telah dibelanjakan untuk perbelanjaan mengurus dan sejumlah RM57,905 perbelanjaan pembangunan. Jabatan telah memperolehi pengiktirafan MS ISO 9002 dalam Pengurusan Kes Mal pada bulan Disember 2001.

### **16. OBJEKTIF DAN SKOP PENGAUDITAN**

Tujuan pengauditan adalah bagi menentukan bahawa pengurusan kewangan yang melibatkan hasil, perbelanjaan, deposit dan harta modal telah diurus dengan sempurna dan mematuhi peraturan yang ditetapkan. Pengauditan meliputi tempoh bulan Januari hingga Disember 2002 dan di mana perlu, rekod sebelum dan selepas itu juga disemak mengikut kesesuaian. Antara rekod utama yang diperiksa ialah Buku Tunai Hasil dan Deposit, Lejar Deposit, Buku Vot, Buku Log serta Daftar Kes Mal dan Jenayah. Selain pengauditan di peringkat Ibu Pejabat, tujuh daripada 12 Mahkamah Rendah Syariah juga dilawati. Perbincangan dengan pegawai terlibat juga turut diadakan bagi mendapat penjelasan yang lebih terperinci mengenai perkara berbangkit.

## **17. PENEMUAN AUDIT**

### **17.1 KAWALAN PENGURUSAN**

Kawalan pengurusan yang berkesan dengan sistem dan prosedur yang teratur adalah perlu bagi memudahkan pihak pengurusan melaksanakan tugas dan tanggungjawabnya. Sokongan daripada pegawai yang terlatih juga akan menjamin semua urusan kewangan berjalan lancar menepati kehendak undang-undang dan peraturan kewangan. Semakan Audit mendapati perkara berikut :

#### **17.1.1 Struktur Organisasi**

Jabatan telah mewujudkan satu struktur organisasi yang jelas bagi menggambarkan keseluruhan fungsi, aktiviti dan hierarki Jabatan. Jabatan dibahagikan kepada 2 bahagian utama iaitu Pentadbiran dan Kewangan serta Pendaftaran Kes Syariah. Jabatan diketuai oleh seorang Ketua Hakim Syarie dan dibantu oleh 9 pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional serta 47 kakitangan sokongan. Walaupun Jabatan ini diketuai oleh Ketua Hakim Syarie namun Pendaftar Mahkamah dilantik sebagai Pegawai Pengawal.

#### **17.1.2 Manual Prosedur Kerja**

Manual Prosedur Kerja merupakan dokumen rujukan utama bagi seseorang pegawai dan kakitangan dalam melaksanakan tugas dengan berkesan sebagaimana dinyatakan dalam Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 8 Tahun 1991. Semakan Audit mendapati Jabatan tidak menyediakan Manual Prosedur Kerja sebaliknya menggunakan dokumen MS ISO 9002 sebagai ganti kepada Manual Prosedur Kerja. Dokumen ini hanya mengandungi proses mengenai kes Mal sahaja dan tidak merangkumi prosedur mengenai pengurusan kewangan. Maklum balas yang diberikan

mendapati sehingga bulan April 2003, Jabatan sedang menyediakan manual tersebut.

#### **17.1.3 Fail Meja**

Fail Meja merupakan dokumen yang merangkumi perkara penting berkaitan tugas seseorang kakitangan. Antara perkara yang perlu dimasukkan di dalam Fail Meja setiap kakitangan ialah senarai tugas, proses kerja, carta aliran kerja, senarai undang-undang yang diguna pakai dan sebagainya. Adalah didapati Jabatan telah menyediakan Fail Meja bagi setiap pegawai, namun beberapa bahagian seperti senarai semak dan carta aliran kerja mengenai prosedur kutipan hasil tidak lengkap dan kemas kini. Selain itu, senarai tugas kakitangan juga didapati tidak lengkap.

#### **17.1.4 Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun**

Jabatan belum menubuhkan Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun seperti dikehendaki Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1996. Antara bidang tugas Jawatankuasa ini ialah untuk membantu Pegawai Pengawal mengawasi, mengesan dan menyelia semua urusan kewangan supaya menepati kehendak peraturan kewangan yang ditetapkan. Bagaimanapun laporan mengenai pengurusan kewangan dibincangkan semasa Mesyuarat Kakitangan, Mesyuarat Pentadbiran serta Mesyuarat Pengurusan dan Pembangunan. Maklum balas yang diterima menunjukkan Jabatan telah menubuhkan Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun pada bulan Januari 2003 dan mesyuarat pertama telah diadakan pada bulan tersebut.

#### **17.1.5 Kursus Dan Latihan**

Latihan kepada pegawai dan kakitangan dari semasa ke semasa amat diperlukan bagi meningkatkan tahap pengetahuan dan kecekapan pegawai dalam menjalankan tugas. Adalah menjadi tanggungjawab Ketua Jabatan menentukan pegawai dan kakitangan bawahannya mendapat latihan dan kursus yang diperlukan terutamanya berkaitan pengurusan kewangan. Semakan Audit mendapati antara tahun 2001 sehingga bulan Mei 2002, sebanyak 20 pegawai telah menghadiri 25 kursus sama ada yang dianjurkan Kerajaan Negeri atau Jabatan. Bagaimanapun, kebanyakan kursus adalah berkaitan dengan bidang kehakiman dan undang-undang dan hanya 2 kakitangan sahaja telah menghadiri kursus pengurusan kewangan.

**Pada pendapat Audit, kawalan pengurusan Jabatan perlu diperkemaskan. Walaupun wujud struktur organisasi yang jelas dan teratur, namun Manual Prosedur Kerja yang merangkumi prosedur kewangan perlu disediakan. Sementara Fail Meja perlu dikemaskinikan dari semasa ke semasa di samping memperbanyakkan lagi kursus kewangan kepada pegawai dan kakitangan Jabatan.**

#### **17.2 KAWALAN HASIL**

Pada tahun 2002, hasil berjumlah RM226,669 telah dipungut oleh Jabatan. Hasil utama Jabatan ialah denda mahkamah selain bayaran saman, jualan borang kebenaran untuk berkahwin dan bayaran sepina. Kutipan hasil dikendalikan oleh semua mahkamah termasuk di daerah dan dilakukan secara manual. Semakan Audit terhadap kawalan hasil Jabatan di Mahkamah Tinggi Syariah dan 7 Mahkamah Rendah Syariah dari bulan Januari hingga bulan Disember 2002 mendapati perkara berikut :

### **17.2.1 Kawalan Borang Hasil**

Arahan Perbendaharaan 68 menghendaki stok lesen dan resit yang tidak digunakan disimpan di tempat yang selamat dan berkunci. Selain itu, satu Daftar Borang Hasil bagi merekod dan mengawal terimaan serta pengeluaran borang hasil hendaklah diselenggarakan. Semakan Audit terhadap borang hasil belum digunakan bagi bulan Januari hingga Mei 2002 mendapati stok resit dan borang hasil lain yang belum digunakan di 4 Mahkamah Rendah Syariah disimpan dengan selamat di bawah kawalan seorang pegawai kanan dan direkod dalam Daftar Borang Hasil. Bagaimanapun, Mahkamah Tinggi Syariah dan 3 Mahkamah Rendah Syariah yang lain tidak merekodkan borang hasil dalam daftar tersebut.

### **17.2.2 Akaun Tunai Bulanan**

Mengikut Arahan Perbendaharaan 145, akaun tunai perlu dihantar ke Perbendaharaan Negeri dalam tempoh 10 hari selepas akhir setiap bulan. Semakan Audit mendapati Akaun Tunai Mahkamah Tinggi Syariah bagi bulan Februari, April dan Mei 2002 lewat diserahkan kepada Akauntan Negeri antara 7 hingga 24 hari. Bagaimanapun, Akaun Tunai bagi Mahkamah Rendah Syariah dikemukakan mengikut tempoh yang ditetapkan.

### **17.2.3 Keselamatan Wang Pungutan**

Ketua Pejabat adalah bertanggungjawab menjaga keselamatan wang tunai, cek dan sebagainya yang dipungut sebelum dimasukkan ke bank. Antara langkah yang perlu diambil ialah semua kutipan hasil hendaklah dibankkan pada hari yang sama kecuali hasil yang lewat diterima, dibankkan pada hari berikutnya. Semakan Audit di Mahkamah Tinggi Syariah, Mahkamah Rendah Syariah Kuantan, Temerloh dan Jerantut mendapati berlaku kelewatan memasukkan kutipan hasil ke bank sehingga 28 hari. Bagaimanapun jumlah hasil terkumpul pada masa itu tidak melebihi RM500.

#### **17.2.4 Penyesuaian Hasil**

Mengikut Arahan Perbendaharaan 143(b), Buku Tunai hendaklah disemak dan disesuaikan dengan Laporan Bulanan Akauntan Negeri. Jika terdapat perbezaan, penyata penyesuaian hendaklah disediakan dan dikemukakan kepada Akauntan Negeri. Adalah didapati tidak ada semakan dibuat serta Penyata Penyesuaian Hasil tidak disediakan oleh Mahkamah Tinggi Syariah sepanjang tahun 2001 hingga tarikh semakan Audit pada bulan Mei 2002.

#### **17.2.5 Pemeriksaan Oleh Ketua Jabatan/Wakil**

##### **i) Rekod Hasil**

Adalah didapati Buku Tunai Jabatan telah diperiksa oleh pegawai yang diberi tanggungjawab. Selain itu, rekod kewangan lain seperti penyata pemungut, resit perbendaharaan dan Penyata Ringkasan Hasil didapati disemak dari semasa ke semasa oleh Pegawai Penyelia.

##### **ii) Pemeriksaan Mengejut**

Arahan Perbendaharaan 309 menetapkan supaya semua Ketua Jabatan mengadakan pemeriksaan mengejut secara berkala ke atas peti besi, peti wang tunai, laci, tempat simpanan wang, wang tunai, setem dan lain-lain barang berharga. Pemeriksaan tersebut hendaklah dilakukan tidak kurang dari sekali dalam tempoh 6 bulan dan hasil pemeriksaan hendaklah direkodkan ke dalam Daftar Pemeriksaan Mengejut. Semakan Audit mendapati pemeriksaan mengejut tidak dijalankan oleh Ketua Jabatan atau pegawai yang diberi tanggungjawab mengenainya.

### 17.2.6 Pematuhan Terhadap Peraturan Kewangan Berhubung Kawalan Hasil

Hasil semakan Audit di Mahkamah Tinggi Syariah dan 7 Mahkamah Rendah Syariah daerah berhubung pematuhan terhadap peraturan kewangan dalam urusan kutipan hasil adalah seperti ditunjukkan dalam **Jadual 9**.

**Jadual 9**  
**Pematuhan Terhadap Peraturan Kewangan Berhubung Dengan Kawalan Hasil**

Peraturan Kawalan Hasil	Mahkamah Tinggi Syariah	Mahkamah Rendah Syariah						
		Jerantut	Temerloh	Kuantan	Lipis	Bentong	Raub	Cameron Highlands
Kebenaran Bertulis Untuk Pegawai Yang Menerima Wang	X	√	√	√	√	√	√	√
Urusan Pengeluaran Resit Dibuat Oleh 2 Orang Pegawai Yang Berasingan	√	√	√	√	√	√	√	√
Kemasukan Wang Ke Bank Dibuat Dengan Segera	X	X	X	X	√	√	√	√
Penyata Penyesuaian Hasil Dibuat	X	√	√	√	√	√	√	√
Laporan Kira-kira Tunai Dihantar Ke Akauntan Negeri	X	√	√	√	√	√	√	√
Nombor Dan Tarikh Resit Perbendaharaan Direkod Dalam Buku Tunai	X	√	√	X	√	√	√	√
Stok Resit Direkod Dalam Daftar Borang Terkawal	X	X	X	X	√	√	√	√
Pemeriksaan Mengejut (AP 309)	X	X	X	X	X	X	X	X

*Nota: √ - Mematuhi      X - Tidak Mematuhi*

Pada pendapat Audit, kawalan hasil di Mahkamah Tinggi Syariah pada keseluruhannya adalah lemah. Sementara di Mahkamah Rendah Syariah beberapa aspek kawalan hasil seperti kemasukan wang kutipan ke bank, merekodkan stok resit dan pemeriksaan mengejut tidak dilaksanakan sewajarnya.

### **17.3 KAWALAN PERBELANJAAN**

Pada tahun 2002, sejumlah RM1.86 juta telah dibelanjakan untuk perbelanjaan mengurus dan RM57,905 untuk perbelanjaan pembangunan. Semua urusan perbelanjaan bagi semua Mahkamah Syariah adalah diuruskan di peringkat Ibu Pejabat sahaja. Semakan Audit terhadap urusan perbelanjaan Jabatan bagi tempoh bulan Januari hingga Mei 2002 mendapati perkara berikut :

#### **17.3.1 Kuasa Meluluskan Pembayaran**

Mengikut Arahan Perbendaharaan 101, Pegawai Pengawal atau Pemegang Waran boleh mewakilkan kuasanya bagi memperakui baucar bayaran dan hendaklah menghantar kepada Akauntan Negeri nama serta contoh tandatangan pegawai yang diwakilkan kuasa itu. Semakan Audit mendapati perwakilan kuasa bagi menandatangani baucar bayaran bernilai kurang RM10,000 dan RM10,000 ke atas telah diberi kepada pegawai di kesemua 5 cawangan Mahkamah Rendah Syariah iaitu Kuantan, Pekan, Temerloh, Jerantut dan Bentong. Seramai 3 pegawai di setiap cawangan diberi kuasa meluluskan pembayaran iaitu melibatkan Hakim, Penolong Pendaftar dan Pembantu Tadbir.

#### **17.3.2 Buku Vot**

Antara aspek kawalan perbelanjaan yang penting ialah penyelenggaraan Buku Vot dengan sempurna dan kemas kini. Sebarang tanggungan perlu dicatatkan ke dalam Buku Vot sebaik sahaja pesanan pembelian dibuat supaya baki peruntukan sentiasa kemas kini. Selain itu, pegawai yang memperakui baucar bayaran hendaklah menyemak setiap catatan dalam Buku Vot dengan menurunkan tandatangan ringkas. Adalah didapati daripada semakan rambang yang dibuat, sebanyak 15 tanggungan perbelanjaan lewat dicatat dalam Buku Vot antara 4 hingga 72 hari setelah pesanan tempatan dikeluarkan. Manakala

pegawai yang memperakui baucar bayaran tidak menurunkan tandatangan ringkas pada setiap kemasukan dalam Buku Vot.

### **17.3.3 Penyesuaian Perbelanjaan**

Penyata Penyesuaian Perbelanjaan bulanan antara Buku Vot Jabatan dengan rekod Akauntan Negeri perlu disediakan dan dikembalikan kepada Akauntan Negeri dalam tempoh 14 hari dari tarikh laporan bulanan diterima. Adalah didapati Penyata Penyesuaian bagi bulan Januari hingga April 2002 hanya dikemukakan kepada Akauntan Negeri pada akhir bulan Jun 2002.

### **17.3.4 Kawalan Perolehan**

Semua perolehan Jabatan dibuat melalui Borang Pesanan Tempatan dan borang ini hendaklah diisi dengan lengkap sebelum ditandatangani pegawai yang diberi kuasa dan dipertanggungjawabkan dalam Buku Vot. Semakan Audit terhadap penggunaan Borang Pesanan Tempatan mendapati perkara berikut :

- i) Pegawai yang menandatangani pesanan tempatan tidak diberi kuasa secara bertulis.
- ii) Salinan ketiga dan keempat kepada Borang Pesanan Tempatan tidak disempurnakan dengan lengkap. Maklumat seperti tarikh borang pesanan ditandatangani, tarikh pengesahan oleh pegawai dan perakuan sama ada barang tersebut terus digunakan atau disimpan sebagai stok tidak dibuat.

### **17.3.5 Daftar Bil**

Arahan Perbendaharaan 103(a) menghendaki supaya bil yang diterima daripada pembekal dan kontraktor dibayar dengan segera iaitu tidak lewat sebulan dari tarikh bil diterima. Sehubungan itu, satu daftar yang lengkap hendaklah diselenggara bagi memudahkan pemantauan pembayaran bil tersebut. Semakan terhadap Daftar Bil mendapati bil yang dicatatkan dalam daftar

berkenaan telah dijelaskan dalam tempoh sebulan. Bagaimanapun, ada beberapa kelemahan seperti berikut :

- i) Ada bil yang diterima tidak terus direkodkan ke dalam daftar tetapi hanya direkod selepas pembayaran dilakukan. Tindakan ini menyebabkan ada bil yang diterima tertinggal dicatat dalam daftar berkenaan.
- ii) Ketua Jabatan atau pegawai yang dipertanggungjawabkan tidak memeriksa Daftar Bil seperti mana yang ditetapkan dalam Arahan Perbendaharaan 103(b).

#### **17.3.6 Pembayaran Di Bawah Arahan Perbendaharaan 58(a)**

Arahan Perbendaharaan 103(a) menetapkan semua bil dan tuntutan yang diterima hendaklah dibayar dalam tempoh satu bulan dari tarikh ianya diterima. Pembayaran yang segera terutama sekali pada akhir tahun perlu bagi mengelakkan berlakunya pembayaran di bawah Arahan Perbendaharaan 58(a) yang akan melibatkan peruntukan tahun semasa. Semakan Audit mendapati 7 bil dan 28 tuntutan perjalanan pegawai bulan Disember 2001 sejumlah RM11,913 dibayar di bawah Arahan Perbendaharaan 58(a).

**Pada pendapat Audit, kawalan perbelanjaan Jabatan masih lemah. Beberapa aspek seperti penyelenggaraan Buku Vot, penggunaan Borang Pesanan Tempatan dan Daftar Bil perlu diperkemaskan. Selain itu, penyata penyesuaian hendaklah disediakan sebaik sahaja laporan bulanan diterima dan bil tuntutan pada akhir tahun perlu dibayar segera bagi mengelakkan pembayaran di bawah Arahan Perbendaharaan 58(a).**

## **17.4 PENGURUSAN AKAUN AMANAH DAN DEPOSIT**

Pada tahun 2002 baki akaun deposit Jabatan berjumlah RM526,080. Deposit yang diterima oleh Jabatan adalah untuk wang jaminan bagi kes Mal/Faraid dan jenayah yang akan dibicarakan di Mahkamah Syariah. Selain daripada deposit, Jabatan tidak mempunyai akaun amanah yang lain. Semakan Audit terhadap pengurusan deposit bagi bulan Januari hingga Jun 2002 mendapati perkara berikut :

### **17.4.1 Buku Tunai Deposit**

Buku Tunai Deposit adalah satu rekod bagi mencatatkan segala urusan terimaan dan bayaran balik deposit dari semasa ke semasa. Penyelenggaraan Buku Tunai ini adalah penting terutamanya apabila bayaran balik deposit hendak dibuat. Selain itu, ianya penting dalam penyediaan penyata penyesuaian dengan rekod Akauntan Negeri. Pemeriksaan Audit mendapati Buku Tunai Deposit diselenggarakan oleh Jabatan dengan lengkap dan kemas kini.

### **17.4.2 Akaun Perseorangan**

Jabatan ada menyelenggara Daftar Wang Jaminan (Akaun Perseorangan) bagi merekodkan segala terimaan wang jaminan serta bayaran balik selepas selesai sesuatu perbincangan dan keputusan Mahkamah dibuat. Adalah didapati segala maklumat seperti bilangan akaun, tarikh terima, nombor resit, jumlah dan nombor baucar bayaran telah dicatat dengan kemas kini dalam daftar ini. Bagaimanapun bagi akaun yang ditutup, perkataan 'DITUTUP', tarikh dan tandatangan pegawai bertanggungjawab tidak diperturunkan secara menyeluruh pada akaun dalam daftar berkenaan.

#### **17.4.3 Penyesuaian Deposit**

Adalah didapati Pejabat ada menjalankan semakan antara rekodnya dengan rekod Akauntan Negeri secara berterusan bagi menentukan ketepatan antara kedua rekod berkenaan. Penyata penyesuaian mengenainya ada disediakan secara terperinci setiap bulan dan dikemukakan ke Akauntan Negeri.

#### **17.4.4 Deposit Tidak Aktif**

Semakan Audit mendapati sejumlah RM593,880 wang jaminan yang melibatkan kes tertunggak dari tahun 1985 hingga 2001. Jumlah ini melibatkan 210 kes Mal/Faraid dan 99 kes jenayah yang dipindahkan dari Jabatan Agama Islam Pahang kepada Jabatan Kehakiman Syariah Pahang. Setakat ini tindakan untukewartakan jumlah berkenaan belum diambil kerana tidak ada sebarang rekod dan dokumen diserahkan semasa perpindahan dan peralihan kuasa pada tahun 1995. Jabatan Audit mengesyorkan supaya pihak Jabatan mendapat pandangan daripada Jabatan Agama Islam Pahang terlebih dahulu sebelum kes tersebut diwartakan.

**Pada pendapat Audit, kawalan deposit adalah baik. Bagaimanapun tindakan perlu diambil terhadap deposit yang tidak aktif.**

### **17.5 PENGURUSAN ASET**

Pada tahun 2002, sejumlah RM141,702 telah dibelanjakan bagi memperoleh harta modal dan inventori iaitu penyaman udara, pemadam api, telefon dan perabot. Jabatan mempunyai 6 buah kenderaan, komputer, mesin fotostat dan lain-lain kelengkapan Jabatan. Pemeriksaan Audit terhadap pengurusan aset Jabatan di peringkat Ibu Pejabat mendapati perkara berikut :

#### **17.5.1 Daftar Harta Modal**

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1991 menetapkan bahawa perolehan harta modal yang nilainya melebihi RM500 hendaklah direkodkan ke dalam Daftar Harta Modal. Semakan Audit mendapati Daftar Harta Modal diselenggara dengan lengkap dan kemas kini. Selain itu, adalah didapati penempatan dan nombor siri setiap harta modal dicatat dengan lengkap dalam daftar berkenaan.

#### **17.5.2 Pemeriksaan Tahunan**

Adalah didapati pemeriksaan terhadap harta modal tidak dilakukan oleh Ketua Jabatan atau wakilnya sebagaimana kehendak Panduan Perbendaharaan Tatacara Pengurusan Stor 238, 239 dan 240. Tarikh dan tandatangan pegawai pemeriksa tidak diperturunkan dalam Daftar Harta Modal di ruangan 'Pemeriksaan Harta Modal'.

#### **17.5.3 Pematuhan Terhadap Peraturan Kewangan**

Selain pemeriksaan Audit terhadap pengurusan aset di Ibu Pejabat Jabatan Kehakiman Syariah Pahang, pemeriksaan juga dijalankan di 7 Mahkamah Rendah Syariah di daerah. Pemeriksaan mendapati beberapa kelemahan seperti Daftar Harta Modal tidak diselenggarakan, pemeriksaan tahunan tidak dibuat dan lokasi aset tidak dicatat. Kedudukan secara terperinci pematuhan terhadap peraturan kewangan berhubung pengurusan aset di Ibu Pejabat dan Mahkamah Rendah Syariah yang dilawati adalah seperti di **Jadual 10**.

**Jadual 10**  
**Pematuhan Terhadap Peraturan Kewangan Berhubung Pengurusan**  
**Aset Ibu Pejabat Dan Mahkamah Rendah Syariah**

Peraturan Pengurusan Aset	Ibu Pejabat	Mahkamah Rendah Syariah						
		Jerantut	Temerloh	Kuantan	Lipis	Bentong	Raub	Cameron Highlands
Daftar Aset Dan Inventori Diselenggara	√	X	X	X	X	X	√	X
Nombor Siri Pendaftaran Dicatat Dengan Kekal Pada Aset	√	X	X	X	X	X	X	X
Lokasi Aset Dicatat Dalam Daftar	√	X	X	X	X	X	X	X
Pemeriksaan Aset Fizikal Dibuat Mengikut Ketetapan	X	X	X	X	X	X	X	X
Butiran Pembelian/ Pembaikan Direkod Dalam Daftar	X	X	X	X	X	X	X	X
Verifikasi Stok Dilaksana Setiap Tahun	X	X	X	X	X	X	X	X

**Nota:** √ - Mematuhi      X - Tidak Mematuhi

#### 17.5.4 Pengurusan Kenderaan

Jabatan mempunyai 6 buah kenderaan iaitu 3 buah Pajero dan 3 buah kereta. Semakan Audit terhadap pengurusan kenderaan bagi bulan Januari hingga Mei 2002 mendapati beberapa kelemahan pengurusan kenderaan meliputi aspek berikut :

- i) Hanya 3 jawatan pemandu diluluskan bagi mengendalikan 6 buah kenderaan Jabatan.
- ii) Pegawai yang mengguna kenderaan tidak mengesahkan penggunaan kenderaan dengan menandatangani ringkas di ruangan yang disediakan dalam Buku Log.
- iii) Penggunaan bahan api tidak dipantau pada setiap akhir bulan dengan membuat perkiraan purata bagi setiap kilometer.

**Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya pengurusan aset Jabatan adalah lemah dari semua aspek kecuali beberapa aspek tertentu di peringkat Ibu Pejabat. Tindakan segera perlulah diambil bagi memperbaiki keadaan.**

#### **18. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT**

Pada keseluruhannya, pengurusan kewangan Jabatan pada tahun 2002 menunjukkan beberapa kelemahan yang perlu diperbaiki. Ini melibatkan aspek kawalan pengurusan, kawalan kutipan hasil, perbelanjaan dan pengurusan aset. Bagaimanapun pengurusan deposit Jabatan adalah baik. Walaupun Jabatan baru ditubuhkan pada tahun 1995, tindakan berterusan perlulah diambil bagi mengatasi kelemahan yang dibangkitkan.

## **PEJABAT PEMBANGUNAN NEGERI**

### **19. LATAR BELAKANG**

**19.1** Pejabat Pembangunan Negeri Pahang (Pejabat) merupakan sebuah agensi utama dalam mengesan dan menyelaraskan pelaksanaan program dan projek pembangunan Negeri Pahang. Pejabat juga bertanggungjawab terhadap projek pembangunan Persekutuan di peringkat Negeri Pahang, mengawal peruntukan khas dan kemudahan asas luar bandar bagi Negeri Pahang.

**19.2** Pada tahun 2002, sejumlah RM10.13 juta telah dibelanjakan untuk perbelanjaan pembangunan. Daripada jumlah tersebut sejumlah RM8.96 juta telah diagihkan ke 11 daerah untuk pelaksanaan projek kecil pembangunan. Pejabat ini tidak terlibat dalam perbelanjaan mengurus dan tidak mengutip hasil atau menerima sebarang deposit dan amanah.

### **20. OBJEKTIF DAN SKOP PENGAUDITAN**

Pengauditan ini dijalankan adalah bagi menentukan sama ada peraturan kewangan serta garis panduan yang ditetapkan telah dipatuhi dan rekod kewangan diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini. Pengauditan meliputi urusan kewangan bagi tempoh bulan Januari hingga Disember tahun 2002 dan hanya melibatkan peruntukan Kerajaan Negeri sahaja. Antara rekod utama yang diperiksa ialah Buku Vot, Penyata Penyesuaian, Baucar Bayaran serta Buku Log. Perbincangan dan temu bual dengan pegawai terlibat juga diadakan bagi mendapat penjelasan yang lebih terperinci mengenai hal berkaitan.

## **21. PENEMUAN AUDIT**

### **21.1 KAWALAN PENGURUSAN**

Kawalan pengurusan yang baik dengan mewujudkan sistem dan prosedur yang teratur adalah perlu bagi memudahkan pihak pengurusan melaksanakan tugas dan tanggungjawabnya dengan berkesan. Selain itu, pematuhan kepada kehendak peraturan kewangan dan undang-undang adalah perlu bagi menjamin semua urusan kewangan dan akaun berjalan dengan lancar. Pemeriksaan Audit mendapati pada keseluruhannya kawalan pengurusan Pejabat adalah memuaskan meliputi perkara berikut :

#### **21.1.1 Struktur Organisasi**

Pejabat telah mewujudkan satu struktur organisasi yang jelas membahagikan tugas mengikut bahagian tertentu iaitu Pengurusan dan Kewangan, Pelaksanaan dan Pemantauan serta Teknologi Maklumat dan Bahagian Khas. Struktur organisasi ini menggambarkan keseluruhan fungsi, aktiviti dan hierarki Pejabat. Pejabat mempunyai 33 kakitangan dengan diketuai oleh seorang Pengarah dan dibantu oleh 8 pegawai dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional serta 24 kakitangan Kumpulan Sokongan. Bagaimanapun terdapat 12 kekosongan melibatkan jawatan baru diluluskan iaitu 4 bagi Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan 8 bagi Kumpulan Sokongan. Pegawai terlibat khususnya berkaitan pengurusan kewangan telah diberi kuasa secara bertulis melibatkan kuasa dan tanggungjawab masing-masing.

#### **21.1.2 Manual Prosedur Kerja**

Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 8 Tahun 1991 menetapkan Manual Prosedur Kerja yang kemas kini hendaklah disediakan oleh sesuatu Jabatan sebagai rujukan dan panduan kepada kakitangan untuk melaksanakan tugas dengan cekap dan berkesan. Semakan Audit mendapati Pejabat ada menyediakan

Manual Prosedur Kerja yang lengkap dan kemas kini mengandungi perkara seperti objektif Jabatan, carta organisasi, senarai tugas, proses aliran kerja dan sebagainya.

#### **21.1.3 Fail Meja**

Fail Meja adalah merupakan dokumen yang mengandungi maklumat dan panduan mengenai tugas seseorang kakitangan. Antara dokumen penting yang perlu ada dalam Fail Meja ialah senarai tugas, proses kerja, senarai undang-undang dan panduan yang diguna pakai dan sebagainya. Adalah didapati Fail Meja diselenggarakan dengan kemas kini di Pejabat ini. Selain itu, setiap kakitangan telah diberikan senarai tugas yang kemas kini untuk menjalankan tanggungjawab yang ditetapkan.

#### **21.1.4 Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun**

Setiap Jabatan dikehendaki menubuhkan Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun sebagaimana kehendak Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1996. Jawatankuasa hendaklah mengadakan mesyuarat sekali dalam tempoh 2 bulan atau 6 kali setahun. Pemeriksaan Audit mendapati bahawa Jawatankuasa ini ada ditubuhkan dan mengadakan mesyuarat sebanyak 2 kali pada tahun 2002.

#### **21.1.5 Kursus Dan Latihan Kakitangan**

Latihan yang mencukupi kepada anggota Pejabat adalah penting bagi meningkatkan kecekapan pegawai dan kakitangan dalam melaksanakan fungsi Pejabat seperti pentadbiran dan pengurusan kewangan. Pada tahun 2002, seramai 4 orang kakitangan telah dihantar mengikuti kursus kewangan iaitu Kursus Prosedur Kewangan, Pengurusan Akaun dan Akauntabiliti Kewangan dan Akaun Deposit.

**Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya kawalan pengurusan Pejabat ini adalah memuaskan.**

## **21.2 KAWALAN PERBELANJAAN**

Pejabat ini tidak mengendalikan perbelanjaan mengurus. Perbelanjaan mengurus Pejabat ini termasuk bayaran emolumen bagi kakitangan Kerajaan Negeri adalah di bawah kawalan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri. Pada tahun 2002, sejumlah RM11.55 juta diperuntukkan oleh Kerajaan Negeri untuk perbelanjaan pembangunan iaitu bagi melaksanakan projek kecil pembangunan, bantuan kepada badan sukarela, persatuan sukan, aktiviti riadah dan pembangunan agama. Daripada jumlah tersebut sejumlah RM10.13 juta telah dibelanjakan. Semakan Audit terhadap kawalan perbelanjaan pembangunan mendapati perkara berikut :

### **21.2.1 Kuasa Meluluskan Pembayaran**

Arahan Perbendaharaan 101 menyatakan Pegawai Pengawal atau Pemegang Waran boleh mewakilkan kuasanya bagi memperakui baucar bayaran dan hendaklah menghantar ke Perbendaharaan Negeri nama serta contoh tandatangan pegawai yang diwakilkan kuasa itu. Semakan Audit mendapati kuasa meluluskan pembayaran telah diberikan oleh Ketua Jabatan kepada 5 orang pegawai termasuk 2 pengganti bagi menandatangani baucar bayaran.

### **21.2.2 Buku Vot**

Arahan Perbendaharaan 95 dan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 8 Tahun 1987 menyatakan peranan dan tanggungjawab Pegawai Pengawal atau pegawai yang diamanahkan menyelenggarakan Buku Vot. Antara peranannya ialah bagi memastikan peruntukan, perbelanjaan, tanggungan dan baki masih ada dicatatkan dengan kemas kini. Selain itu, pegawai yang memperakui baucar hendaklah menurunkan tandatangan ringkas pada ruangan berkaitan dalam Buku Vot. Pengauditan mendapati Buku Vot Pejabat telah diselenggarakan dengan sempurna dan memuaskan. Bagaimanapun didapati semua tanggungan perbelanjaan tidak dicatatkan dalam Buku Vot.

### **21.2.3 Penyesuaian Perbelanjaan**

Mengikut Arahan Perbendaharaan 143(b), Pegawai Pengawal dikehendaki membuat pengesahan terhadap Laporan Terperinci Perbelanjaan Bulanan yang dikemukakan oleh Akauntan Negeri. Sebarang perbezaan antara Buku Vot dengan laporan berkenaan hendaklah disesuaikan dan dikemukakan kembali kepada Akauntan Negeri. Semakan Audit mendapati pengesahan dan penyediaan penyata penyesuaian terhadap perbezaan kedua rekod telah dibuat oleh Pejabat.

### **21.2.4 Kawalan Perolehan**

Pejabat menawarkan sebut harga bagi menjalankan kerja kecil untuk kemudahan awam seperti dewan orang ramai, tandas, surau dan gerai. Proses sebut harga dibuat mengikut peraturan yang ditetapkan dan borang inden kerja dikeluarkan kepada pemborong yang berjaya. Selain perolehan melalui inden kerja, lain-lain pembelian Pejabat dibuat menggunakan borang pesanan tempatan. Semakan Audit terhadap kawalan perolehan mendapati perkara berikut :

#### **i) Daftar Sebut Harga**

Menurut Arahan Perbendaharaan 170.3(b), satu rekod yang lengkap mengenai pertimbangan dan keputusan sebut harga hendaklah disimpan untuk tujuan Audit. Adalah didapati bahawa Daftar Sebut Harga tidak diselenggarakan di Pejabat walaupun sepanjang tahun 2002 terdapat 7 projek kecil sejumlah RM587,708 telah ditawarkan melalui sebut harga. Tanpa daftar tersebut, tidak dapat dipastikan sama ada kerja telah ditawarkan kepada kontraktor yang sepatutnya.

## **ii) Pesanan Tempatan**

Adalah didapati Pegawai yang menandatangani Pesanan Tempatan telah diberi kuasa secara bertulis bagi meluluskan pembelian oleh Ketua Jabatan. Semakan Audit terhadap borang Pesanan Tempatan mendapati salinan ketiga dan keempat tidak dilengkapi dengan maklumat seperti tarikh dan tandatangan pemeriksa, tarikh dan tandatangan penerima serta butiran penyediaan baucar bayaran.

### **21.2.5 Daftar Bil**

Arahan Perbendaharaan 103(b) menetapkan satu Daftar Bil yang lengkap perlu diselenggarakan bertujuan untuk memastikan setiap Jabatan merekod dan mengawasi segala bil tuntutan dibayar dengan segera dalam tempoh sebulan daripada tarikh penerimaannya. Bagaimanapun pemeriksaan Audit mendapati Pejabat tidak menyelenggarakan Daftar Bil walaupun ada menerima bil tuntutan dari semasa ke semasa. Sungguhpun begitu didapati tidak ada bil lewat dibayar melebihi 30 hari.

### **21.2.6 Pemantauan Projek Kecil Di Daerah**

Selain 30 projek kecil sejumlah RM974,847 yang dilaksanakan sendiri oleh Pejabat, peruntukan selebihnya sejumlah RM8.96 juta diagihkan kepada Pejabat Daerah bagi melaksanakan 98 projek kecil pembangunan. Pemantauan pelaksanaan projek berkenaan dikendalikan oleh Pegawai Daerah masing-masing. Laporan Bulanan Kemajuan dan Prestasi Kewangan Projek hendaklah dikemukakan oleh Pegawai Daerah kepada Pejabat untuk tujuan pemantauan. Semakan Audit mendapati hanya Pegawai Daerah Bera menghantar Laporan setiap bulan sepanjang tahun 2002, manakala 10 Pegawai Daerah lain tidak mengemukakan Laporan pada setiap bulan. Bagaimanapun mengikut rekod, bayaran bagi 98 projek berkenaan telah pun dibuat sepenuhnya sehingga akhir tahun 2002.

**Pada pendapat Audit, kawalan perbelanjaan Pejabat boleh dipertingkatkan. Aspek seperti penyelenggaraan Daftar Bil dan Daftar Sebut Harga, membuat catatan tanggungan perbelanjaan ke dalam Buku Vot serta melengkapkan catatan pada Borang Pesanan Tempatan perlulah diambil tindakan.**

### **21.3 PENGURUSAN ASET**

Pada tahun 2002, Pejabat tidak menerima peruntukan untuk pembelian aset. Bagaimanapun, Pejabat ini memperoleh 4 buah pencetak dan sebuah penyaman udara melalui peruntukan Setiausaha Kerajaan Negeri. Selain itu, Pejabat ini juga memperolehi 3 buah komputer daripada Jabatan Perdana Menteri. Lain-lain harta modal dan inventori yang berada di Pejabat adalah perolehan sebelum tahun 2002. Antara harta modal berkenaan ialah kenderaan 2 buah, komputer 19 buah, mesin fotostat 3 buah, televisyen 2 buah dan sebuah pemain cakera padat. Semakan Audit terhadap pengurusan aset mendapati perkara berikut :

#### **21.3.1 Daftar Harta Modal**

Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1991 setiap perolehan harta modal hendaklah direkodkan dalam Daftar Harta Modal berkaitan. Semakan Audit mendapati bahawa harta modal yang diperolehi telah direkodkan dan diberikan nombor siri pendaftaran bagi memudahkan pengenalan terhadapnya. Bagaimanapun ruangan seperti kos dan tarikh dibeli atau diterima, nombor Pesanan Kerajaan, rujukan fail dan aksesori serta kos penyelenggaraan bagi komputer tidak dicatatkan. Ini disebabkan sebahagian aset berkenaan diterima daripada Jabatan Perdana Menteri tanpa maklumat berkaitan.

### **21.3.2 Pemeriksaan Harta Modal**

Perenggan 238 Panduan Perbendaharaan Tatacara Pengurusan Stor menghendaki Ketua Jabatan melakukan pemeriksaan terhadap aset dengan Daftar Harta Modal berkaitan sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh 2 tahun. Tarikh dan tandatangan pegawai pemeriksa hendaklah diperturunkan di ruangan 'Pemeriksaan Harta Modal'. Bagaimanapun, pengauditan mendapati tidak ada bukti pemeriksaan yang dikehendaki telah dijalankan.

### **21.3.3 Pengurusan Kenderaan**

Pejabat mempunyai 2 buah kenderaan iaitu sebuah Pajero dan sebuah kereta Proton Wira. Pemeriksaan Audit terhadap Buku Log kenderaan berkenaan bagi tahun 2002 mendapati kegunaan kenderaan dibenarkan oleh pegawai yang bertanggungjawab. Penggunaan bahan api dipantau dan catatan dalam Buku Log dibuat dengan kemas kini. Bagaimanapun, pemeriksaan terhadap Buku Log oleh pegawai yang bertanggungjawab pada hari akhir setiap minggu tidak dibuat.

### **21.3.4 Pelupusan Harta Modal**

Pemeriksaan Audit mendapati 2 buah mesin fotostat jenis *Canon* terbiar kerana mengalami kerosakan. Bagaimanapun butiran mengenai pembelian dan tarikh kerosakannya tidak dapat dikesan. Tindakan untuk pelupusan mesin fotostat tersebut belum diambil.

**Pada pendapat Audit, pengurusan aset boleh dipertingkatkan lagi. Perkara seperti pemeriksaan harta modal dan pengemaskinian daftarnya hendaklah dilakukan.**

## **22. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT**

Pada keseluruhannya pengurusan kewangan Pejabat adalah memuaskan kecuali beberapa aspek kawalan perbelanjaan seperti Daftar Bil, Daftar Sebut Harga, Pesanan Tempatan dan penyelenggaraan Buku Vot perlu diperkemaskan. Selain itu, pemeriksaan terhadap harta modal hendaklah dilakukan dan mengemaskinikan daftarnya.

## **DEWAN NEGERI PAHANG**

### **23. LATAR BELAKANG**

**23.1** Dewan Negeri (Dewan) adalah merangkumi Unit Majlis Mesyuarat Kerajaan Pahang dan Unit Dewan Negeri. Dewan adalah salah satu unit di bawah pentadbiran Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri. Dewan bertanggungjawab memastikan pengurusan mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan dan Jawatankuasa berkaitan serta Dewan Perundangan Negeri dapat berjalan dengan lancar, teratur dan mengikut jadual yang ditetapkan. Setiausaha Kerajaan Negeri adalah merupakan Pegawai Pengawal bagi Dewan.

**23.2** Pada tahun 2002, Dewan telah membelanjakan sejumlah RM5.53 juta untuk perbelanjaan mengurus dan sejumlah RM3.28 juta untuk perbelanjaan tanggungan. Dewan tidak terlibat dalam perbelanjaan pembangunan, tidak mengutip hasil atau menerima sebarang deposit dan amanah.

### **24. OBJEKTIF DAN SKOP PENGAUDITAN**

Tujuan pengauditan adalah untuk menentukan sama ada peraturan kewangan serta garis panduan yang ditetapkan telah dipatuhi dan rekod kewangan diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini. Pengauditan meliputi urusan kewangan sepanjang tahun 2002 dan di mana perlu, rekod sebelum dan selepas juga disemak mengikut kesesuaian. Antara rekod utama yang diperiksa ialah Buku Vot, Borang Pesanan Tempatan dan Daftar Aset. Perbincangan dengan pegawai terlibat juga diadakan bagi mendapat penjelasan yang lebih terperinci mengenai perkara berbangkit.

## **25. PENEMUAN AUDIT**

### **25.1 KAWALAN PENGURUSAN**

Kawalan pengurusan yang berkesan dengan mewujudkan sistem dan prosedur yang teratur adalah perlu bagi memudahkan pihak pengurusan melaksanakan tugas dan tanggungjawabnya. Pegawai dan kakitangan yang terlatih juga menjamin segala urusan berkaitan kewangan serta pentadbiran berjalan lancar menepati kehendak undang-undang dan peraturan kewangan. Semakan Audit terhadap kawalan pengurusan mendapati perkara berikut :

#### **25.1.1 Struktur Organisasi**

Dewan diketuai oleh Ketua Penolong Setiausaha di bawah Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri yang juga menjawat jawatan sebagai Setiausaha Dewan dengan dibantu oleh seorang kakitangan Kumpulan Pengurusan dan Profesional serta 9 kakitangan Kumpulan Sokongan. Bagaimanapun satu jawatan Kumpulan Pengurusan dan Profesional tersebut masih kosong. Walaupun Dewan merupakan salah satu unit di bawah Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, namun Dewan telah mewujudkan satu struktur organisasi yang jelas serta pembahagian tugas kakitangannya adalah teratur.

#### **25.1.2 Manual Prosedur Kerja**

Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 8 Tahun 1991 menetapkan Manual Prosedur Kerja yang kemas kini hendaklah disediakan oleh sesuatu Jabatan sebagai rujukan dan panduan kakitangan melaksanakan tugas dengan cekap dan berkesan. Semakan Audit mendapati Dewan ada menyediakan Manual Prosedur Kerja yang lengkap dan kemas kini mengandungi objektif Jabatan, carta organisasi, senarai tugas, proses aliran kerja dan sebagainya.

### **25.1.3 Fail Meja**

Fail Meja adalah merupakan dokumen yang mengandungi maklumat dan panduan mengenai tugas setiap kakitangan Jabatan. Antara dokumen penting yang perlu ada dalam Fail Meja ialah senarai tugas, proses kerja, senarai undang-undang serta panduan yang sedang diguna pakai dan sebagainya. Adalah didapati setiap kakitangan Dewan mempunyai Fail Meja masing-masing yang kemas kini dan teratur. Senarai tugas pegawai dan kakitangan juga dikemas kini mengikut bidang tugas dan tanggungjawab yang perlu dilakukan. Selain itu, pegawai yang terlibat dengan tugas kewangan telah diberi kuasa secara bertulis melibatkan kuasa dan tanggungjawab masing-masing.

### **25.1.4 Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun**

Setiap Jabatan dikehendaki menubuhkan Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun sebagaimana dikehendaki Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1996. Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun hendaklah mengadakan mesyuarat sekali dalam tempoh 2 bulan atau 6 kali setahun. Jawatankuasa ini tidak ditubuhkan di Dewan. Bagaimanapun, Setiausaha Dewan adalah salah seorang ahli kepada Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun peringkat Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri.

### **25.1.5 Kursus Dan Latihan Kakitangan**

Latihan yang mencukupi kepada anggota Jabatan adalah penting bagi meningkatkan kecekapan pegawai dan kakitangan dalam melaksanakan fungsi Jabatan seperti pentadbiran dan pengurusan kewangan. Semakan Audit mendapati sepanjang tahun 2001 dan 2002, kakitangan Dewan tidak menghadiri sebarang kursus atau latihan yang dianjurkan oleh mana-mana pihak seperti INTAN atau Kerajaan Negeri. Selain itu, Pembantu Tadbir yang menjalankan tugas kewangan tidak pernah menghadiri sebarang kursus berkaitan urusan kewangan.

**Pada pendapat Audit, kawalan pengurusan adalah memuaskan. Bagaimanapun kursus dan latihan kakitangan Dewan terutamanya berkaitan urusan kewangan bagi meningkatkan kemahiran kakitangan hendaklah diberi keutamaan.**

## **25.2 KAWALAN PERBELANJAAN**

Mulai tahun 2002, Dewan telah diiktiraf sebagai sebuah Pusat Tanggungjawab dengan mengawal perbelanjaan mengurus dan perbelanjaan tanggungan. Pada tahun 2002, sejumlah RM5.53 juta telah dibelanjakan untuk perbelanjaan mengurus dan sejumlah RM3.28 juta untuk perbelanjaan tanggungan. Peruntukan tanggungan Dewan digunakan untuk pembayaran pencen kepada bekas Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan dan Ahli Dewan Undangan Negeri. Semakan Audit terhadap urusan perbelanjaan Dewan sepanjang tahun 2002 mendapati perkara berikut :

### **25.2.1 Kuasa Meluluskan Pembayaran**

Mengikut Arahan Perbendaharaan 101, Pegawai Pengawal atau Pemegang Waran boleh mewakili kuasanya bagi memperakui baucar bayaran dan meluluskan pembayaran. Nama dan contoh tandatangan pegawai yang diwakili kuasa itu hendaklah dihantar kepada Akauntan Negeri. Semakan Audit mendapati 3 kakitangan Dewan diberi kuasa meluluskan pembayaran dan menandatangani baucar bayaran.

### **25.2.2 Buku Vot**

Mengikut Arahan Perbendaharaan 95 dan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 8 Tahun 1987, Pegawai Pengawal atau pegawai yang diamanahkan adalah bertanggungjawab menyelenggara Buku Vot mengikut panduan yang ditetapkan. Antara tanggungjawabnya ialah memastikan peruntukan, perbelanjaan, tanggungan dan baki masih ada dicatatkan dengan kemas kini dalam Buku Vot. Selain itu, pegawai yang meluluskan dan memperakui baucar hendaklah menurunkan tandatangan

ringkas dalam Buku Vot setelah semakan dibuat. Semakan Audit mendapati penyelenggaraan Buku Vot adalah memuaskan dan semua urus niaga dicatat dengan kemas kini.

### **25.2.3 Penyesuaian Perbelanjaan**

Mengikut Arahan Perbendaharaan 143(b), Pegawai Pengawal dikehendaki membuat pengesahan terhadap Laporan Perbelanjaan Bulanan yang dikemukakan oleh Akauntan Negeri. Tujuan pengesahan adalah bagi memastikan transaksi antara Buku Vot Jabatan dengan rekod Akauntan Negeri adalah bersamaan dan sebarang perbezaan hendaklah disesuaikan serta dikembalikan kepada Akauntan Negeri. Adalah didapati sepanjang tahun 2002, Dewan tidak membuat pengesahan serta tidak menyediakan penyata penyesuaian terhadap Laporan berkenaan.

### **25.2.4 Kawalan Perolehan**

Semua perolehan Dewan dibuat melalui Borang Pesanan Tempatan. Adalah didapati pegawai yang menandatangani Borang Pesanan Tempatan telah diberi kuasa secara bertulis oleh Pegawai Pengawal. Semakan Audit secara rambang terhadap Pesanan Tempatan tahun 2002 mendapati salinan ketiga dan keempat tidak disempurnakan dengan lengkap mengenai maklumat seperti tarikh dan tandatangan pemeriksa, tarikh dan tandatangan penerima serta butiran penyediaan baucar bayaran. Dewan tidak menyimpan stok Borang Pesanan Tempatan sebaliknya diperoleh daripada Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri.

### **25.2.5 Daftar Bil**

Arahan Perbendaharaan 103(a) menghendaki supaya bil tuntutan yang diterima hendaklah dibayar segera dalam tempoh 30 hari daripada tarikh penerimaannya. Sehubungan dengan itu, Daftar Bil yang lengkap perlu diselenggarakan bagi memastikan setiap Jabatan merekod dan mengawasi pembayaran dibuat dengan

segera dalam tempoh yang ditetapkan. Pemeriksaan Audit mendapati Daftar Bil tidak diselenggarakan di Dewan.

#### **25.2.6 Pembayaran Di Bawah Arahan Perbendaharaan 58(a)**

Arahan Perbendaharaan 103(a) menetapkan semua bil dan tuntutan dibayar dalam tempoh satu bulan dari tarikh ianya diterima. Pembayaran yang segera terutama sekali pada akhir tahun perlu bagi mengelakkan berlakunya pembayaran di bawah Arahan Perbendaharaan 58(a) yang melibatkan peruntukan tahun semasa. Semakan Audit terhadap baucar bayaran bulan Januari, Februari, Mac dan Disember 2002 mendapati 10 baucar bayaran sejumlah RM27,818 adalah bagi menjelaskan bil dan tuntutan tahun terdahulu. Bil tersebut merupakan tuntutan bayaran balik penggunaan telefon tahun 1998 dan 1999 serta bekalan air, elektrik dan tuntutan perjalanan tahun 2001 yang lewat diterima daripada Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan.

**Pada pendapat Audit, kawalan perbelanjaan Dewan boleh dipertingkatkan. Antaranya ialah penggunaan Borang Pesanan Tempatan perlu diperkemaskan, Daftar Bil hendaklah diselenggarakan, Buku Vot perlulah disemak dan disesuaikan dengan rekod Akauntan Negeri. Selain itu, bayaran balik terhadap tuntutan hendaklah disegerakan supaya pembayarannya tidak melampaui tahun kewangan semasa.**

### **25.3 PENGURUSAN ASET**

Pada tahun 2002, sejumlah RM69,098 telah dibelanjakan untuk pembelian harta modal dan inventori iaitu 1 unit mesin taip elektronik, 4 buah kerusi DiRaja, meja Dewan Negeri dan langsir Bilik DiRaja. Lain-lain harta modal dan inventori yang dimiliki Dewan diperoleh daripada Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri sebelum tahun 2002. Antaranya ialah 6 buah komputer, satu set alat perakam suara, satu set *Heavy Duty Audio/Video* dan 2 buah mesin faks. Dewan tidak memiliki kenderaan Jabatan, sebaliknya

pengurusan kenderaan di bawah kawalan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri. Pada tahun 2002, tidak ada sebarang pelupusan harta modal dilakukan oleh Dewan. Semakan Audit terhadap pengurusan aset Dewan mendapati perkara berikut:

#### **25.3.1 Daftar Harta Modal**

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1991 menghendaki semua maklumat mengenai perolehan harta modal serta kos penyelenggaraannya direkodkan dalam Daftar Harta Modal. Maklumat tersebut adalah perlu untuk tujuan kawalan, mengelakkan penyalahgunaan dan tujuan pelupusan harta modal. Adalah didapati daftar ini tidak diselenggarakan; sebaliknya, butiran harta modal dicatatkan dalam Daftar Inventori. Semakan Audit juga mendapati harta modal dan inventori tidak diberikan nombor siri pendaftaran sebagai tanda pengenalan sesuatu aset Kerajaan. Bagaimanapun senarai aset berkenaan ada dipamerkan di lokasi ianya berada.

#### **25.3.2 Pemeriksaan Tahunan**

Panduan Perbendaharaan Tatacara Pengurusan Stor 238, 239 dan 240 menghendaki Ketua Jabatan atau Pejabat menjalankan pemeriksaan tahunan terhadap aset Jabatan bagi memastikan ianya dalam keadaan baik. Hasil pemeriksaan tersebut hendaklah dilaporkan kepada Pegawai Pengawal. Pemeriksaan Audit mendapati tidak ada bukti pemeriksaan dilakukan terhadap aset Jabatan.

**Pada pendapat Audit, pengurusan aset Dewan perlulah dipertingkatkan. Kawalan terhadap harta modal hendaklah diperkemas dengan penyediaan Daftar Harta Modal dan melakukan pemeriksaan tahunan.**

## **26. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT**

Pada keseluruhannya pengurusan kewangan Dewan boleh dipertingkatkan. Kursus dan latihan kepada kakitangan terutamanya berkaitan urusan kewangan hendaklah diberi keutamaan bagi meningkatkan kecekapan mereka. Beberapa aspek kawalan perbelanjaan seperti bayaran di bawah Arahan Perbendaharaan 58(a), Daftar Bil, penyesuaian perbelanjaan dan penggunaan Pesanan Tempatan perlu diperkemaskan. Selain itu, pengurusan terhadap aset juga perlu diberi perhatian.

**BAHAGIAN III**  
**AKTIVITI JABATAN DAN KAJIAN KHAS**

**27. PENDAHULUAN**

Selain daripada mengesahkan akaun dan menjalankan pengauditan Pematuhan, Akta Audit 1957 juga menghendaki Jabatan Audit Negara menjalankan pemeriksaan terhadap program dan aktiviti Jabatan. Ia bertujuan bagi menilai sejauh mana keberkesanan sesuatu program atau aktiviti itu dilaksanakan. Pada tahun 2002, kajian telah dijalankan terhadap Pengurusan Projek Perumahan Awam Kos Rendah, Penyelenggaraan Kuarters Kerajaan Negeri dan Program Pembangunan Usahawan Tani. Hasil kajian tersebut seperti yang dilaporkan ini telah dimaklumkan kepada Ketua Jabatan berkenaan.

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PAHANG**

**PENGURUSAN PROJEK PERUMAHAN AWAM KOS RENDAH**

**28. LATAR BELAKANG**

**28.1** Dasar Kerajaan untuk mengadakan Program Perumahan Awam Kos Rendah adalah bagi menyediakan rumah kediaman yang mampu dimiliki oleh rakyat yang berpendapatan rendah. Bagi merealisasikan hasrat tersebut, Jabatan Perumahan Negara dipertanggungjawabkan sebagai Agensi pelaksana yang memantau dan menyelia kemajuan projek sehingga siap. Manakala tanggungjawab Unit Perumahan di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang pula ialah merancang, menyelaras, memantau dan mengagihkan rumah awam kos rendah.

**28.2** Pelaksanaan projek dibuat secara 'reka dan bina' yang mana pihak kontraktor bertanggungjawab dalam mereka bentuk, membina dan menyiapkan rumah tersebut. Sementara pemilihan kontraktor dibuat secara rundingan terus dengan tujuan mempercepatkan pelaksanaan projek. Daripada 16 projek yang dilaksanakan, sembilan projek telah disiapkan semasa Rancangan Malaysia Ketujuh (RMK7), empat projek disiapkan pada awal tempoh Rancangan Malaysia Kelapan (RMK8) manakala 3 projek lagi masih belum siap sehingga bulan Januari 2003. Sehingga kini, sebanyak 2,638 unit rumah telah pun diisi oleh penghuni manakala 3,662 unit lagi masih kosong.

## **29. OBJEKTIF PENGAUDITAN**

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai pencapaian Program Perumahan Awam Kos Rendah semasa RMK7 bagi Negeri Pahang meliputi aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan.

## **30. SKOP DAN KAEDAH PENGAUDITAN**

Pengauditan yang dijalankan meliputi 16 projek Perumahan Awam Kos Rendah yang dilaksanakan oleh Jabatan Perumahan Negara di Negeri Pahang yang tidak dapat disiapkan semasa Rancangan Malaysia Keenam (RMK6) dan disambung ke RMK7. Pengauditan melibatkan 13 projek yang telah siap dan 3 projek lagi masih dalam pembinaan. Selain 3 aspek utama iaitu perancangan, pelaksanaan dan pemantauan, pengauditan juga menekankan pengagihan rumah kepada penghuni. Pemeriksaan Audit yang dijalankan adalah dengan menyemak dokumen seperti rekod, daftar, senarai, fail yang berkaitan di Unit Perumahan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang, Jabatan Perumahan Negara Cawangan Pahang dan Pihak Berkuasa Tempatan. Selain menemu bual pegawai yang terlibat, lawatan ke tapak projek juga dilakukan. Sementara itu, rujukan maklumat daripada pelbagai sumber juga dibuat sebagai perbandingan.

## **31. PENEMUAN AUDIT**

### **31.1 PERANCANGAN**

Kerajaan Negeri melalui Unit Perumahan telah merancang 30 projek baru melibatkan 7,450 unit rumah untuk dilaksanakan semasa RMK7. Bagaimanapun, sebanyak 30 projek ini ditangguhkan pelaksanaannya ke RMK8 kerana terdapat projek dari RMK6 yang belum dilaksanakan. Kerajaan Persekutuan memutuskan supaya 16 projek berkenaan yang merupakan projek sambungan dari RMK6 dilaksanakan dalam tempoh RMK7. Kesemua projek tersebut melibatkan kos pembinaan keseluruhan sejumlah RM164.45 juta akan dilaksanakan di semua daerah Negeri Pahang kecuali Cameron Highlands. Kesemuanya akan dibiayai melalui pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan.

Semakan Audit terhadap perancangan yang dibuat oleh Kerajaan Negeri mendapati perkara berikut :

#### **31.1.1 Sasaran Program**

Perancangan projek Perumahan Awam Kos Rendah adalah dibuat dengan mengambil kira aspek seperti kemampuan kewangan Kerajaan Negeri, pinjaman yang akan diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan dan permintaan terhadap rumah awam kos rendah. Bilangan pemohon rumah awam kos rendah yang berdaftar di Unit Perumahan setakat ini ialah 19,019 orang. Berdasarkan kriteria di atas, Kerajaan Negeri telah merancang untuk melaksanakan 30 projek perumahan yang dapat menyediakan 7,450 unit rumah awam kos rendah. Taburan projek yang dirancang seperti di **Jadual 11**.

**Jadual 11**  
**Bilangan Projek Baru Yang Dirancang**

Bil.	Daerah	Bilangan Projek Baru Yang Dirancang	Bilangan Unit
1.	Kuantan	4	2,550
2.	Pekan	3	650
3.	Rompin	2	450
4.	Maran	3	400
5.	Temerloh	3	750
6.	Bera	2	400
7.	Bentong	4	700
8.	Raub	2	450
9.	Lipis	2	300
10.	Jerantut	4	700
11.	Cameron Highlands	1	100
	<b>Jumlah</b>	<b>30</b>	<b>7,450</b>

*Sumber : Unit Perumahan SUK*

**Pihak Audit berpendapat, bilangan sasaran yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri adalah realistik berbanding permintaan semasa.**

### **31.1.2 Sumber Kewangan Dan Penentuan Kos**

Unit Perumahan ada menyediakan *outline costing* bagi setiap projek yang dirancang untuk dilaksanakan semasa RMK7. Anggaran kos projek ditentukan atas kadar RM25,000 satu unit. Sehubungan itu, adalah didapati kos sejumlah RM186.25 juta telah dianggarkan bagi melaksanakan 30 projek baru yang melibatkan 7,450 unit rumah semasa tempoh tersebut. Sumber kewangan akan diperoleh daripada pinjaman Kerajaan Persekutuan.

### **31.1.3 Kaedah Pelaksanaan**

Kerajaan Negeri melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri telah menetapkan kesemua projek dilaksanakan secara 'reka dan bina' yang mana pihak kontraktor bertanggungjawab mereka bentuk, membina dan menyiapkan rumah tersebut. Atas konsep ini, pemilihan kontraktor dibuat secara rundingan terus dengan tujuan mempercepatkan pelaksanaan projek.

#### **31.1.4 Penentuan Kriteria Pembinaan**

Unit Perumahan telah menggunakan garis panduan yang dikeluarkan oleh Jabatan Perumahan Negara yang menggariskan piawaian minimum yang perlu dipatuhi. Mengikut garis panduan tersebut, penekanan diberikan kepada keperluan perancangan dan reka bentuk seperti penyediaan ruang dan laluan keluar/masuk yang mencukupi, kemudahan infrastruktur seperti sistem saliran, pembuangan sampah dan sebagainya. Selain itu, reka bentuk setiap unit rumah perlu memberi keutamaan kepada keselesaan penghuni dengan sekurang-kurangnya 3 bilik tidur, keluasan lantai, kelengkapan elektrik dan sebagainya.

**Pada pendapat Audit, semua aspek ini telah diambil kira oleh Unit Perumahan semasa merancang projek Perumahan Awam Kos Rendah sejajar dengan garis panduan yang dikeluarkan oleh Jabatan Perumahan Negara.**

#### **31.1.5 Kriteria Permohonan Rumah**

Kerajaan Negeri telah pun menetapkan kriteria permohonan rumah murah. Antara kriteria penting yang ditetapkan adalah seperti berikut :

- i)** Jumlah pendapatan keluarga tidak melebihi RM1,200 satu bulan.
- ii)** Telah berkahwin dan berumur tidak kurang daripada 21 tahun.
- iii)** Tidak memiliki tanah, rumah atau tapak rumah sama ada didaftarkan di atas nama pemohon sendiri atau isteri/suami pemohon.
- iv)** Tidak pernah dikeluarkan atau dibatalkan peruntukan memiliki rumah awam kos rendah kerana melanggar syarat pemilikannya.

- v) Telah tinggal dan menetap di Negeri Pahang secara terus menerus selama tidak kurang daripada 5 tahun.

Sementara itu, Unit Perumahan juga telah menggunakan sistem pendaftaran berkomputer yang dikenali sebagai Sistem Pendaftaran Terbuka yang diperkenalkan oleh Jabatan Perumahan Negara. Tujuan sistem ini diperkenalkan ialah bagi memastikan pemilihan dan pengagihan rumah murah dapat dilaksanakan dengan adil serta menepati kumpulan sasarannya.

**Pada pendapat Audit, Kerajaan Negeri telah mengambil kira aspek penting seperti sasaran program, sumber kewangan dan kaedah pelaksanaan semasa merancang Program Perumahan Awam Kos Rendah.**

## **31.2 PELAKSANAAN**

Semasa RMK7, kesemua 30 projek yang dirancang oleh Kerajaan Negeri telah ditangguh pelaksanaannya kerana masih terdapat 16 projek RMK6 yang belum dilaksanakan perlu diteruskan semasa RMK7. Sehingga akhir tempoh RMK7, daripada 16 projek yang dilulus untuk dilaksanakan melibatkan 6,300 unit rumah, hanya 2,009 unit rumah dapat disiapkan melibatkan 9 projek. Manakala 4,291 unit yang melibatkan 7 projek lagi hanya dapat disiapkan selepas tempoh RMK7 termasuk 3 projek masih belum siap sepenuhnya sehingga bulan Mac 2003. Kedudukan ini menunjukkan bahawa Kerajaan Negeri hanya dapat mencapai sasaran 32% sahaja daripada apa yang disasarkan. Kegagalan untuk mencapai sasaran ini adalah disebabkan pelbagai masalah yang dihadapi dalam proses pelaksanaannya. Hasil semakan Audit terhadap pelaksanaan Program Perumahan Awam Kos Rendah RMK7 ini mendapati perkara berikut :

### 31.2.1 Pemilihan Tapak Projek

- i) Tapak sesuatu projek Perumahan Awam Kos Rendah dicadangkan oleh Jawatankuasa Pembangunan Daerah dengan mengambil kira lokasi, keadaan fizikal tanah/tapak, kemudahan infrastruktur sedia ada dan sebagainya. Tapak yang dicadangkan itu dikemukakan kepada Unit Perumahan bagi tindakan selanjutnya. Semakan Audit mendapati tapak projek yang dipilih telah mengambil kira aspek penting seperti berikut :
  - a) Terletak di sekitar penempatan dan berhampiran dengan pekan/bandar.
  - b) Adalah merupakan tanah milik Kerajaan dan faktor bayaran pampasan tidak timbul.
  - c) Berdekatan dengan kemudahan infrastruktur seperti bekalan air, elektrik, sekolah dan jalan raya.
- ii) Bagaimanapun 3 daripada 16 projek yang dilaksanakan didapati tapak asal yang dipilih tidak sesuai dan terpaksa dipindah ke tapak baru. Ketidaksesuaian tapak biasanya melibatkan struktur fizikal tanah seperti tanah berpaya, sering dilanda banjir, tanah rendah, berbatu dan terdapat penempatan setinggan. Keputusan memilih tapak baru terpaksa dibuat bagi mengelakkan kos yang tinggi melibatkan kerja tanah.

**Pada pandangan Audit, Kerajaan Negeri perlu mewujudkan *Land Bank* bagi tapak yang sesuai di setiap daerah untuk suatu tempoh tertentu. Tapak berkaitan perlu disahkan kesesuaian dari aspek fizikal dan teknikal pada awal lagi sebelum permohonan projek dibuat.**

### 31.2.2 Pemilihan Kontraktor

- i) Kerajaan Negeri telah memutuskan untuk melantik kontraktor secara rundingan terus untuk mempercepat pelaksanaan projek. Sehubungan itu, sebanyak 13 daripada 16 projek RMK7 telah dilaksanakan menggunakan kaedah tersebut dan 3 lagi secara tender terpilih. Sebelum daripada itu, semua projek dibuat secara tender terbuka dengan diuruskan oleh Jabatan Perumahan Negara. Dengan perubahan dasar ini telah menyebabkan peranan Jabatan juga turut berubah dan tanggungjawab menyediakan pelan berkaitan terletak di bahu kontraktor dan juruperunding yang dilantik oleh kontraktor. Sebelum ini tugas tersebut dilaksanakan oleh Jabatan Perumahan Negara. Keadaan ini menyebabkan peranan Jawatankuasa Pusat Sehenti Perumahan Awam Kos Rendah yang sebelum ini membantu mendapatkan perakuan kelulusan pelan susun atur, pelan reka bentuk bangunan dan sebagainya telah tidak lagi berfungsi.

**Pada pandangan Audit, situasi ini wujud disebabkan tidak ada satu garis panduan bagi menjelaskan peranan yang patut dimainkan oleh Jabatan Perumahan Negara serta Agensi terbabit selepas kaedah 'reka dan bina' ini diperkenalkan.**

- ii) Tinjauan Audit mendapati kaedah rundingan terus yang dibuat dalam memilih kontraktor bagi projek tersebut tidak mencapai matlamat yang diharapkan :
  - a) Daripada 16 projek yang dilaksanakan, hanya 4 projek dapat disiapkan mengikut jadual manakala 12 projek lagi gagal menepati jadual pelaksanaan. Malah masih ada 3 projek yang belum siap semasa kajian ini dijalankan dan

ada di antaranya telah lebih 3 tahun melampaui jangka masa yang sepatutnya.

- b) Mengikut laporan oleh Jabatan Perumahan Negara, adalah didapati 5 projek telah diluluskan kepada kontraktor yang tidak kukuh kedudukan kewangannya berbanding kos projek yang akan dilaksanakan. Sebagai contoh, syarikat yang dipilih bagi satu projek Perumahan Awam Kos Rendah di Temerloh hanya mempunyai modal berbayar sejumlah RM250,000 sahaja berbanding dengan kos kontrak sejumlah RM5.23 juta. Akibatnya pelaksanaan projek terbabit terjejas dan belum siap hingga kini.
- c) Keadaan ini menunjukkan bahawa kegagalan memilih kontraktor yang berkelayakan telah menjejaskan keseluruhan projek yang dirancang dan juga hasrat Kerajaan Negeri untuk menyediakan rumah bagi golongan berpendapatan rendah mengikut jadual. Kriteria pemilihan seperti pengalaman, kemampuan kewangan dan prestasi kontraktor tidak dapat dipastikan kerana maklumat berkaitan tidak diperoleh untuk semakan Audit.

**Pada pandangan Audit, pemilihan kontraktor dibuat secara rundingan terus adalah tidak wajar kerana pelaksanaan projek tidak memerlukan kepakaran khas dan kegagalan memastikan kelayakan sebenar kontraktor memberi kesan negatif kepada pelaksanaan projek.**

### **31.2.3 Perjanjian Kontrak**

Kesemua 16 projek Perumahan Awam Kos Rendah yang dilaksanakan mempunyai perjanjian kontrak antara Kerajaan Negeri dengan pihak kontraktor. Kesemuanya menggunakan format kontrak yang seragam dan syarat perjanjian tersebut didapati telah mengambil kira kepentingan Kerajaan, antaranya adalah seperti berikut :

- i) Kontraktor tertakluk kepada syarat bahawa reka bentuk mempunyai tempoh jaminan selama 5 tahun (*Design Guarantee*).
- ii) Kontraktor dikehendaki menyediakan Bon Pelaksanaan atas kadar 5% daripada nilai kontrak dalam bentuk jaminan bank yang diluluskan sebelum kerja dimulakan.
- iii) Kontraktor dikehendaki menyediakan Polisi Insurans Tanggungan Awam bagi melindungi Kerajaan daripada sebarang bencana dan kerosakan harta benda mengikut nilai yang ditetapkan dalam kontrak.
- iv) Denda lewat dikenakan atas kadar 0.041% atas nilai kontrak sehari sekiranya kontraktor gagal menyiapkan projek pada tempoh yang ditetapkan.
- v) Tempoh Tanggungan Kecacatan selama 18 bulan selepas Sijil Siap Kerja dikeluarkan dan sebarang kerosakan terletak atas tanggungjawab kontraktor untuk memperbaikinya.

**Pada pandangan Audit, syarat perjanjian yang ditetapkan adalah jelas dan wajar dalam menjaga kepentingan Kerajaan Negeri.**

#### **31.2.4 Prestasi Pelaksanaan Projek**

Prestasi pencapaian keseluruhan projek Perumahan Awam Kos Rendah yang dilaksanakan semasa RMK7 adalah kurang memuaskan. Daripada 16 projek yang dirancang, hanya 4 projek berjaya disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan dan 4 projek lagi lewat disiapkan dalam tempoh 6 bulan daripada jadual. Sementara itu, lima projek lewat disiapkan antara 9 hingga 48 bulan dan 3 projek masih belum disiapkan sehingga bulan Mac 2003 dengan kelewatan antara 22 hingga 38 bulan. Maklumat mengenai tempoh penyiapan projek adalah seperti di **Jadual 12**.

**Jadual 12**  
**Kedudukan Penyiapan Projek**

Bil.	Projek	Tarikh Mula	Tarikh Patut Siap	Tarikh Siap Sebenar	Tempoh Lewat (Bulan)
		A	B	C	[C-B]
<b>A.</b>	<b>Projek Siap Ikut Jadual</b>				
1	Kg. Padang, Sg. Lembing, Kuantan	13.10.1997	28.02.2001	06.03.2001	-
2	Sg. Lui, Raub	26.12.1994	10.12.1995	10.12.1995	-
3	Bandar Baru Raub	07.03.1996	21.01.1998	21.01.1998	-
4	Tempoyang II, Lipis	23.08.1997	22.08.1998	22.08.1998	-
<b>B.</b>	<b>Projek Lewat Siap Dalam Tempoh 6 Bulan Daripada Jadual</b>				
1	Sg. Isap, Kuantan	22.08.1995	21.08.1996	30.11.1996	3
2	Taman Sri Rompin	21.08.1995	20.11.1996	29.01.1997	2
3	Kuala Medang, Lipis	24.10.1995	08.10.1996	08.12.1996	2
4	Ketari Triangle II, Bentong	21.03.1995	08.04.1996	05.10.1996	6
<b>C.</b>	<b>Projek Lewat Siap Dalam Tempoh Lebih 6 Bulan Daripada Jadual</b>				
1	Bandar Baru Jerantut	26.01.1994	12.09.1995	-	48
	(Kontraktor Ke Dua)	16.01.1999	23.04.1999	04.09.1999	
2	Kempadang (Soi), Kuantan	15.01.1996	14.07.1997	01.04.1998	9
3	Batu Embun, Jerantut	06.12.1999	02.07.2000	02.04.2001	9
4	Kerayong, Bera	01.07.1998	16.11.1999	30.04.2001	17
5	Pulau Serai, Pekan	01.07.1998	07.12.1999	06.05.2001	17
<b>D.</b>	<b>Projek Masih Belum Siap</b>				
1	Kerdau, Temerloh	01.07.1998	07.12.1999	Belum Siap	38
2	Luit, Maran	09.11.1998	16.07.2000	Belum Siap	31
3	Sg. Pandan, Kuantan	04.10.1999	01.04.2001	Belum Siap	22

Sumber : Unit Perumahan, SUK

Semakan Audit terhadap prestasi keseluruhan pelaksanaan 16 projek perumahan adalah seperti berikut :

**i) Projek Siap Mengikut Jadual**

Sebanyak 4 projek telah disiapkan mengikut tempoh yang ditetapkan tanpa kelewatan. Ini melibatkan 1,854 unit rumah atau 29% daripada 6,300 unit rumah yang dirancang semasa RMK7. Adalah didapati projek berkenaan dapat disiapkan mengikut jadual kerana prestasi kontraktor yang baik. Mengikut laporan Jabatan Perumahan Negara, kontraktor yang dipilih mempunyai pengalaman kerja yang mencukupi di samping kepakaran yang berkaitan dan tidak menghadapi masalah kewangan, projek tidak menghadapi masalah tapak, tidak ada masalah teknikal seperti perubahan skop kerja dan satu projek berkaitan menggunakan teknologi pasang siap.

## **ii) Projek Siap Dalam Tempoh 6 Bulan Selepas Jadual**

Sebanyak 4 projek telah dapat disiapkan dalam tempoh antara 2 hingga 6 bulan selepas tempoh yang ditetapkan. Analisis Audit mendapati kelewatan tersebut adalah disebabkan oleh faktor di luar kawalan pihak kontraktor seperti perubahan skop kerja, kerja tambahan Jabatan Teknikal seperti Jabatan Bekalan Air dan Tenaga Nasional Berhad, kekurangan bekalan bahan binaan dan faktor cuaca.

## **iii) Projek Siap Melebihi Tempoh 6 Bulan Daripada Jadual**

Adalah didapati 5 projek hanya dapat disiapkan selepas tempoh 6 bulan daripada jadual sepatutnya. Tempoh kelewatan antara 9 hingga 48 bulan. Bagi 2 projek yang lewat disiapkan iaitu selepas 9 bulan daripada jadual adalah disebabkan masalah teknikal seperti kerja tambahan dan perubahan reka bentuk. Bagaimanapun bagi 3 projek yang lain, kelewatan mencecah 17 hingga 48 bulan dan faktor kelewatan lebih kepada masalah kontraktor selain masalah teknikal seperti perubahan pelan susun atur dan kerja tambahan.

## **iv) Projek Belum Siap**

Sehingga tarikh laporan ini, sebanyak 3 projek masih gagal disiapkan. Tempoh kelewatan adalah antara 22 hingga 38 bulan. Semakan Audit mendapati faktor utama kelewatan menyiapkan projek adalah kerana kontraktor menghadapi masalah kewangan dan kegagalan kontraktor mendapat kelulusan daripada Jabatan Teknikal seperti Jabatan Perkhidmatan Pembetungan, Jabatan Bekalan Air dan Pihak Berkuasa Tempatan berhubung kehendak teknikal yang perlu dipenuhi.

**Pihak Audit juga mendapati ketidakseragaman antara Jabatan Teknikal dalam menentukan keperluan masing-masing turut menjadi punca projek lewat disiapkan. Pelan berkaitan perlu dipinda di peringkat akhir apabila terdapat perubahan spesifikasi oleh Jabatan Teknikal telah menjejaskan prestasi pelaksanaan projek dan penyiapan projek.**

**v) Pengeluaran Sijil Layak Menduduki**

Mengikut syarat kontrak, adalah menjadi tanggungjawab kontraktor untuk mendapatkan Sijil Layak Menduduki daripada Pihak Berkuasa Tempatan dalam tempoh 3 bulan selepas Sijil Siap Kerja dikeluarkan. Bagaimanapun sehingga bulan Mac 2003, daripada 13 projek yang telah siap hanya 9 projek telah pun mendapat Sijil Layak Menduduki manakala 4 projek belum memperolehnya. Semakan Audit mendapati Sijil Layak Menduduki bagi 3 projek lewat dikeluarkan antara 5 hingga 20 bulan daripada tarikh siap kerja. Kelewatan mendapat sijil tersebut adalah disebabkan masalah teknikal seperti kegagalan kontraktor memenuhi kehendak Jabatan Teknikal berkaitan. Ini melibatkan kerja seperti pemasangan paip air tidak mengikut spesifikasi, loji kumbahan tidak dibina dan jalan tidak mengikut lebar sepatutnya. Ada juga Jabatan Teknikal mengubah spesifikasi yang telah ditetapkan terdahulu kerana mengikut keperluan semasa seperti penyediaan Sistem Rawatan Kumbahan Berpusat. Keadaan yang sama berlaku pada 3 projek yang telah siap tetapi masih belum dikeluarkan Sijil Layak Menduduki sehingga kini melampaui tempoh antara 23 hingga 45 bulan. Kegagalan mendapatkan Sijil Layak Menduduki telah menjejaskan penempatan penghuni ke 502 unit rumah awam kos rendah terbabit.

**Pada pandangan Audit, penyeragaman spesifikasi antara Jabatan Perumahan Negara dengan Jabatan Teknikal dan Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah dibuat khususnya bagi memudahkan pemantauan dan pematuhan oleh kontraktor pembinaan. Dalam hal ini, peranan pusat sehenti amat diperlukan dan dilaksanakan dengan berkesan. Selain itu, pihak Audit berpendapat sekiranya pihak kontraktor gagal bertindak terhadap teguran daripada Jabatan Teknikal, Jabatan Perumahan Negara boleh membuat pembaikan tersebut pada masa berkenaan dan memotong daripada bayaran kemajuan kepada kontraktor tanpa menunggu di saat akhir projek hendak disiapkan.**

**vi) Spesifikasi Dan Kualiti Rumah**

a) Daripada 6,300 unit rumah murah yang dibina, sejumlah 5,068 unit merupakan rumah jenis teres setingkat, 524 unit jenis teres dua tingkat dan 708 unit rumah jenis berkembar. Sementara setiap rumah mempunyai 3 bilik tidur, bilik air dan keluasan lantai antara 600 kaki persegi hingga 700 kaki persegi mengikut jenis rumah dan menepati standard yang ditetapkan. Bagaimanapun tinjauan Audit terhadap 10 projek Perumahan Awam Kos Rendah mendapati ada sedikit perbezaan spesifikasi antara satu projek dengan projek yang lain. Misalnya, jenis bumbung yang digunakan bagi 7 projek adalah daripada jenis asbestos. Sementara bagi 3 projek lagi menggunakan atap genting. Selain itu, terdapat projek yang menggunakan lantai jubin di bahagian dapur manakala ada yang menggunakan lantai simen sahaja. Perbezaan tersebut berlaku adalah disebabkan reka bentuk projek disediakan oleh pihak kontraktor mengikut konsep 'reka dan bina'. Perbezaan ini menyebabkan kos harga rumah berbeza antara satu projek

dengan projek yang lain antara RM20,354 hingga RM35,094 satu unit. Oleh kerana rumah ini dijual dengan harga RM25,000, perbezaan kosnya ditanggung oleh Kerajaan Negeri.

- b) Pihak Audit juga membuat pemerhatian terhadap projek Kg. Padang, Sg. Lembing, Kuantan. Projek ini mengandungi 1,446 unit rumah dengan kos RM23,419 satu unit iaitu di bawah RM25,000. Rumah di projek ini menggunakan konsep pasang siap hasil teknologi dari Finland. Projek ini didapati telah dapat disiapkan mengikut jadual dan hasilnya yang lebih kemas dan berkualiti. Keterangan bergambar seperti **Foto 1** di bawah.

**Foto 1**  
**Contoh Rumah Berkonsepkan Pasang Siap**  
**Projek Kg. Padang, Sg. Lembing, Kuantan**



*Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negara*  
*Tarikh : 11 Mac 2003*

Pada pandangan Audit, harga rumah RM25,000 satu unit bukan menggambarkan kos pembinaan rumah murah sebenar. Kerajaan Negeri patut menimbang penggunaan konsep pasang siap ini bagi pelaksanaan projek seterusnya. Penggunaan kaedah ini bukan sahaja menepati kos RM25,000 satu unit bahkan dapat menyeragamkan spesifikasi rumah kos rendah. Penyeragaman ini penting kerana semua pembeli

membayar harga yang sama pada jenis rumah yang sama dan ianya dapat menjimatkan Kerajaan Negeri dari segi subsidi harga.

### 31.2.5 Pembiayaan Projek Perumahan Awam Kos Rendah

- i) Kesemua projek Perumahan Awam Kos Rendah dibiayai sepenuhnya melalui pinjaman Kerajaan Persekutuan berasaskan kadar RM25,000 satu unit. Jumlah pinjaman yang diterima berdasarkan permohonan yang dibuat oleh Kerajaan Negeri mengikut sesuatu projek yang hendak dilaksanakan. Keseluruhan pinjaman yang telah diluluskan bagi membiayai 16 projek tersebut adalah sejumlah RM160.23 juta. Butiran pinjaman yang diluluskan seperti di **Jadual 13**.

**Jadual 13**  
**Jumlah Pinjaman Yang Diluluskan Bagi 16 Projek Perumahan Awam Kos Rendah**

Bil.	Projek	Tarikh Perjanjian Pinjaman	Pinjaman Diluluskan (RM Juta)
1.	Bandar Baru Jerantut	14.06.1993	10.22
2.	Ketari Triangle II, Bentong	14.06.1993	3.03
3.	Sg. Lui, Raub	14.06.1993	3.52
4.	Sg. Isap, Kuantan	14.06.1993	13.34
5.	Bandar Baru Raub	27.07.1994	5.20
6.	Taman Sri Rompin	27.07.1994	5.08
7.	Kuala Medang, Lipis	27.07.1994	2.50
8.	Batu Embun Fasa I, Jerantut	27.07.1994	2.82
	Batu Embun Fasa II, Jerantut	17.11.1999 (Tambahan)	1.50
9.	Kempadang (Soi), Kuantan	27.07.1994	6.25
10.	Tempoyang II, Lipis	07.08.1995	3.75
11.	Kerdau, Temerloh	27.07.1994	3.52
12.	Kerayong, Bera	27.07.1994	5.00
13.	Pulau Serai, Pekan	27.07.1994	3.75
14.	Luit, Maran	27.07.1994	3.75
15.	Kg. Padang, Kuantan	07.08.1995	37.00
16.	Sg. Pandan, Kuantan	11.01.1999	50.00
	<b>Jumlah</b>		<b>160.23</b>

Sumber: Unit Perumahan, SUK Dan Perbendaharaan Negeri

- ii) Sementara itu, Kerajaan Negeri juga telah menerima geran infrastruktur sejumlah RM11 juta bagi semua projek RMK7 daripada Kerajaan Persekutuan. Sejumlah RM8.34 juta diterima pada bulan Disember 2000 manakala sejumlah RM2.66 juta lagi diterima pada bulan Oktober 2002. Sehubungan itu, Kerajaan Negeri tidak menghadapi masalah dalam membiayai kos pelaksanaan projek sejumlah RM164.45 juta.

**Pada pandangan Audit, pembiayaan projek perumahan telah diuruskan dengan baik.**

#### **31.2.6 Kaedah Penyerahan Projek Kepada Kerajaan Negeri**

- i) Menurut garis panduan persefahaman antara Unit Perumahan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri dan Jabatan Perumahan Negara , Projek Perumahan Awam Kos Rendah yang siap akan diserahkan oleh Jabatan Perumahan Negara kepada Kerajaan Negeri selepas Sijil Layak Menduduki diterima. Bagaimanapun, selepas sistem 'reka dan bina' diperkenalkan, kaedah penyerahan ini tidak diamalkan. Apa yang berlaku ialah Jabatan Perumahan Negara akan mengambil alih projek daripada kontraktor sebaik sahaja Sijil Siap Kerja dikeluarkan dan kemudiannya akan diserahkan kepada Kerajaan Negeri secara rasmi sebelum Sijil Layak Menduduki diperolehi.
- ii) Semakan Audit mendapati daripada 13 projek yang telah siap, kesemuanya telah diserahkan oleh Jabatan Perumahan Negara kepada Kerajaan Negeri selepas Sijil Siap Kerja dikeluarkan. Penyerahan rumah ini dibuat atas dasar persefahaman antara Jabatan Perumahan Negara dengan Unit Perumahan mewakili Kerajaan Negeri walaupun Sijil Layak Menduduki bagi projek berkaitan belum dikeluarkan. Sebanyak 9 projek telah diserahkan antara 1 hingga 4 bulan

daripada tarikh Sijil Siap Kerja dikeluarkan dan 4 projek diserahkan antara 5 hingga 8 bulan tanpa Sijil Layak Menduduki.

**Pada pandangan Audit, penyerahan projek kepada Kerajaan Negeri sepatutnya dibuat selepas Sijil Layak Menduduki diperolehi dan bukannya selepas Sijil Siap Kerja dikeluarkan. Ini bersesuaian dengan syarat kontrak bahawa pihak kontraktor bertanggungjawab untuk mendapatkan Sijil Layak Menduduki dan pihak Kerajaan Negeri tidak sepatutnya dibebankan dengan tanggungjawab itu.**

### **31.2.7 Pengagihan Rumah**

#### **i) Kriteria Pemohon**

Kerajaan Negeri telah menetapkan kriteria bagi pemohon yang layak untuk memohon rumah murah awam di Negeri Pahang. Kriteria ini ada dinyatakan dalam borang permohonan rumah murah. Antara kriteria utama yang ditetapkan ialah jumlah pendapatan keluarga pemohon tidak melebihi RM1,200 satu bulan bagi permohonan rumah murah Kerajaan, telah berkahwin, berumur tidak kurang daripada 21 tahun dan mesti berdaftar melalui Sistem Pendaftaran Terbuka.

#### **ii) Proses Pemilihan Dan Penempatan Penghuni**

**a)** Unit Perumahan akan menyenaraikan nama pemohon yang layak berdasarkan kriteria yang telah ditetapkan melalui Sistem Pendaftaran Terbuka mengikut lokasi sesuatu projek terbabit. Pemohon yang layak akan dipanggil temu duga yang dibuat mengikut kawasan Ahli Dewan Undangan Negeri masing-masing bagi memudahkan pemohon. Maklumat temu duga tersebut akan dibawa dalam Mesyuarat Jawatankuasa Penapis Dan Pemilihan Peserta Di Daerah yang dipengerusikan oleh Pegawai Daerah bagi menentukan pemohon yang layak di peringkat awal. Semua pemohon yang terpilih akan dipamerkan gambar

untuk bantahan awam selama 14 hari. Selepas itu, Jawatankuasa yang sama akan bermesyuarat sekali lagi bagi menimbang bantahan awam dan seterusnya membuat pemilihan akhir. Satu senarai pemohon yang berjaya dalam pemilihan akhir akan dikemukakan kepada Jawatankuasa Perumahan Negeri yang dipengerusikan sendiri oleh Menteri Besar untuk kelulusan. Pemohon yang berjaya akan dipanggil untuk proses cabutan undi dan penempatan. Satu perjanjian akan ditandatangani antara penghuni dengan Kerajaan Negeri. Antara syarat perjanjian ialah rumah tidak boleh disewa atau dijual.

**b)** Adalah didapati proses pemilihan ini telah diikuti dalam menempatkan penghuni ke rumah awam kos rendah. Bagaimanapun sehingga tarikh laporan ini, adalah didapati 2,638 unit rumah daripada 6,300 unit telah diagihkan kepada penghuni manakala 3,662 unit atau 58% belum diagihkan. Bilangan yang belum diagihkan itu melibatkan 4 projek dengan 2,081 unit, hanya diisi 1,264 daripadanya manakala 817 unit lagi masih belum diisi. Sementara 3 projek lagi telah siap melibatkan 502 unit tidak dapat diagihkan kerana Sijil Layak Menduduki belum diperolehi dan 2,343 unit lagi melibatkan 3 projek tidak dapat diagihkan kerana projek belum siap.

**c)** Semakan lanjut yang dibuat terhadap 817 unit yang masih belum diagihkan sehingga bulan Mac 2003 mendapati sebab berikut :

- Bagi 3 projek iaitu Ketari Triangle II, Kuala Medang dan Bandar Baru Jerantut dengan 35 unit tidak diisi telah menjangkau antara 2 hingga 6 tahun adalah disebabkan oleh kuota Ahli Dewan Undangan Negeri yang belum diputuskan.
- Bagi projek Kg. Padang, Sg. Lembing, Kuantan pula 782 unit belum diagihkan disebabkan Jawatankuasa

Penapis Dan Pemilihan Peserta Daerah Kuantan lewat membuat keputusan. Keputusan hanya dibuat selepas 5 mesyuarat dan yang terakhir pada bulan November 2002 dengan memilih 386 pemohon untuk diangkat ke Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (Unit Perumahan). Bagaimanapun sehingga kini penempatan masih belum dibuat.

- d) Akibat kelewatan pengagihan rumah tersebut, Unit Perumahan terpaksa mengupah khidmat kawalan keselamatan bagi menjaga keselamatan projek daripada diceroboh sehingga rumah diduduki sepenuhnya. Mengikut rekod, sehingga bulan Januari 2003 sejumlah RM522,411 telah dibelanjakan bagi tujuan tersebut. Bagaimanapun, tinjauan Audit di kawasan projek tersebut mendapati masih wujud kesan pencerobohan dengan keadaan rumah yang tidak terurus dan mengalami kerosakan teruk seperti di **Foto 2** dan **Foto 3**.

**Foto 2**  
**Dinding Dalam Rumah Diconteng**  
**Projek Ketari Triangle II, Bentong**



**Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negara**  
**Tarikh : 17 Disember 2002**

Pada pandangan Audit, pengagihan rumah hendaklah dibuat dengan segera bagi mengelakkan pencerobohan dan kos keselamatan menjaga rumah.

**Foto 3**  
**Keadaan Bingkai Tingkap Yang Telah Reput**  
**Projek Kuala Medang, Lipis**



*Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negara*  
*Tarikh : 17 Disember 2002*

### **31.2.8 Perubahan Dasar Dan Pemilikan Projek**

Semasa RMK7, Kerajaan Negeri masih mengamalkan dasar sewa beli rumah awam kos rendah kepada pemohon yang berjaya. Namun dasar tersebut telah diubah pada tahun 2001 kepada dasar pemilikan rumah iaitu rumah awam kos rendah yang telah siap dibina akan dijual kepada pemohon yang berjaya. Dengan perubahan dasar ini, pemohon yang berjaya dikehendaki membeli dengan mendapatkan pinjaman bank. Keadaan ini menimbulkan kesulitan kepada pembeli kerana rumah berkenaan belum mempunyai hak milik individu. Bagi mengatasi masalah tersebut, Kerajaan Negeri telah mengambil langkah berikut :

- i) Pihak pembeli diminta membuat *deed of assignment* dengan pihak bank yang memberi pinjaman.
- ii) Selepas bayaran diselesaikan, hak milik akan dikeluarkan terus kepada pembeli.

### **31.2.9 Pencapaian Program**

- i) Program Perumahan Awam Kos Rendah yang dilaksanakan semasa RMK7 sebahagiannya berjaya menambah sejumlah 2,009 unit rumah untuk golongan berpendapatan rendah. Bagaimanapun matlamat keseluruhan Kerajaan Negeri untuk menyediakan sejumlah 6,300 unit rumah mengikut jadual gagal dicapai sepenuhnya. Pencapaian program keseluruhan adalah pada tahap 32% daripada yang disasarkan. Peratusan pencapaian yang rendah ini disebabkan kegagalan menyiapkan 9 projek mengikut jadual manakala 3 projek lagi masih belum siap sehingga tarikh laporan ini.
- ii) Kegagalan mencapai matlamat ini memberi kesan yang ketara terhadap mereka yang memerlukan rumah. Permintaan yang tinggi terhadap rumah kos rendah dengan 19,019 pemohon yang masih berada dalam senarai menunggu sehingga bulan Januari 2003 menunjukkan masih ramai golongan berpendapatan rendah yang memerlukan dan mengharapkan pembinaan rumah daripada Kerajaan.
- iii) Hasil penilaian terhadap pelaksanaan program ini adalah didapati faktor utama yang menyumbang kepada kegagalan projek ialah masalah yang dihadapi di peringkat pelaksanaan projek seperti berikut :
  - a) Tiga daripada 16 projek menghadapi masalah tapak kerana tapak asal yang dipilih adalah tidak sesuai. Ini telah melewati pelaksanaan projek sehingga 4½ tahun.

- b) Soal pemilihan kontraktor tidak dihalusi secara menyeluruh. Lima daripada 16 kontraktor menghadapi masalah kewangan dan prestasi yang rendah.
- c) Kontraktor projek gagal mendapat Sijil Layak Menduduki dalam masa yang ditetapkan kerana tidak mematuhi kehendak Jabatan Teknikal.
- d) Kegagalan Unit Perumahan dan Jabatan Perumahan Negara memainkan peranan masing-masing dengan berkesan di peringkat pelaksanaan projek secara 'reka dan bina'.

**Pada pendapat Audit, pelaksanaan program ini tidak mencapai matlamat yang diharapkan kerana terdapat projek yang belum disiapkan dan rumah yang telah siap belum diagihkan kesemuanya.**

### **31.3 PEMANTAUAN**

Pemantauan terhadap pelaksanaan projek Perumahan Awam Kos Rendah dilakukan oleh kedua pihak iaitu Kerajaan Negeri oleh Unit Perumahan dan Jabatan Perumahan Negara selaku penguasa projek dengan dibantu oleh Jawatankuasa Pusat Sehenti Perumahan Awam Kos Rendah. Antara anggota Jawatankuasa tersebut adalah terdiri daripada Jabatan Perancang Bandar Dan Desa, Jabatan Perkhidmatan Pembetulan, Pentadbir Tanah Dan Daerah, Jabatan Kerja Raya, Jabatan Bekalan Air, Unit Perumahan, Pihak Berkuasa Tempatan dan lain-lain.

#### **31.3.1 Unit Perumahan**

Unit Perumahan terlibat secara langsung dari peringkat awal bermula dengan mengenal pasti tapak projek sehingga peringkat pengagihan rumah. Unit ini diketuai seorang Ketua Penolong Setiausaha daripada Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan 18 kakitangan daripada Kumpulan Sokongan. Unit ini terlibat dalam semua Jawatankuasa yang berkenaan seperti Jawatankuasa Perumahan dan Alam Sekitar, Jawatankuasa Rundingan Harga, Jawatankuasa Penapis Dan Pemilihan Peserta Di Daerah dan Jawatankuasa Pusat Sehenti Perumahan Awam

Kos Rendah. Unit ini juga dikehendaki menyediakan Laporan Prestasi Kewangan dan Fizikal Projek secara bulanan untuk tujuan pemantauan di peringkat Kerajaan Negeri manakala Laporan Suku Tahunan untuk makluman Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Sementara itu, profil setiap projek yang dilaksanakan mengandungi maklumat seperti peruntukan, jenis rumah yang dibina, butiran kontrak dan bilangan unit dibina turut disediakan oleh Unit Perumahan. Bagaimanapun adalah didapati beberapa aspek berikut kurang diberi perhatian dalam soal pemantauan. Antaranya ialah lawatan ke tapak projek perlu lebih kerap terutamanya semasa pembinaan, membantu mempercepatkan proses kelulusan pelan daripada Jabatan Teknikal dan proses pemilihan peserta harus disegerakan agar rumah yang siap dan telah mendapat Sijil Layak Menduduki dapat diduduki.

### **31.3.2 Jabatan Perumahan Negara**

Jabatan Perumahan Negara sepatutnya bertindak sebagai penasihat teknikal dan Agensi pelaksana kepada Kerajaan Negeri. Jabatan Perumahan Negara bertanggungjawab dalam memantau dari peringkat mengenal pasti tapak yang sesuai sehinggalah projek siap dan diserahkan kepada Kerajaan Negeri. Jabatan Perumahan Negara harus bertindak sebagai Pegawai Penguasa Projek dengan memantau pelaksanaan projek khususnya yang melibatkan aspek teknikal dan spesifikasi kontrak seperti kualiti bahan binaan yang digunakan. Hal ini penting kerana Unit Perumahan Kerajaan Negeri tidak mempunyai kepakaran yang diperlukan. Bagaimanapun adalah didapati mesyuarat tapak tidak diadakan secara bulanan. Ini memberi kesan terhadap penyeliaan dan pemantauan projek berkenaan kerana sebarang masalah yang timbul lewat diambil tindakan. Selain itu, Jabatan Perumahan Negara perlu menjemput Jabatan Teknikal hadir pada setiap kali mesyuarat tapak diadakan bagi membincangkan sebarang masalah teknikal yang dihadapi khususnya Jabatan

Teknikal yang belum dapat mengeluarkan surat sokongan Sijil Layak Menduduki.

**Pihak Audit berpendapat, pada keseluruhannya soal pemantauan projek adalah tidak berkesan. Kegagalan Unit Perumahan dan Jabatan Perumahan Negara memainkan peranan masing-masing dalam pelaksanaan projek secara 'reka dan bina' menyebabkan banyak aspek pemantauan tidak dititikberatkan. Dalam aspek teknikal misalnya, Jawatankuasa Pusat Sehati yang sepatut meneliti keperluan Jabatan Teknikal tidak berfungsi sebagaimana sepatutnya. Tanggungjawab tersebut nampaknya diserahkan sepenuhnya kepada juruperunding yang dilantik oleh kontraktor.**

### **32. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT**

Pada pandangan Audit masalah pelaksanaan projek Perumahan Awam Kos Rendah seperti yang dinyatakan di atas mungkin dapat diminimumkan jika langkah berikut dilaksanakan :

- i) Penentuan tapak perlu dibuat lebih awal iaitu semasa projek dirancangkan dan bukannya semasa projek hendak dilaksanakan. Kesesuaian tapak amat perlu dititikberatkan kerana ia boleh mempengaruhi faktor kos pembinaan dan harga rumah awam kos rendah. Dalam hubungan ini, cadangan penubuhan *Land Bank* bagi tapak wajar dipertimbangkan.
- ii) Pelantikan atau pemilihan kontraktor secara rundingan terus harus juga mengambil kira faktor seperti kedudukan kewangan, kepakaran dan prestasi lepas selain harga yang ditawarkan.
- iii) Jabatan Perumahan Negara dan Unit Perumahan perlu memantau dengan lebih berkesan agar kontraktor mematuhi segala kehendak Jabatan Teknikal berhubung pelan susun atur, pelan bangunan dan pelan kejuruteraan awam kerana ia akan menentukan Sijil Layak Menduduki dapat dikeluarkan dengan cepat terhadap sesuatu projek.

Jabatan Teknikal sepatutnya dijemput atau menjadi ahli tetap dalam Jawatankuasa Pemantauan. Tanggungjawab ini tidak sepatutnya diserahkan bulat-bulat kepada juruperunding yang dilantik oleh kontraktor.

- iv) Kerajaan Negeri perlu memikirkan konsep pelaksanaan projek secara pasang siap memandangkan ia dapat memberikan hasil yang lebih baik seperti rumah yang berkualiti, tempoh penyiapan mengikut jadual dan penyeragaman semua projek perumahan awam Kerajaan Negeri.

## **JABATAN KERJA RAYA NEGERI PAHANG**

### **PENYELENGGARAAN KUARTERS KERAJAAN NEGERI**

#### **33. LATAR BELAKANG**

**33.1** Kwarters Kerajaan Negeri Pahang merupakan rumah kediaman yang dibina di setiap daerah oleh Kerajaan Negeri untuk didiami oleh kakitangan Kerajaan Negeri atau Persekutuan yang layak mengikut syarat dalam Perintah Am Bab E mengenai Rumah dan Bangunan Kerajaan tahun 1974. Aktiviti penyelenggaraan kuarters terletak di bawah tanggungjawab Bahagian Bangunan, Jabatan Kerja Raya Negeri Pahang (JKR Negeri) dan Jurutera Daerah di 11 buah daerah Negeri Pahang.

**33.2** Peruntukan bagi penyelenggaraan kuarters disediakan oleh Kerajaan Negeri yang disalurkan kepada JKR Negeri sebelum diagihkan kepada Jurutera Daerah di 11 daerah terlibat. Mengikut rekod yang disimpan oleh JKR Negeri, Kerajaan Negeri Pahang mempunyai 1,526 kuarters dan 140 bangunan. Peruntukan penyelenggaraan kuarters dan bangunan yang diluluskan bagi tahun 2000 hingga 2002 ialah antara RM1.3 juta hingga RM2 juta satu tahun.

#### **34. OBJEKTIF PENGAUDITAN**

Objektif kajian ini adalah untuk menentukan sama ada penyelenggaraan kuarters Kerajaan Negeri dilaksanakan dengan terancang dan teratur untuk keselesaan dan keselamatan penghuni.

#### **35. SKOP DAN KAEDAH PENGAUDITAN**

Kajian dijalankan di Ibu Pejabat JKR Negeri dan di 4 Pejabat Jurutera Daerah yang dipilih iaitu Pejabat Jurutera Daerah Kuantan, Cameron Highlands, Temerloh dan Bera. Kajian ini menumpukan kepada kerja penyelenggaraan bagi tahun 2000 hingga 2002. Skop kajian adalah bagi kuarters guna sama sahaja tidak termasuk kuarters khas jawatan atau Jabatan dan lain-lain bangunan Kerajaan.

Kaedah pengauditan ialah dengan menyemak fail, dokumen, daftar dan minit mesyuarat. Selain itu, maklumat juga diperolehi daripada pemerhatian secara fizikal, temu bual dengan pegawai yang terlibat dan maklum balas soal selidik yang diterima daripada penghuni.

## 36. PENEMUAN AUDIT

### 36.1 PERANCANGAN

Pihak JKR Negeri telah dipertanggungjawabkan bagi penyelenggaraan semua kuarters guna sama di seluruh Negeri Pahang. Bagi memastikan semua kuarters berkenaan berada dalam keadaan baik dan selamat untuk diduduki, pihak JKR Negeri di bawah Bahagian Rekabentuk Bangunan dan semua Jurutera Daerah perlulah membuat perancangan yang rapi terhadap penyelenggaraan yang perlu dijalankan bagi 1,526 kuarters di seluruh Negeri Pahang. Butiran lanjut mengenai kuarters tersebut seperti di **Jadual 14**.

**Jadual 14**  
**Bilangan Kuarters Guna Sama**  
**Mengikut Kelas Sehingga April 2003**

Kelas	Jumlah (Unit)
B	1
C	23
D	51
E	23
F	108
G	347
H	600
H (Pangsa)	112
I	250
J	11
<b>Jumlah</b>	<b>1,526</b>

*Sumber : Jabatan Kerja Raya Negeri*

**36.1.1** Semakan Audit terhadap perancangan adalah mendapati perkara berikut telah diambil kira dengan sewajarnya :

**i) Pewujudan Unit Penyelenggaraan**

Unit Penyelenggaraan telah diwujudkan di JKR Negeri dan di semua Pejabat Jurutera Daerah di Negeri Pahang. Unit ini diketuai oleh seorang Juruteknik. Bagaimanapun tinjauan Audit mendapati perjawatan unit ini tidak berubah sejak 15 tahun yang lalu.

**ii) Bajet Penyelenggaraan**

Setiap tahun JKR Negeri mengarahkan semua Jurutera Daerah mengemukakan cadangan peruntukan yang diperlukan bagi penyelenggaraan kuarters. Cadangan tersebut dikaji di peringkat JKR Negeri sebelum dikemukakan kepada Kerajaan Negeri. Pada tahun 2001 dan 2002 sejumlah RM7.4 juta telah dipohon.

**iii) Pendaftaran Kuarters**

Adalah menjadi tanggungjawab JKR Negeri memberi nombor kepada setiap Rumah Kerajaan selaras dengan kehendak Perintah Am. Oleh itu, daftar kuarters perlu disediakan di semua daerah bagi maksud mengetahui bilangan kuarters di setiap daerah dan ini akan memudahkan perancangan bagi penyelenggaraan kuarters.

**iv) Kaedah Penyelenggaraan**

Adalah didapati kaedah penyelenggaraan pada masa ini dibuat berdasarkan aduan kerosakan yang dibuat oleh penghuni kuarters melalui kaedah berikut :

- a)** Pemeriksaan kerosakan dibuat dalam tempoh 1 minggu dari tarikh aduan diterima.
- b)** Sekiranya kerosakan kurang RM20,000 pembaikan dijalankan secara rundingan terus dan menggunakan Jadual Kadar Harga.
- c)** Sekiranya kerosakan melebihi RM20,000 pembaikan dibuat melalui sebut harga.

**36.1.2** Bagaimanapun, pengauditan mendapati beberapa perkara berikut tidak diambil kira sewajarnya semasa perancangan program penyelenggaraan berkenaan.

**i) Pemeriksaan Dan Jadual Lawatan**

Mengikut Peraturan 27, Perintah Am Bab E adalah menjadi tanggungjawab JKR Negeri memeriksa semua rumah dan bangunan Kerajaan setahun sekali dan membaikinya sebagaimana diperlukan. Namun program pemeriksaan dan jadual lawatan terhadap kuarters tidak dirancang. Pihak Audit difahamkan bahawa setakat ini tidak ada garis panduan atau kriteria berhubung pemeriksaan dan jadual lawatan kuarters telah disediakan oleh JKR Negeri untuk dipatuhi oleh Jurutera Daerah.

**ii) Penyelenggaraan Secara Berjadual**

Adalah didapati JKR Negeri tidak menyediakan rancangan penyelenggaraan secara berjadual. Penyelenggaraan secara berjadual penting dalam memastikan kuarters sentiasa berada dalam keadaan elok dan dapat memberi keselesaan kepada penghuni di samping menjamin keselamatannya dan turut memanjangkan jangka hayat sesebuah kuarters.

**Pada pandangan Audit, JKR Negeri dan Jurutera Daerah tidak mempunyai perancangan yang terperinci berhubung dengan penyelenggaraan kuarters ini. Aspek seperti pemeriksaan dan penyelenggaraan secara berjadual tidak dirancang. Penyelenggaraan berdasarkan aduan kerosakan oleh penghuni semata-mata adalah tidak mencukupi.**

## **36.2 PELAKSANAAN**

Proses penyelenggaraan kuarters dijalankan di 2 peringkat iaitu Pejabat JKR Negeri yang menguruskan soal bajet tahunan serta agihan ke daerah manakala Pejabat Jurutera Daerah pula melaksanakan kerja penyelenggaraan berdasarkan peruntukan yang diluluskan. Bagi tempoh 3 tahun iaitu dari tahun 2000 hingga 2002, daripada sejumlah RM4.6 juta peruntukan yang diluluskan sejumlah RM4.56 juta telah dibelanjakan bagi tujuan penyelenggaraan kuarters. Hasil semakan Audit terhadap pelaksanaan penyelenggaraan kuarters mendapati perkara berikut :

### **36.2.1 Jenis Dan Kaedah Penyelenggaraan**

#### **i) Proses Penyelenggaraan**

Semakan Audit di 4 Pejabat Jurutera Daerah yang dilawati iaitu Kuantan, Temerloh, Cameron Highlands dan Bera mendapati penyelenggaraan dibuat berdasarkan aduan yang diterima daripada penghuni. Semua aduan akan direkodkan dalam Daftar Aduan Kerosakan dan satu akuan terima aduan diberi kepada pengadu. Lawatan ke kuarters pengadu akan dibuat dalam tempoh 1 minggu bagi menentukan tahap kerosakan dan jika ada peruntukan, pembaikan akan dibuat dan direkodkan dalam Daftar Pengaduan Dan Pembaikan.

#### **ii) Jenis Penyelenggaraan**

Semakan Audit di 3 Pejabat Jurutera Daerah yang dilawati iaitu Cameron Highlands, Temerloh dan Bera mendapati pada tahun 2000 sehingga 2002 sejumlah 106 kerja melalui sebut harga bernilai RM1.18 juta dan 133 kerja melalui rundingan terus bernilai RM701,360 telah dijalankan. Tinjauan Audit juga mendapati antara kerja penyelenggaraan yang telah dijalankan adalah memasang pintu pagar, membaiki paip bocor, membaiki tandas tersumbat, mengecat sebahagian rumah, membaiki dan menukar sebahagian atap, menggantikan jeriji dan memusnah serta mencegah anai-anai. Bagaimanapun

adalah didapati jenis penyelenggaraan secara berjadual seperti pendawaian semula, mengganti atap secara keseluruhan, mengecat keseluruhan rumah, mengganti saluran paip secara keseluruhan dan ubahsuai bahagian tertentu tidak dilaksanakan.

### **iii) Kaedah Penyelenggaraan**

Kerja penyelenggaraan telah dibuat melalui sebut harga atau rundingan terus. Adalah didapati kerja penyelenggaraan telah dilaksanakan mengikut peraturan dan telah disiapkan dengan memuaskan. Ini adalah berdasarkan perkara berikut :

- a) Penyelenggaraan yang dilaksanakan adalah mengikut aduan yang diterima seperti dalam daftar.
- b) Inden kerja dikeluarkan sebelum kerja dimulakan.
- c) Kerja penyelenggaraan dilaksanakan mengikut inden kerja yang ditetapkan.
- d) Laporan siap kerja disediakan oleh Juruteknik dan diperakukan oleh Jurutera Daerah.

**Pada pandangan Audit, kerja penyelenggaraan hanya dibuat secara *ad hoc* tidak secara berjadual.**

### **36.2.2 Mutu Penyelenggaraan**

Maklum balas daripada 32 soal selidik yang diterima kembali daripada penghuni kuarters, kesemuanya berpuas hati dengan mutu penyelenggaraan yang telah dijalankan kecuali kurang berpuas hati mengenai tempoh yang diambil untuk pelaksanaan kerja penyelenggaraan selepas aduan kerosakan. Mengikut maklumat yang diperolehi, tempoh penyiapan kerja penyelenggaraan adalah seperti berikut :

- i) Satu minggu hingga 3 bulan melibatkan 9 responden.
- ii) Melebihi 3 bulan hingga 1 tahun melibatkan 3 responden.
- iii) Melebihi 1 tahun melibatkan 1 responden.
- iv) Belum dibaiki melibatkan 2 responden.

**Pihak Audit berpendapat kerja penyelenggaraan seperti kerosakan tandas, paip air dan atap adalah merupakan kerosakan biasa dan kerja pembaikan sepatutnya boleh dilaksanakan dengan segera.**

### **36.2.3 Tukar Ganti Kuarters**

- i) Mengikut senarai yang dikemukakan, ada 80 buah kuarters yang tidak didiami dan daripada jumlah itu, sebanyak 20 buah telah rosak teruk. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati tiada laporan penilaian telah disediakan bagi membuktikan pemeriksaan telah dibuat terhadap kuarters tersebut. Sewajarnya laporan penilaian dan syornya disediakan oleh JKR Negeri dan dikemukakan ke Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri untuk tindakan selanjutnya.
- ii) Bagaimanapun bagi daerah Kuantan, sebanyak 214 buah Kuarters Transit telah dirobohkan pada tahun 1997 dan diganti dengan 128 unit kuarters bertingkat yang lebih moden di Indera Mahkota pada tahun 2000. Penggantian kuarters yang baru ini telah memberi keselesaan kepada penghuni dengan unit yang lebih luas (3 bilik) dan persekitaran yang bersih dan teratur. Perbandingan antara kuarters lama dengan baru adalah seperti di **Foto 4** dan **Foto 5**.

**Foto 4**  
**Kuarters Lama Yang Usang Tetapi Masih Didiami di Jalan**  
**Seri Kemunting Kuantan**



**Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negara**  
**Tarikh : 11 Mac 2003**

**Foto 5**  
**Kuarters Bertingkat Yang Lebih Moden Di Indera**  
**Mahkota Kuantan**



**Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negara**  
**Tarikh : 11 Mac 2003**

Pada pandangan Audit, JKR Negeri perlu membuat kajian dan pemeriksaan serta penilaian terhadap kuarters lama demi keselamatan dan keselesaan penghuni. Laporan dan syor berkaitan hendaklah dikemukakan ke Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri untuk tindakan selanjutnya sama ada dirobohkan dan diganti dengan yang baru. Dari segi jangka panjang, penggantian kuarters lama dengan yang baru bukan sahaja menguntungkan dari segi kos penyelenggaraan, bahkan lebih banyak unit boleh dibina jika dibuat jenis bertingkat di samping dapat memberi keselesaan kepada penghuni.

#### **36.2.4 Peruntukan Dan Perbelanjaan**

- i) Setiap tahun JKR Negeri menyediakan bajet berdasarkan permohonan daripada Jurutera Daerah. Peruntukan yang telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri disalurkan kepada JKR Negeri di bawah belanja mengurus yang kemudiannya diagihkan oleh JKR Negeri kepada Jurutera Daerah. Jumlah peruntukan yang diluluskan bukanlah khusus untuk penyelenggaraan kuarters sahaja tetapi termasuk juga peruntukan penyelenggaraan bangunan lain. Semakan Audit di 4 Pejabat Jurutera Daerah yang dilawati menunjukkan peruntukan yang diterima oleh Pejabat Jurutera Daerah kebanyakannya jauh lebih rendah daripada yang dipohon berikutan jumlah yang diluluskan kurang daripada yang dipohon. Butiran seperti di **Jadual 15**.

**Jadual 15**  
**Peruntukan Penyelenggaraan Yang Dipohon Dan Diterima**  
**Pada Tahun 2001 Hingga 2002**

Tahun	Perkara	Daerah			
		Temerloh (RM)	Bera (RM)	Cameron Highlands (RM)	Kuantan (RM)
2001	Dipohon	Tiada	300,000	200,000	Tiada
	Diterima	130,000	20,000	113,580	250,000
	Dibelanjakan	129,929	19,752	113,579	209,627
2002	Dipohon	300,000	103,000	376,000	754,000
	Diterima	180,000	170,000	180,000	460,000
	Dibelanjakan	179,883	169,432	179,999	450,750

*Sumber Rekod : JKR Negeri dan Pejabat Jurutera Daerah*

- ii) Selain itu, tidak kesemua peruntukan yang diluluskan terus diagih sepenuhnya kepada Jurutera Daerah. Sebahagian disimpan oleh JKR Negeri sebagai simpanan untuk menampung penyelenggaraan luar jangka bagi kuarters khas dan rumah khas Jabatan. Akibat kekurangan peruntukan ini, beberapa aduan kerosakan kuarters tidak dapat dibaiki. Pengagihan simpanan pada penghujung tahun dengan jumlah yang besar (40%) juga sedikit sebanyak telah menyulitkan pelaksanaan penyelenggaraan kuarters di daerah seperti yang dirancang. Adalah dicadangkan jumlah peruntukan yang disimpan di JKR Negeri dikaji semula dan dikurangkan ke tahap yang minimum.

**Pada pandangan Audit, tanpa peruntukan yang mencukupi, adalah sukar bagi JKR Negeri dan Jurutera Daerah melaksanakan penyelenggaraan kuarters secara terancang.**

### **36.3 PEMANTAUAN**

**36.3.1** Secara keseluruhan mekanisme pemantauan terhadap program penyelenggaraan memang ada diwujudkan di kedua peringkat iaitu Ibu Pejabat dan Pejabat Jurutera Daerah. Adalah didapati pada setiap bulan Laporan Bulanan Penyelenggaraan perlu disediakan oleh Jurutera Daerah dan dikemukakan kepada JKR Negeri. Laporan tersebut mengandungi butiran seperti penyelenggaraan yang dibuat, peruntukan yang dibelanjakan dan baki yang masih ada. Di peringkat Pejabat Jurutera Daerah pula, pemantauan dibuat sejak aduan kerosakan diterima sehingga kerja penyelenggaraan siap dilaksanakan. Laporan Penyelenggaraan disediakan oleh Juruteknik dan dikemukakan kepada Jurutera Daerah setiap bulan.

**36.3.2** Bagaimanapun, pemantauan dari aspek tempoh penyiapan kerja penyelenggaraan patut diperkemaskan supaya jangka masa penyiapan kerja penyelenggaraan dapat dipendekkan terutama bagi penyelenggaraan biasa. Selain itu, pemantauan dari segi kedudukan kuarters yang rosak atau usang patut lebih kemas agar tindakan meroboh dapat diambil dengan segera supaya tidak mencacatkan pandangan dan masalah lain yang berkaitan.

**Pada pandangan Audit, mekanisme pemantauan yang telah diwujudkan bagi penyelenggaraan kuarters di peringkat Ibu Pejabat dan Pejabat Jurutera Daerah adalah memadai. Namun tindakan susulan terhadap kuarters rosak dan usang tidak dibuat.**

### **37. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT**

Program penyelenggaraan Kuarters Kerajaan Negeri yang dipertanggungjawabkan kepada JKR Negeri pada keseluruhannya perlu dipertingkatkan. Program penyelenggaraan secara berterusan adalah penting supaya kuarters sentiasa dalam keadaan elok, selesa dan selamat dihuni. Perancangan yang disediakan patut mengambil kira semua aspek penyelenggaraan yang perlu secara lebih terancang dan berjadual. Pelaksanaan penyelenggaraan dengan hanya berdasarkan aduan penghuni tidak memungkinkan JKR Negeri untuk membuat penilaian secara keseluruhan terhadap sesebuah kuarters terutama dalam aspek teknikal seperti keutuhan struktur, pendawaian dan seumpamanya. Bagi memastikan program penyelenggaraan mencapai tahap yang memberikan keselesaan dan keselamatan kepada penghuni kuarters, perkara berikut perlu dipertimbangkan :

- i) Bajet tahunan yang dipohon hendaklah meliputi butiran bagi penyelenggaraan secara berjadual dan terancang.
- ii) Menyediakan garis panduan terperinci berhubung program penyelenggaraan secara berjadual meliputi jenis penyelenggaraan yang sepatutnya, jadual penyelenggaraan yang tetap dan tahap risiko yang dihadapi.
- iii) Menyediakan satu Pelan Induk Perancangan Penyelenggaraan Kuarters Jangka Panjang secara menyeluruh bukan sahaja mengenai kerja penyelenggaraan yang sepatutnya dilakukan tetapi juga meliputi soal pelupusan dan penggantian kuarters dalam jangka masa tertentu.

## **JABATAN PERTANIAN NEGERI PAHANG**

### **PROGRAM PEMBANGUNAN USAHAWAN TANI**

#### **38. LATAR BELAKANG**

**38.1** Program Pembangunan Sosial Dan Institusi mula diperkenalkan semasa RMK6 bertujuan melahirkan golongan petani yang berdikari, bekerja secara kumpulan dan bersemangat usahawan. Semasa RMK7, program ini diteruskan dengan beberapa pengubahsuaian mengambil kira 3 aspek pembangunan iaitu pembangunan manusia, pembangunan infrastruktur dan pembangunan ekonomi. Selaras dengan pengubahsuaian tersebut, program ini dibahagikan kepada 4 subprogram iaitu Pengurusan Kelompok, Pembangunan Kumpulan Pengembangan Wanita (Pembangunan Wanita), Pembangunan Usahawan Tani dan Pembangunan Petani Pelapis.

**38.2** Matlamat Dasar Pertanian Negara Yang Ketiga (1998-2010) yang dilancarkan pada bulan Disember 1998 adalah untuk memaksimumkan pendapatan melalui penggunaan sumber secara optimum sektor pertanian. Sejalan dengan dasar tersebut, semasa RMK8, Program Pembangunan Usahawan Tani (Program Tani) telah dijadikan teras atau program utama bagi melahirkan usahawan dalam perusahaan pertanian komersial dengan matlamat mencapai tahap pendapatan tertentu bagi setiap petani atau usahawan. Sehubungan itu, program ini telah dibahagikan kepada 2 kategori iaitu Program Pembangunan Usahawan Pengeluaran Hasil Tanaman dan Program Pembangunan Usahawan Pemprosesan Makanan.

**38.3** Golongan sasaran bagi Program Pembangunan Usahawan Pengeluaran Hasil Tanaman tertumpu kepada peserta Projek Kelompok Pertanian, Taman Kekal Pengeluaran Makanan (Pengeluaran Makanan), petani individu dan belia tani. Manakala golongan sasaran bagi Program Pembangunan Usahawan Pemprosesan Makanan terdiri daripada peserta Kumpulan Pembangunan Wanita dan pengusaha individu. Pada akhir tahun 2002, ada 437 kelompok melibatkan 15,281 bilangan peserta dan 7 Projek Pengeluaran Makanan melibatkan 44 peserta sementara 97 Projek Pembangunan Wanita dengan 207 pengusaha pemprosesan makanan.

**38.4** Program ini terletak di bawah tanggungjawab Bahagian Pembangunan Sumber Manusia dan Pegawai Pertanian Daerah di 11 daerah Negeri Pahang. Selain itu, unit yang bertanggungjawab secara langsung ialah Seksyen Pembangunan Petani Dan Usahawan. Sepanjang RMK7 sejumlah RM1.49 juta telah dibelanjakan dan sejumlah RM296,932 telah dibelanjakan bagi tempoh 2 tahun pertama RMK8. Selain itu, sejumlah RM4.6 juta telah dibelanjakan untuk projek Pengeluaran Makanan yang sebahagiannya dibiayai daripada peruntukan Kerajaan Persekutuan.

### **39. OBJEKTIF PENGAUDITAN**

Objektif kajian adalah untuk menentukan sama ada perancangan, pelaksanaan dan pemantauan Program Pembangunan Usahawan Tani dilaksanakan dengan sempurna dan mencapai matlamat yang ditetapkan.

### **40. SKOP DAN KAEDAH PENGAUDITAN**

**40.1** Kajian dijalankan meliputi program RMK7 dan 2 tahun pertama RMK8 melibatkan perancangan, pelaksanaan serta pemantauan terhadap program. Bagi Pembangunan Usahawan Pengeluaran Hasil Tanaman tumpuan diberikan kepada Taman Kekal Pengeluaran Makanan. Manakala bagi Pembangunan Usahawan Pemprosesan Makanan tumpuan adalah kepada Kumpulan Pengembangan Wanita.

**40.2** Semakan dibuat ke atas dokumen dan rekod yang diselenggara oleh Jabatan Pertanian Negeri Pahang (Jabatan) serta 4 Pejabat Pertanian Daerah (Pejabat) iaitu Kuantan, Temerloh, Maran dan Rompin. Semakan terhadap minit mesyuarat, fail projek, laporan dan rekod yang berkaitan serta temu bual dengan pegawai dan peserta projek juga dibuat untuk mendapat maklumat yang lebih jelas. Lawatan juga telah dibuat ke tapak projek terpilih di daerah Kuantan, Temerloh, Maran dan Rompin bagi mendapat gambaran sebenar.

## **41. PENEMUAN AUDIT**

### **41.1 PERANCANGAN**

Pada bulan Disember 1998, Kerajaan telah melancarkan Dasar Pertanian Negara Yang Ketiga dan objektif utamanya adalah untuk memaksimumkan pendapatan para petani. Dasar tersebut menjurus kepada transformasi sektor pertanian secara tradisional kepada pertanian berkomersial yang moden, dinamik dan cekap. Tumpuan diberi kepada peningkatan pengeluaran makanan tempatan seperti buah-buahan dan sayur-sayuran melalui konsep mengikut zon kawasan pengeluaran makanan. Selain itu, peningkatan produktiviti diberi tumpuan dengan mengurangkan industri pertanian yang berorientasikan buruh, menggalakkan automasi dan mekanisasi ladang dan seterusnya meningkatkan pendapatan hasil ladang. Semasa RMK7, Program Tani adalah merupakan program sokongan kepada Program Pembangunan Sosial Dan Institusi dan matlamat pada masa itu adalah untuk melahirkan petani yang progresif melalui perusahaan pertanian secara komersial. Fokus utama adalah kepada perusahaan kecil dan sederhana berasaskan pertanian termasuk aktiviti hiliran seperti perusahaan semaian dan landskap, kejuruteraan ladang dan pengeluaran pertanian.

**41.1.1** Semakan Audit terhadap perancangan yang dibuat oleh Jabatan mendapati perkara berikut telah diambil kira sewajarnya.

#### **i) Matlamat Dan Sasaran Program**

##### **a) Matlamat Program**

Matlamat utama Jabatan semasa RMK8 ialah untuk meningkatkan pengeluaran bahan makanan tempatan demi menjaga keselamatan makanan dan mengawal inflasi. Tumpuan diberikan terhadap pengeluaran bahan mentah tempatan dan hasil pertanian yang diproses. Bagi mencapai matlamat ini, pengeluaran ditingkatkan ke tahap yang berskala besar dan komersial iaitu dengan

membangunkan keusahawanan di kalangan petani dan belia yang terlibat.

**b) Sasaran Program**

Program Tani adalah untuk melahirkan usahawan di bidang pertanian yang berorientasikan komersial, progresif dan mencapai tahap pendapatan bulanan RM3,000 bagi peserta hasil tanaman dan RM1,000 bagi pengusaha pemprosesan makanan. Semasa RMK8, Jabatan mensasarkan untuk mewujudkan seramai 150 pengusaha tanaman dan 50 kumpulan pengusaha pemprosesan makanan yang berpendapatan lebih daripada RM1,000 satu bulan.

**ii) Pelan Tindakan**

Jabatan telah merancang satu pelan tindakan yang menyeluruh mengambil kira aspek penting seperti berikut :

**a) Penyediaan Kawasan/Tapak Projek**

Jabatan akan menyediakan tapak dan kemudahan infrastruktur bagi projek Pengeluaran Makanan.

**b) Sumber Pembiayaan Modal**

Peserta di bawah Program Pembangunan Usahawan Hasil Tanaman boleh memohon pinjaman di bawah Dana Untuk Makanan menerusi Bank Pertanian Malaysia.

**c) Pemilihan Peserta**

Jabatan telah menetapkan kriteria tertentu seperti latar belakang dan pengalaman peserta, petani yang berwibawa, mempunyai modal dan komited, modal minimum RM5,000 dan golongan belia lepasan sekolah atau belia daripada lulusan institusi pertanian untuk pemilihan peserta bagi projek Pengeluaran Makanan. Selain itu, Jabatan juga membantu petani individu dan pengusaha di kalangan Projek Pembangunan Wanita berdasarkan permohonan daripada peserta.

**d) Bantuan Modal Dan Peralatan**

Bagi pengusaha tanaman, Jabatan akan menyediakan jentera dan peralatan pertanian seperti traktor dan pam. Sementara itu bagi pengusaha pemprosesan makanan, Jabatan akan menyediakan kemudahan peralatan, bengkel atau kilang.

**e) Latihan Dan Khidmat Nasihat**

Jenis latihan atau kursus yang dikendalikan adalah seperti latihan dampingan, latihan keusahawanan dan pengurusan, latihan persembahan produk dan kejurualan dan latihan di Pusat Bimbingan Usahawan. Antara latihan yang akan diberikan adalah seperti keusahawanan, latihan praktikal, penyediaan pelan perniagaan, pemprosesan makanan dan amalan GMP (*Good Manufacturing Practices*).

**f) Pemilihan Tanaman**

Jabatan akan mencadangkan kombinasi tanaman sayuran dengan tanaman ladang seperti jagung manis, labu manis dan keledak. Jenis sayuran yang dicadangkan ialah dari jenis yang cepat mengeluarkan hasil seperti sawi, kangkung dan bayam. Tanaman sayuran jenis ini perlu disesuaikan dengan jenis sayuran yang mengeluarkan hasil secara berperingkat seperti timun, peria, kacang panjang dan cili. Tujuan kombinasi adalah untuk mengurangkan risiko ketidakpastian harga dan mengimbang penggunaan tenaga kerja.

**41.1.2** Bagaimanapun, perancangan bagi perkara berikut didapati tidak dibuat secara menyeluruh dan diberi penekanan sewajarnya.

**i) Jenis Tanaman/Komoditi Komersial Selain Tradisional**

Adalah didapati jenis tanaman komersial yang mempunyai nilai pasaran yang tinggi seperti flokoli, sayur manis, kentang, bawang, kacang tanah dan tomato tidak dirancang untuk diusahakan.

## **ii) Strategi Pemasaran**

Pada dasarnya Jabatan telah membuat perancangan yang baik bagi meningkatkan produktiviti hasil tanaman dan hasil pemprosesan makanan, namun faktor utama yang mengukur atau menjadi penentu kejayaan sesuatu projek peserta ialah pemasarannya yang menentukan hasil jualan yang dicapai. Adalah didapati Jabatan mengambil pendekatan bahawa soal pemasaran dilakukan sendiri oleh peserta projek dengan bantuan khidmat nasihat daripada FAMA.

## **iii) Pembangunan Produk Dan Kawalan Mutu**

Adalah didapati perancangan bagi pembangunan produk dan kawalan mutu bagi program pemprosesan makanan tidak dibuat memandangkan pihak Jabatan tidak mempunyai pegawai yang ada kepakaran dalam bidang tersebut. Bagaimanapun, perancangan bagi perkara ini ada diwujudkan di peringkat Kementerian Pertanian.

**Pada pandangan Audit, Jabatan telah mengambil kira aspek penting seperti penentuan matlamat serta sasaran program dan pelan tindakan untuk meningkatkan produktiviti pengeluaran. Namun begitu, perancangan bagi aspek jenis tanaman selain tradisional, strategi pemasaran, pembangunan produk dan kawalan mutu kurang diberi penekanan oleh Jabatan.**

## **41.2 PELAKSANAAN**

Pembangunan Usahawan Pengeluaran Hasil Tanaman bertujuan membangunkan usahawan di kalangan petani yang berpotensi untuk berdaya maju dari kalangan peserta projek kelompok, projek Pengeluaran Makanan dan petani individu sedia ada. Pembangunan Usahawan Pemprosesan Makanan pula bertujuan memajukan pengusaha sedia ada di kalangan Projek Pembangunan Wanita dalam sesuatu bidang pemprosesan

makanan yang diceburi. Hasil semakan Audit terhadap pelaksanaan program ini mendapati perkara berikut :

#### **41.2.1 Pemilihan Kawasan Dan Tapak Projek**

Penyediaan kawasan atau tapak projek dibuat sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri bagi projek Pengeluaran Makanan. Manakala bagi Pembangunan Wanita, tapak bengkel disediakan oleh kumpulan atau peserta Projek Pembangunan Wanita terlibat. Tinjauan Audit mendapati tapak bengkel bagi Pembangunan Wanita terletak atas tanah rizab kampung atau tanah persendirian (bermilik).

##### **i) Taman Kekal Pengeluaran Makanan**

- a) Status tanah tersebut adalah tanah Kerajaan Negeri yang tidak digunakan atau tanah terbiar seperti kawasan padang ragut dan tanah kosong. Bagi projek pengeluaran makanan, Kerajaan telah menyediakan 15 kawasan di seluruh Pahang melibatkan kawasan seluas 722 hektar. Bagaimanapun, sehingga akhir tahun 2002 sejumlah 7 projek Pengeluaran Makanan telah dibangunkan melibatkan 44 peserta dan kawasan seluas 270 hektar. Antara ciri-ciri pemilihan kawasan adalah seperti status tanah iaitu tanah Kerajaan yang diberi kebenaran kepada Jabatan untuk dibangunkan, tanah rizab Jabatan dan tanah JKKK yang dirizabkan untuk aktiviti pertanian. Selain itu, mempunyai sumber air yang mencukupi dan ada jalan perhubungan ke lokasi projek. Butiran lanjut berhubung projek Pengeluaran Makanan yang telah dibangunkan adalah seperti di **Jadual 16**.

**Jadual 16**  
**Projek Pengeluaran Makanan Yang Telah Dibangunkan**  
**Sehingga Tahun 2002**

Bil.	Lokasi	Luas (Hektar)	Bil. Peserta	Jenis Tanaman	Mula Dibangunkan
1.	Pulau Manis, Kuantan	34	6	Kacang Panjang, Bendi, Cili, Peria, Dan Lain-lain	1994
2.	Charok Puting, Bera	44	7	Jagung, Tebu, Labu Manis	1998
3.	Kg. Bunian, Maran	20	5	Kacang Panjang, Timun, Petola, Sawi Dan Lain-lain	1998
4.	Janglau, Rompin	45	8	Jagung, Keledek, Kacang Panjang, Timun, Cili	1998
5.	Salong, Pekan	15	2	Kacang Panjang, Timun Dan Lain-lain	2001
6.	Rengat, Jerantut	80	11	Buah-buahan, Cili	2001
7.	Sungai Atong, Lipis	32	5	Kacang Panjang, Timun, Petola Dan Lain-lain	2001
	<b>Jumlah</b>	<b>270</b>	<b>44</b>		

Sumber : Rekod Jabatan Pertanian Negeri

- b) Tinjauan Audit mendapati Jabatan telah mengambil kira aspek penting semasa pemilihan tapak dan penyediaan kawasan projek iaitu tapak yang dipilih adalah berskala besar iaitu setiap projek Pengeluaran Makanan disediakan lot tanah 2 hektar untuk tanaman sayuran bagi seorang peserta dan keluasan minimum bagi kumpulan projek pengeluaran sayuran ialah 30 hektar. Selain itu, bagi projek pengeluaran buah-buahan, setiap lot adalah seluas 5 hektar dan keluasan minimum bagi projek pengeluaran buah-buahan ialah 50 hektar. Juga, Jabatan telah menyediakan kemudahan dan infrastruktur asas seperti pembersihan kawasan, jalan ladang, kolam air, pusat pengumpulan/penggredan hasil, pengairan dan saliran utama.

- c) Bagaimanapun, lawatan dan tinjauan Audit ke 4 tapak projek Pengeluaran Makanan mendapati ada tapak yang dipilih tidak begitu subur, sering dilanda banjir dan kesukaran mendapatkan air. Butiran lengkap seperti di **Jadual 17**.

**Jadual 17**  
**Projek Pengeluaran Makanan Yang Dilawati**

<b>Bil.</b>	<b>Lokasi TKPM</b>	<b>Tarikh Lawatan Audit</b>	<b>Keluasan (Hektar)</b>	<b>Asal Tapak</b>	<b>Masalah Ditapak</b>
1.	Pulau Manis, Kuantan	06.03.2003	34	Berhampiran Tapak Lombong	Kawasan Rendah. 4 Lot Tidak Diusahakan Kerana Sering Dilanda Banjir
2.	Charok Puting, Temerloh	20.03.2003	44	Rizab Padang Ragut	
3.	Kg. Bunian, Maran	02.04.2003	20	Rizab Padang Ragut	Tanah Kurang Subur Kerana Kurang <i>Nutrient</i> , PH Rendah Dan Kurang Daya Memegang Air
4.	Janglau, Rompin	03.03.2003	45	Tanah Rizab Jabatan Untuk Komoditi	Tanah Rendah Sering Dilanda Banjir

*Sumber : Rekod Jabatan Pertanian Negeri*

**Pada pandangan Audit, Jabatan perlu mengkaji semua kesesuaian 8 lagi tapak projek Pengeluaran Makanan yang belum dibangunkan agar tidak mendatangkan masalah seperti 7 projek Pengeluaran Makanan yang telah dibangunkan.**

**ii) Kumpulan Pengembangan Wanita**

Projek Pembangunan Wanita adalah salah satu projek Jabatan dalam usaha untuk melibatkan wanita tani meningkatkan pendapatan mereka. Oleh yang demikian, Projek Pembangunan Wanita dilaksanakan di setiap daerah bagi meningkatkan produktiviti wanita tani dari aspek pengeluaran hasil industri aktiviti hiliran. Bagaimanapun, tidak ada kriteria tertentu telah ditetapkan oleh Jabatan dalam mengenal pasti pemilihan tapak bengkel bagi Projek Pembangunan Wanita. Tinjauan Audit mendapati kos bagi

tapak bengkel dibiayai dari pelbagai sumber seperti Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Kerajaan Negeri. Pihak Audit difahamkan untuk sesuatu Projek Pembangunan Wanita layak menerima bantuan Kerajaan Negeri bagi bengkel pemprosesan berdasarkan kriteria berikut :

- a) Aktiviti yang dijalankan adalah perlu secara berkumpulan.
- b) Telah ada produk yang telah dikeluarkan.
- c) Cadangan tapak projek telah disediakan sama ada atas rizab kampung atau atas tanah individu.

Projek yang dilaksanakan berasaskan pertanian seperti pengeluaran bahan makanan, aktiviti pemprosesan makanan dan kraftangan. Sehingga akhir tahun 2002, wujud 97 Projek Pembangunan Wanita dengan 65 bengkel di seluruh Negeri Pahang.

**Pada pandangan Audit, Projek Pembangunan Wanita adalah berjaya dan menggalakkan.**

#### **41.2.2 Pemilihan Peserta**

Jabatan ada menetapkan kriteria tertentu untuk pemilihan peserta bagi projek Pengeluaran Makanan. Ini adalah kerana matlamat projek dibuka adalah untuk menempatkan petani yang mampu dan berpotensi untuk dijadikan usahawan dan berupaya memperolehi pendapatan tidak kurang daripada RM3,000 satu bulan. Bagaimanapun, bagi peserta projek Pembangunan Wanita tidak ada kriteria khusus dibuat terhadap pemilihan peserta. Ini adalah sejajar dengan matlamat Jabatan terhadap penglibatan golongan sasaran. Semakan Audit terhadap pemilihan peserta projek Pengeluaran Makanan mendapati perkara berikut :

**i) Kriteria Pemohon Bagi Projek Pengeluaran Makanan**

Jabatan ada menetapkan kriteria bagi pemohon yang layak untuk memohon menyertai projek Pengeluaran Makanan. Antara kriteria utama yang ditetapkan adalah seperti berikut :

- a) Latar belakang dan pengalaman peserta.
- b) Golongan belia lepasan sekolah/pelajar dari lulusan mana-mana institusi latihan pertanian.
- c) Petani yang berwibawa, mempunyai modal dan komited.
- d) Modal minimum RM5,000.
- e) Sokongan Jabatan/Agensi berkaitan.
- f) Mempunyai tenaga buruh.

**ii) Proses Pemilihan**

Satu Jawatankuasa Pemilihan dibentuk dan dipengerusikan oleh Pengarah Pertanian Negeri. Ahli-ahlinya terdiri daripada pegawai Bank Pertanian Malaysia, Pegawai Pertanian di peringkat Ibu Pejabat, Pegawai Pertanian Daerah, pegawai MARDI dan pegawai FAMA. Pemohon yang layak akan dipanggil temu duga. Tinjauan Audit terhadap proses pemilihan sesuatu projek Pengeluaran Makanan mendapati pemilihan peserta adalah melalui proses berikut :

- a) Keperluan peserta projek dibuat secara iklan terbuka.
- b) Hanya pemohon yang layak dipanggil untuk temu duga.
- c) Set arahan pemilihan disediakan bagi tujuan kegunaan Jawatankuasa Pemilihan dan pemarkahan dibuat berdasarkan kriteria yang ditetapkan.
- d) Tawaran kepada peserta yang berjaya dan jawapan daripada peserta.
- e) Keputusan Jawatankuasa Pemilihan adalah muktamad.

Bagaimanapun, rekod berhubung pemilihan peserta bagi 6 projek Pengeluaran Makanan tidak dapat disemak. Sehingga tarikh laporan ini, sejumlah 44 peserta telah dipilih bagi mengusahakan 7 buah projek Pengeluaran Makanan.

**Pada pandangan Audit, tempoh pengiklanan sehingga tarikh temu duga peserta hendaklah sekurang-kurangnya satu bulan. Berdasarkan tinjauan Audit terhadap pemilihan peserta Projek Pengeluaran Makanan Rengat, masa yang diambil antara tarikh iklan pada 17 Januari 2001 hingga tarikh temu duga pada 22 Januari 2001 hanyalah satu minggu sahaja adalah tidak mencukupi kerana tidak memberi banyak ruang kepada Jabatan untuk menganalisis dan mengkaji latar belakang dan pengalaman pemohon sebelum ditemu duga.**

#### **41.2.3 Kaedah Pelaksanaan Dan Pembiayaan Program**

Bagi memudahkan pelaksanaan Program Tani, struktur pelaksanaan telah dibahagikan kepada 2 kategori berasaskan jenis perusahaan dan golongan sasaran iaitu :

##### **i) Pembangunan Usahawan Pengeluaran Hasil Tanaman**

Di bawah program ini, usaha ditumpukan bagi membangunkan usahawan di kalangan peserta projek Pengeluaran Makanan selain petani yang berdaya maju bagi peserta Projek Kelompok Pertanian, petani individu dan Belia Tani. Bagi projek Pengeluaran Makanan, kos pembinaan ladang seperti penyediaan infrastruktur dibiayai oleh Kerajaan Persekutuan manakala Kerajaan Negeri menyediakan tapak projek dan input pertanian. Semakan Audit mendapati sejak pelaksanaan projek Pengeluaran Makanan pada tahun 1994 hingga 2002, sejumlah RM4.6 juta telah dibelanjakan untuk membangunkan 7 Projek Pengeluaran Makanan. Daripada jumlah itu, RM2.61 juta atau 57% dibiayai oleh Kerajaan Persekutuan manakala bakinya RM1.99 juta iaitu 43% adalah daripada peruntukan Kerajaan Negeri. Bagaimanapun tidak kesemua peruntukan

ini dikawal oleh Seksyen Pembangunan Petani dan Usahawan sebaliknya di pelbagai unit yang lain. Butiran lengkap adalah seperti di **Jadual 18**.

**Jadual 18**  
**Kos Pembangunan Projek Pengeluaran Makanan**  
**Sehingga Tahun 2002**

Bil.	Lokasi	Tahun Projek Dimulakan	Kos Pembangunan	
			Persekutuan (RM)	Negeri (RM)
1.	Pulau Manis, Kuantan	1994	202,095	949,886
2.	Janglau, Rompin	1998	515,145	276,346
3.	Kg. Bunian, Maran	1998	91,448	383,660
4.	Charok Puting, Bera	1998	305,296	303,069
5.	Salong, Pekan	2001	34,333	46,408
6.	KPM Rengat, Jerantut	2001	1,181,274	25,640
7.	Sg. Atong, Lipis	2001	278,652	-
<b>Jumlah</b>			<b>2,608,243</b>	<b>1,985,009</b>

*Sumber : Laporan Kemajuan Pelaksanaan TKPM Jabatan Pertanian Negeri*

#### ii) Pembangunan Usahawan Pemprosesan Makanan

Di bawah program ini pula, usaha ditumpukan bagi mengenal pasti pengusaha di kalangan ahli projek Pembangunan Wanita untuk diberi bantuan kemudahan peralatan, bengkel atau kilang dan latihan serta khidmat nasihat. Sehingga tahun 2002, sejumlah 105 peralatan bernilai RM341,320 telah disediakan kepada pengusaha pemprosesan makanan melalui peruntukan daripada Kerajaan Negeri. Selain daripada bantuan peralatan, latihan juga diberikan kepada peserta pemprosesan makanan yang dikenal pasti oleh Pembimbing Usahawan setiap daerah.

Pada pandangan Audit, peruntukan bagi program ini sepatutnya diletakkan di bawah satu program dan tidak mengikut aktiviti Jabatan. Dengan demikian, kos bagi satu-satu projek mudah diperolehi dan dikenal pasti. Apa yang diamalkan sekarang menyukarkan Jabatan untuk mengukur *cost effectiveness* terhadap satu-satu projek yang dijalankan.

#### 41.2.4 Perjanjian Penyertaan

i) Bagi projek Pembangunan Wanita, peserta projek tidak dikehendaki menandatangani sebarang perjanjian dengan Jabatan dan segala bantuan diberi berdasarkan permohonan peserta. Bagaimanapun bagi projek Pengeluaran Makanan, peserta yang terpilih dikehendaki menandatangani satu perjanjian dengan Jabatan. Perjanjian ini penting kerana tanah yang diusahakan oleh peserta merupakan tanah Kerajaan atau rizab Jabatan yang dipajakkan kepada mereka untuk tempoh sehingga 30 tahun. Kesemua perjanjian menggunakan format yang seragam dan syarat yang ditetapkan mencukupi bagi menjaga kepentingan Kerajaan dan Jabatan seperti berikut :

- a) Peserta dikehendaki menggunakan tanah untuk mengusahakan hanya tanaman yang ditentukan dan dipersetujui bersama pihak Jabatan.
- b) Peserta dikehendaki membayar sejumlah bayaran perkhidmatan bagi penggunaan kemudahan yang disediakan oleh Jabatan seperti jentera pembajak.
- c) Jabatan berhak mengeluarkan peserta yang tidak menunjukkan prestasi memuaskan atau melanggar syarat perjanjian dan menggantikannya dengan peserta lain.

- d) Peserta hendaklah memulakan kerja penanaman selewat-lewatnya 3 bulan selepas menerima surat tawaran menyertai projek.
- ii) Semakan Audit terhadap pematuhan syarat perjanjian tersebut oleh peserta adalah didapati memuaskan. Bagaimanapun, butiran perjanjian berkaitan didapati belum lagi disemak oleh Penasihat Undang-Undang Negeri. Selain itu, hanya 3 projek Pengeluaran Makanan melibatkan 24 peserta daripada 7 projek telah mengikat perjanjian kontrak dengan Kerajaan. Projek Pengeluaran Makanan berkenaan adalah projek Rengat, Pulau Manis dan Charok Puting.

**Pada pandangan Audit, antara syarat yang ditetapkan telah mengambil kira aspek penting dalam menjaga kepentingan Kerajaan dan Jabatan. Bagaimanapun peruntukan bagi menjamin komitmen peserta terhadap projek yang mereka sertai seperti mengenakan denda jika mereka meninggalkan projek atau seumpamanya didapati tidak disediakan.**

#### **41.2.5 Prestasi Pelaksanaan Projek**

Prestasi pencapaian Program Tani semasa RMK8 adalah diukur daripada sasaran pendapatan yang diperolehi oleh pengusaha tanaman dan pengusaha pemprosesan makanan. Berdasarkan rekod Jabatan sehingga tahun 2002, ada 7 projek Pengeluaran Makanan dengan 44 peserta dan 207 pengusaha wanita. **Jadual 19** menunjukkan peruntukan Kerajaan Negeri dan perbelanjaan program sejak tahun 1996 hingga 2002.

**Jadual 19**  
**Perbelanjaan Program Pembangunan Usahawan Tani**  
**Bagi Tempoh 1996 Hingga 2002**

Tahun	Peruntukan (RM)	Perbelanjaan (RM)
1996	300,000	299,395
1997	325,000	323,191
1998	300,000	298,902
1999	240,000	239,680
2000	334,000	325,287
<b>RMK7</b>	<b>1,499,000</b>	<b>1,486,455</b>
2001	100,000	96,934
2002	200,000	199,998
<b>RMK8</b>	<b>300,000</b>	<b>296,932</b>
<b>Jumlah</b>	<b>1,799,000</b>	<b>1,783,387</b>

*Sumber : Rekod Jabatan Pertanian Negeri*

i) Pencapaian Program Tani mengikut kategori projek adalah seperti berikut :

**a) Projek Pengeluaran Makanan**

Daripada 44 peserta, seramai 29 daripadanya atau 66% memperoleh pendapatan di bawah RM1,000 satu bulan. Sementara 5 peserta memperoleh pendapatan melebihi RM1,000 hingga RM2,000 satu bulan. Manakala 7 peserta lain memperoleh pendapatan melebihi RM2,000 hingga RM3,000 satu bulan. Baki 3 peserta atau 7% memperoleh pendapatan sebenar melebihi RM3,000 satu bulan yang melibatkan 1 peserta projek Pulau Manis, Kuantan dan 2 peserta projek Kampung Bunian, Maran.

**b) Projek Pembangunan Wanita**

Daripada 207 peserta, seramai 176 atau 85% memperoleh pendapatan di bawah RM1,000 satu bulan sementara 22 peserta atau 11% memperoleh pendapatan antara RM1,000 hingga RM2,000 satu bulan. Baki 9 peserta lagi memperoleh pendapatan melebihi RM3,000 satu bulan

dengan 6 daripadanya adalah dari daerah Cameron Highlands.

ii) Bagi melihat pencapaian sebenar peserta program ini, lawatan Audit telah dibuat ke 13 tapak projek merangkumi 4 projek pengusaha tanaman dan 9 projek pengusaha pemprosesan makanan meliputi 4 daerah iaitu Kuantan, Temerloh, Maran dan Rompin. Hasil lawatan tersebut adalah seperti berikut :

**a) Projek Yang Berjaya**

Daripada 13 projek yang dilawati adalah didapati pada tahun 2002, tiga projek telah berjaya mencapai sasaran pendapatan iaitu 1 projek pengusaha tanaman telah mencapai pendapatan melebihi RM3,000 satu bulan melibatkan 6 peserta. Selain itu, dua projek pengusaha pemprosesan makanan telah mencapai pendapatan melebihi RM1,000 iaitu sejumlah RM1,104 hingga RM7,067 satu bulan melibatkan 3 peserta. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 20**.

**Jadual 20**  
**Projek Yang Berjaya Mencapai Sasaran Pada Tahun 2002**

Bil.	Projek	Bil. Peserta	Pendapatan Tahun 2002 (RM)	Pendapatan Purata Satu bulan (RM)
1.	Projek Pengeluaran Makanan Pulau Manis, Kuantan	6	240,253	3,337
2.	Projek Pembangunan Wanita Kg. Pandan 1 – Anika Sos	1	84,805	7,067
3.	Projek Pembangunan Wanita Kg. Luit – Kuih Baulu	2	26,493	1,104

**Sumber : Rekod Pejabat Pertanian Negeri**

Analisis Audit mendapati faktor berikut adalah penyumbang kepada kejayaan peserta mencapai sasaran pendapatan pada tahun 2002 dalam projek yang diceburi :

- Komitmen yang tinggi di kalangan peserta projek dan mereka terlibat dengan projek sepenuh masa.
- Peserta tidak menghadapi masalah dalam memasarkan keluaran kerana mereka mempunyai kontrak hadapan dengan pemborong yang datang sendiri ke ladang membeli hasil yang dikeluarkan.
- Tidak menghadapi masalah tenaga buruh kerana peserta terdiri dari kalangan ahli keluarga.

**Foto 6** menunjukkan projek yang berjaya.

**Foto 6**  
**Projek Yang Berjaya**  
**Tanaman Kacang Panjang Projek Pengeluaran Makanan Pulau**  
**Manis, Kuantan**



*Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negara*

*Tarikh : 06 Mac 2003*

**b) Projek Yang Kurang Berjaya**

Daripada 13 projek yang dilawati, 5 projek iaitu 3 projek pengusaha tanaman dan 2 projek pemprosesan makanan berjaya menghampiri sasaran. Pendapatan mereka antara RM800 hingga RM2,500 satu bulan bagi projek pengusaha tanaman sementara RM850 hingga RM900 satu bulan bagi projek pemprosesan makanan. Antara masalah yang dikenal pasti adalah seperti berikut :

- Peserta tidak mendapat kemudahan pinjaman bank untuk modal pusingan,
- Kekurangan jentera pertanian,
- Kekurangan tenaga buruh,
- Serangan penyakit pada tanaman; dan
- Pasaran terhad.

Butiran projek berkaitan di **Jadual 21**.

**Jadual 21**  
**Projek Yang Kurang Berjaya Pada Tahun 2002**

<b>Bil.</b>	<b>Projek</b>	<b>Bil. Peserta</b>	<b>Pendapatan Tahun 2002 (RM)</b>	<b>Purata Pendapatan satu bulan (RM)</b>
1.	Kg. Bunian, Maran	5	149,480	2,491
2.	Janglau, Rompin	8	214,344	2,233
3.	Charok Puting, Bera	7	72,167	859
4.	Kg. Guai, Bera	1	10,999	917
5.	Kg. Paya Pulai	1	10,200	850

*Sumber : Rekod Pejabat Pertanian Daerah*

**c) Projek Gagal**

Mengikut Jabatan, sesuatu projek itu dikira gagal atau tidak berdaya maju jika pendapatan pesertanya terlalu rendah berbanding sasaran yang ditetapkan. Daripada 13 projek yang dilawati, 5 projek mencapai pendapatan di bawah sasaran yang ditetapkan, kesemuanya melibatkan projek pemprosesan makanan. Pendapatan yang diperolehi adalah di antara RM150 hingga RM300 satu bulan dengan melibatkan 7 peserta. Sementara 2 projek Pembangunan Wanita dengan 10 peserta didapati gagal sepenuhnya kerana projek tidak dimulakan. Antara faktor yang menyebabkan pencapaian yang rendah bagi projek Pembangunan Wanita terlibat adalah seperti berikut :

- Sebahagian peserta kurang berpengalaman.
- Peserta terdiri daripada warga tua dan pengeluaran produk tidak dibuat secara berterusan.
- Masalah pasaran produk terhad.
- Tidak ada kerjasama antara peserta.
- Kurang penyertaan peserta setempat.

Butiran lengkap adalah seperti di **Jadual 22**.

**Jadual 22**  
**Projek Gagal Pada Tahun 2002**

<b>Bil.</b>	<b>Projek</b>	<b>Bil. Peserta</b>	<b>Pendapatan Tahun 2002 (RM)</b>	<b>Purata Pendapatan Satu bulan (RM)</b>
1.	Kg. Tekal, Temerloh - Cili Sos	3	10,984	305
2.	Kg. Tanjung Pahang, Rompin-Rempeyek	3	10,670	296
3.	Kg. Bangkong, Rompin - Cendawan	1	1,800	150
4.	Kg. Desa Murni, Temerloh - Mi	5	0	0
5.	KPW Batu Papan, Bera – Baulu	5	0	0

*Sumber : Rekod Pejabat Pertanian Daerah*

**Pada pandangan Audit, hanya sebahagian kecil projek Pembangunan Wanita yang gagal iaitu akibat kurang bimbingan dan pemantauan.**

#### **41.2.6 Pemasaran Hasil Tanaman Dan Produk**

- i) Bagi urusan pemasaran adalah didapati pihak Jabatan hanya memberi tumpuan terhadap pengendalian kursus dan latihan berkaitan kepada petani. Kandungan kursus tersebut meliputi aspek seperti keusahawanan, perakaunan dan simpan kira dan pemprosesan makanan. Dari segi pemasaran produk, peserta digalakkan membuat pelan pemasaran sendiri dengan pihak FAMA.

- ii) Perbincangan dengan peserta semasa lawatan Audit ke 13 projek berkenaan di 4 buah daerah terlibat mendapati pemasaran dilakukan sendiri oleh peserta kepada pemborong, jualan terus di Pasar Tani, beberapa kedai makan dan kedai di sekitar ladang/bengkel. Selain itu, Pejabat Pertanian ada membantu memasarkan hasil/produk petani secara kecil-kecilan di Kompleks Kerajaan dan kuarters, setengahnya sehingga ke Pasar Borong Selayang, Wisma Tani dan Kompleks Kerajaan Jalan Duta, Kuala Lumpur.
- iii) Tinjauan Audit mendapati usaha yang dibuat tidak dapat mengatasi sebahagian besar masalah pemasaran yang dihadapi oleh peserta projek pengeluaran makanan dan pengusaha wanita. Antara masalah tersebut adalah :
- a) Harga pasaran yang sentiasa turun naik.
  - b) Apabila berlaku lambakan hasil pengeluaran tanaman, harga sayuran akan jatuh dan ini merugikan petani berbanding dengan kos pengeluaran yang telah dikeluarkan.
  - c) Bagi pasaran produk projek Pembangunan Wanita, edaran yang terhad iaitu jualan di kedai makan, kedai runcit sekitar kampung atau daerah tidak memungkinkan pengeluaran secara besar-besaran.
  - d) Selain itu, projek Pembangunan Wanita mengeluarkan produk yang sama dalam satu daerah menyebabkan berlaku persaingan antara mereka sedangkan pasaran mereka adalah terhad di sekitar kampung/daerah berkenaan sahaja.

**Pada pandangan Audit, Jabatan perlu berperanan lebih besar dalam soal pemasaran ini dengan mewujudkan rangkaian hubungan (*networking*) dengan *hypermarket*, *supermarket*, pemborong utama, restoran dan pembekal makanan bagi pasaran hasil tanaman. Selain itu bagi produk Pembangunan Wanita, Jabatan perlu mengatur strategi dengan mewujudkan kerjasama antara daerah dan seterusnya antara negeri dalam memasarkan produk projek Pembangunan Wanita.**

#### **41.2.7 Pembangunan Produk**

Salah satu objektif Dasar Pertanian Negara Yang Ketiga ialah untuk meningkatkan produktiviti dan daya saing sektor pertanian iaitu meningkatkan industri nilai tambah dalam sektor pertanian. Industri hiliran ini adalah berbentuk industri pemprosesan dan pembuatan hasil pertanian dan pembuatan berasaskan pertanian. Tinjauan Audit mendapati Negeri Pahang telah dizonkan sebagai pengeluar buah nangka dan rambutan. Namun sehingga kini industri hiliran berasaskan nangka dan rambutan didapati belum lagi diwujudkan. Sebaliknya, daripada lawatan Audit ke beberapa projek Pembangunan Wanita, banyak produk yang dikeluarkan seperti rempeyek, kerepek ubi atau pisang dan hasilan soya merupakan produk yang tidak berasaskan aktiviti tanaman yang dikhaskan bagi Negeri Pahang.

**Pada pandangan Audit, perubahan pasaran jenis produk daripada industri hiliran berasas nangka dan rambutan kepada rempeyek, kerepek dan soya adalah satu langkah yang bijak dan berkesan.**

#### **41.2.8 Latihan Dan Kursus Bimbingan**

Sehingga tahun 2002, Jabatan telah mengendalikan 2,030 kursus kepada 49,304 peserta pengeluaran hasil tanaman dan pemprosesan makanan. Kursus yang diberikan kepada peserta kebanyakannya mengenai keusahawanan, perakaunan dan

simpan kira, pemprosesan makanan, penggunaan racun makhluk perosak dan pengendalian jentera dan peralatan kecil.

#### **41.2.9 Pencapaian Program**

- i) Pada keseluruhannya, Program Tani sejak diperkenalkan semasa RMK7 sehingga masuk tahun kedua RMK8 telah menampakkan kejayaan awal dengan melahirkan 33 usahawan yang mencapai tahap pendapatan bulanan melebihi RM3,000 satu bulan. Begitu juga dengan matlamat Jabatan untuk mewujudkan seramai 150 pengusaha tanaman dan 50 kumpulan pengusaha pemprosesan makanan yang berpendapatan lebih daripada RM1,000 satu bulan juga telah menampakkan kejayaan dengan 43 peserta telah berjaya mencapai tahap pendapatan tersebut. Pencapaian ini berada pada tahap 22% daripada yang disasarkan iaitu 200 usahawan bagi tempoh RMK8 (5 tahun) boleh dianggap berjaya kerana tempoh pelaksanaannya baru 2 tahun. Pencapaian yang agak menggalakkan ini disumbangkan oleh 31 peserta projek Pembangunan Wanita dan 12 peserta projek Pengeluaran Makanan.
  
- ii) Bagaimanapun jika diukur dari segi bilangan projek dan peserta yang terlibat secara keseluruhan, peratusan kejayaan sebenar adalah masih rendah. Bagi projek Pengeluaran Makanan, purata pendapatan yang masih di bawah RM1,000 satu bulan melibatkan 29 daripada 44 peserta atau 66%. Bagi projek Pembangunan Wanita pencapaiannya ialah 15% dengan 31 berjaya daripada 207 pengusaha semuanya.
  
- iii) Sungguhpun begitu, memandangkan pelaksanaan program ini bagi RMK8 masih ada 3 tahun lagi (2003 - 2005), sasaran tersebut boleh dicapai sekiranya Jabatan mengambil langkah berkesan mengatasi masalah yang dikenal pasti dalam peringkat pelaksanaan dan menggalakkan pembangunan

produk baru projek Pembangunan Wanita berasaskan jenis tanaman yang dizonkan bagi Negeri Pahang. Selain itu, *outlet* baru bagi *contract farming* seperti *hypermarket*, pembekal makanan dan hotel dijalinkan untuk meningkatkan rangkaian hubungan pemasaran dengan pengusaha hasil tanaman dan keluaran KPW.

- iv) Adalah didapati faktor utama yang menghalang kepada pencapaian yang lebih baik ialah pelbagai masalah yang dihadapi dalam proses pelaksanaannya. Antaranya melibatkan kesesuaian tapak, kekurangan tenaga buruh, komitmen peserta, mutu keluaran projek Pembangunan Wanita, masalah pasaran dan kestabilan harga.
- v) Pada keseluruhannya, adalah didapati Jabatan masih menumpukan jenis sayuran tradisional seperti kacang panjang, timun, bendi dan petola dalam projek yang dilaksanakan. Jenis tanaman yang berdaya maju dan mempunyai nilai komersial seperti kacang buncis, flokoli dan terung belum diusahakan lagi setakat ini.
- vi) Penglibatan 207 pengusaha dari kalangan wanita setakat ini jika dibandingkan dengan sejumlah 54,181 keluarga tani di seluruh Negeri Pahang pada masa ini adalah suatu angka yang agak kecil.

**Pada pendapat Audit, pelaksanaan program ini boleh mencapai sasaran yang dikehendaki sekiranya Jabatan mengambil langkah bersepadu mengatasi masalah pada peringkat pelaksanaan. Selain daripada masalah yang berkait dengan pengeluaran hasil seperti kesesuaian tapak, komitmen peserta dan tenaga buruh, masalah lain yang utama ialah soal pemasaran hasil tanaman dan mutu keluaran produk. Kedua masalah ini perlu ditangani sewajarnya oleh Jabatan kerana ia merupakan faktor yang akan menjamin sama ada Program Tani ini akan berterusan atau sebaliknya.**

### **41.3 PEMANTAUAN**

Pemantauan terhadap Program ini dilakukan mengikut kategori projek iaitu pengeluaran hasil tanaman dan pengeluaran pemprosesan makanan. Adalah didapati pemantauan projek bukan sahaja dibuat di peringkat Jabatan dan daerah malah di peringkat Kementerian Pertanian.

#### **41.3.1 Peringkat Kementerian**

Adalah didapati Kementerian Pertanian terlibat secara langsung dalam memantau pelaksanaan program. Mesyuarat dengan Pengarah Pertanian Negeri diadakan sekurang-kurangnya 4 kali setahun. Mesyuarat peringkat tertinggi ini memberi perhatian khusus terhadap aspek hasil pengeluaran, jadual penanaman, masalah tanaman dan sistem pemasaran yang dilaksanakan. Selain itu, lawatan Naziran ke tapak projek dibuat dan laporan khas dikemukakan kepada Ketua Setiausaha Kementerian dan Ketua Pengarah Pertanian. Berdasarkan laporan Naziran pada bulan Disember 2001 dan bulan April 2002 yang disemak, adalah didapati beberapa syor dan pandangan telah diberi terhadap pelaksanaan Program ini, antaranya :

- i) Projek akan lebih berdaya maju sekiranya perancangan lebih teliti terhadap aspek penyelenggaraan projek, giliran tanaman dan pemasaran.
- ii) Selain Jabatan, penglibatan Agensi lain yang berkaitan seperti FAMA dan Kementerian Perdagangan dan Hal Ehwal Pengguna amat penting dalam menentukan kestabilan harga hasil tanaman dan produk daripada peserta.
- iii) Nasib para petani akan terbela bukan sahaja apabila keluaran pertanian dapat ditingkat berkali ganda malah yang lebih penting ialah kestabilan harga sepanjang masa hasil tanaman dan produk lain yang dikeluarkan oleh mereka.

#### 41.3.2 Peringkat Jabatan Dan Pejabat Pertanian Daerah

- i) Kaedah pemantauan di kedua peringkat ini tertumpu kepada jadual lawatan tetap dan laporan yang perlu disediakan. Di peringkat Jabatan, lawatan ditetapkan sekurang-kurangnya 2 kali satu tahun sementara peringkat daerah setiap 2 bulan sekali. Laporan yang disediakan adalah meliputi jenis tanaman, hasil pengeluaran, saluran pemasaran dan masalah tanaman. Selain itu di peringkat projek seorang Pembantu Pertanian Kawasan ditugaskan sebagai penyelaras, memberi khidmat nasihat dan mengenal pasti input pertanian yang diperlukan oleh peserta projek.
- ii) Di peringkat pengurusan pula, Mesyuarat Suku Tahun diadakan bagi membincangkan laporan kemajuan yang dikemukakan oleh Pegawai Pertanian Daerah. Antara perkara yang dibincang dalam mesyuarat tersebut meliputi pelaksanaan projek mengikut Pelan Perniagaan yang disediakan, sistem pemasaran yang dilaksanakan, penanaman mengikut komoditi yang disyorkan, pencapaian hasil dan sistem pembajaan.
- iii) Mesyuarat Jawatankuasa Projek Peringkat Negeri yang dipengerusikan oleh Pengarah Pertanian Negeri dan setiausaha juga daripada Jabatan Pertanian Negeri serta ahli-ahli lain daripada BPM, FAMA dan MARDI diadakan 3 bulan sekali dan antara yang dibincangkan adalah prestasi projek, pinjaman modal, masalah projek dan pemasaran.

**Pada keseluruhannya, pemantauan terhadap projek adalah memuaskan. Semua peringkat melibatkan Kementerian, Jabatan dan Pejabat Pertanian Daerah didapati terlibat dengan pemantauan. Bagaimanapun, masalah yang berbangkit di peringkat pemantauan tidak diambil tindakan penyelesaian yang berkesan.**

## 42. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Walaupun program Usahawan Tani pada masa ini menghadapi pelbagai masalah di peringkat pelaksanaan, namun jika dilihat dari segi jangka panjang program ini masih mempunyai potensi untuk lebih berjaya. Ini berdasarkan bahawa aspek perancangan dan pemantauan projek yang baik dan menyeluruh. Beberapa syor berikut patutlah diberi perhatian oleh Jabatan dalam meneruskan program ini.

- i) Jabatan perlulah menyediakan peruntukan yang sesuai dengan matlamat program yang ditetapkan di samping mengambil kira *cost effectiveness* bagi sesuatu projek dengan menyediakan satu peruntukan bagi satu program. Ini termasuk soal kepakaran yang diperlukan dalam bidang baru yang berkaitan dengan program.
- ii) Jabatan perlu mengkaji kesesuaian tapak dari segi kesuburan tanah, punca air dan kedudukan tapak sebelum projek dimulakan khususnya bagi projek Pengeluaran Makanan.
- iii) Jabatan perlu terlibat secara langsung dalam soal pemasaran kerana ia merupakan faktor asas yang penting bagi kestabilan harga dan penentuan pendapatan petani. Menyerahkan soal yang begitu penting ini kepada petani sendiri boleh menggagalkan pencapaian matlamat Jabatan menentukan petani mencapai tahap pendapatan yang disasarkan.
- iv) Selain tanaman sedia ada, Jabatan perlu juga menggalakkan peserta menanam sayuran terpilih yang mempunyai nilai yang tinggi mengikut kesesuaian tanah dan iklim. Tanaman jenis ini akan menjamin pulangan yang tinggi kepada petani dan mengekalkan mereka dalam sektor pertanian yang diceburi.
- v) Begitu juga bagi pengusaha wanita, selain produk sedia ada Jabatan perlu menggalakkan percubaan produk baru berasaskan hasil tani yang dikhususkan bagi Negeri Pahang. Projek Pembangunan Wanita seharusnya boleh menjadi pelopor dalam industri hiliran bersaiz kecil dan sederhana berasaskan pertanian.

## BAHAGIAN IV

### BADAN BERKANUN NEGERI, MAJLIS AGAMA ISLAM DAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN

#### 43. PENDAHULUAN

Selain daripada Akaun Kerajaan Negeri, Jabatan Audit Negara juga bertanggungjawab mengaudit 9 Badan Berkanun Negeri, sebelas Pihak Berkuasa Tempatan dan satu Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang. Pengauditan yang dijalankan meliputi pengesahan Penyata Kewangan dan pengurusan kewangan. Selain itu, kajian juga dijalankan terhadap aktiviti Majlis Daerah Maran.

#### 44. KEDUDUKAN PENYERAHAN PENYATA KEWANGAN AGENSI KERAJAAN NEGERI

**44.1** Penyerahan Penyata Kewangan pada masa ini oleh Agensi Kerajaan Negeri untuk pengauditan terus bertambah baik. Sehingga kini 4 Agensi Kerajaan dan 8 Pihak Berkuasa Tempatan telah berupaya menyerahkan Penyata Kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2001. Kedudukan penyerahan dan pengauditan Penyata Kewangan Agensi Kerajaan Negeri sehingga 30 Jun 2003 adalah seperti di **Lampiran III**.

**44.2** Bagi tahun 2002 hingga Jun 2003, sejumlah 32 akaun Badan Berkanun Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang telah dikeluarkan Sijil Audit. Daripada jumlah itu, 6 akaun Badan Berkanun, empat akaun Majlis Ugama dan 13 akaun Pihak Berkuasa Tempatan telah dikeluarkan Sijil Bersih. Manakala 4 akaun Badan Berkanun dan 5 akaun Pihak Berkuasa Tempatan telah dikeluarkan Sijil Berteguran.

## **LEMBAGA KEMAJUAN PERUSAHAAN PERTANIAN NEGERI PAHANG**

### **PENGURUSAN KEWANGAN**

#### **45. LATAR BELAKANG**

Lembaga Kemajuan Perusahaan Pertanian Negeri Pahang (Lembaga) ditubuhkan di bawah Enakmen Negeri Pahang No. 7 Tahun 1971 (Pindaan 2002) dengan tujuan memajukan pembangunan perusahaan pertanian dalam kawasan Negeri Pahang. Antara aktiviti yang diceburi adalah perladangan kelapa sawit dan getah, pengurusan pembangunan hartanah, pembalakan, penternakan dan pelaburan. Pada tahun 2002, jumlah hasil Lembaga adalah RM36.19 juta manakala perbelanjaan pula adalah RM35.27 juta. Lembaga menerima pinjaman Al-Bai Bithaman Ajil sejumlah RM20 juta yang merupakan 55.3% daripada jumlah keseluruhan terimaan, diikuti dengan terimaan jualan saham sejumlah RM6.95 juta atau 19.2%. Sementara komponen terbesar daripada perbelanjaan Lembaga adalah bayaran balik pinjaman berserta faedah sejumlah RM15.95 juta atau 45.2%. Selain itu jumlah perbelanjaan pembangunan ladang yang merupakan aktiviti utama Lembaga pula adalah RM8.50 juta.

Pada tahun 2002, Lembaga telah memenangi Hadiah Kualiti iaitu Anugerah Khas Industri Penternakan Peringkat Jabatan Perkhidmatan Haiwan Kementerian Pertanian Malaysia.

#### **46. OBJEKTIF DAN SKOP PENGAUDITAN**

Tujuan pengauditan ini adalah untuk menentukan sama ada pengurusan dan kawalan pungutan hasil, perbelanjaan, pelaburan, pinjaman dan aset dilaksanakan mengikut peraturan kewangan yang ditetapkan. Pengauditan adalah ditumpukan kepada rekod mengenai urus niaga bagi tempoh Januari hingga Julai 2002 seperti buku tunai, penyata penyesuaian bank, lejar dan daftar. Temu bual dengan pegawai yang terlibat dan semakan rekod tahun sebelumnya atau selepasnya juga dibuat.

## **47. PENEMUAN AUDIT**

### **47.1 KAWALAN PENGURUSAN**

Kawalan pengurusan adalah meliputi aspek mengenai struktur organisasi, penubuhan Jawatankuasa, pematuhan kepada pekeliling berkaitan pentadbiran dan pengurusan yang dikeluarkan dari semasa ke semasa bagi meningkatkan kecekapan, keberkesanan dan kualiti hasil kerja.

#### **47.1.1 Struktur Organisasi**

Pentadbiran Lembaga diketuai oleh seorang Pengurus Besar dan dibantu oleh 12 orang pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional serta 107 orang kakitangan Kumpulan Sokongan. Sejumlah 6 Bahagian utama telah diwujudkan untuk melaksanakan fungsi Lembaga iaitu Bahagian Pentadbiran, Kewangan, Pelaburan, Pembangunan Projek, Perancangan Dan Pengesanan serta Unit Audit Dalam.

#### **47.1.2 Manual Prosedur Kerja**

Manual ini merupakan dokumen yang menjadi asas rujukan seseorang pegawai dalam menjalankan tugas. Penyediaan manual ini telah ditetapkan dalam Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 8 Tahun 1991. Adalah didapati Lembaga ada menyediakan manual ini yang mengandungi prosedur kerja yang menjadi asas rujukan.

#### **47.1.3 Fail Meja**

Fail Meja adalah dokumen rujukan bagi seseorang pegawai dalam menjalankan tugas. Fail Meja disediakan secara individu dan dimiliki oleh setiap pegawai. Adalah didapati Fail Meja yang disediakan adalah selaras dengan kehendak Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 8 Tahun 1991.

#### **47.1.4 Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun**

Setiap Jabatan hendaklah menubuhkan Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun sebagaimana yang dikehendaki Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1996. Tujuan menubuhkan Jawatankuasa ini untuk meningkatkan pengurusan kewangan dan akaun Agensi Kerajaan. Sehingga kini didapati Jawatankuasa tersebut belum diwujudkan oleh Lembaga, sebaliknya soal kewangan dan akaun turut dibincangkan dalam mesyuarat pengurusan yang dipengerusikan oleh Pengurus Besar dan dianggotai oleh semua Ketua Bahagian. Mesyuarat tersebut diadakan sebulan sekali.

#### **47.1.5 Kursus Dan Latihan**

Latihan kepada pegawai dan kakitangan dari semasa ke semasa amat diperlukan bagi meningkat tahap pengetahuan mereka dan seterusnya memberi sumbangan yang terbaik. Adalah didapati pada tahun 2002, sebanyak 13 kursus dan seminar meliputi pelbagai aspek mengenai pengurusan perakaunan, komputer, pengurusan kewangan dan lain-lain telah dihadiri oleh semua peringkat pegawai di Bahagian Kewangan.

#### **47.1.6 Unit Audit Dalam**

Selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1979, Unit Audit Dalam telah ditubuhkan pada bulan Ogos 1999 untuk membantu pihak pengurusan dalam menentukan kesempurnaan operasi kewangan dan perakaunan yang dijalankan. Unit ini dianggotai oleh 9 orang kakitangan dan diketuai oleh Ketua Unit Audit Dalam yang bertanggungjawab terus kepada Pengurus Besar. Unit ini ditubuhkan melalui Mesyuarat Pengurusan Lembaga Bil. 15/99 bertarikh 14 Julai 1999. Selain itu, penubuhan Unit Audit Dalam juga telah mendapat kelulusan Lembaga Pengarah. Unit ini telah menjalankan pengauditan di peringkat Lembaga dan juga pengurusan ladang. Antara pengauditan yang dijalankan setakat ini meliputi:

- i) Pengurusan pendahuluan kakitangan awam dan pinjaman serta pendahuluan kepada syarikat subsidiari.
- ii) Prestasi Ladang Temin Awam.
- iii) Prestasi Ladang Kemayan.
- iv) Pengesahan Inventori dan Harta Tetap.
- v) Pengurusan Baja di Ladang.
- vi) Pengurusan Kenderaan Lembaga.

#### **47.1.7 Jawatankuasa Audit**

Jawatankuasa Audit bagi Agensi Kerajaan perlu ditubuhkan sebagaimana yang dikehendaki oleh Surat Pekeliling Am Bil. 2 Tahun 1998. Tujuan penubuhan Jawatankuasa tersebut untuk meningkatkan kawalan ke atas Agensi supaya kepentingan Kerajaan dapat dipelihara sepenuhnya. Ianya juga bertujuan untuk menentukan sumber kewangan Agensi berkaitan diurus dengan cekap dan efektif untuk memenuhi objektif korporat dan sosialnya. Adalah didapati Jawatankuasa tersebut telah ditubuh pada bulan November 2002 melalui Mesyuarat Lembaga Pengarah yang ke 228. Jawatankuasa ini telah mengadakan Mesyuarat Pertamanya pada bulan Januari 2003.

**Pada pendapat Audit, kawalan pengurusan Lembaga adalah memuaskan. Ini berasaskan kepada struktur organisasi yang tersusun serta Manual Prosedur Kerja dan Fail Meja disediakan dengan lengkap dan kemas kini. Selain itu, Unit Audit Dalam turut aktif dalam membantu dan memantau pihak pengurusan Lembaga. Seterusnya, kursus dan latihan turut diberikan kepada semua peringkat pegawai di Bahagian Kewangan.**

## **47.2 KAWALAN HASIL**

Pada tahun 2002, hasil Lembaga adalah berjumlah RM16.19 juta. Jumlah tersebut sebahagian besarnya adalah terdiri daripada hasil ladang, pampasan insurans kebakaran, jualan saham dan rumah serta hasil pembalakan sejumlah RM11.05 juta. Hasil lain ialah bayaran balik peserta dan pulang balik lebih cukai sejumlah RM3.16 juta serta pemberian Kerajaan dan pelbagai hasil sejumlah RM1.98 juta. Sistem pungutan hasil Lembaga adalah menggunakan kaedah manual. Semakan Audit terhadap kawalan hasil mendapati perkara berikut :

### **47.2.1 Kawalan Borang Hasil**

Buku resit adalah antara dokumen penting yang perlu dikawal dengan sempurna. Peraturan mengenai kawalan buku resit dinyatakan dalam Peraturan Kewangan dan Perakaunan Lembaga. Semakan Audit mendapati kawalan terhadap buku resit adalah memuaskan iaitu buku resit yang diterima telah direkodkan dengan sempurna. Resit tersebut telah digunakan mengikut susunan siri yang betul dan pegawai yang mengeluarkan buku resit telah menandatangani kad stok resit pada setiap kali pengeluaran. Semasa pemeriksaan pada bulan September 2002, baki buku resit dalam daftar adalah bersamaan dengan stok fizikal iaitu sejumlah 66 buku.

### **47.2.2 Daftar Mel**

Peraturan Kewangan dan Perakaunan Lembaga menghendaki Daftar Mel diselenggarakan bagi maksud merekodkan terimaan wang dan dokumen atau barang berharga melalui pos atau penghantar. Adalah didapati Daftar Mel telah diselenggarakan dengan memuaskan serta disemak pada setiap hari.

#### **47.2.3 Keselamatan Wang Pungutan**

Peraturan Kewangan dan Perakaunan Lembaga menghendaki terimaan melalui cek atau tunai hendaklah dibankkan pada hari yang sama dengan hari terimaan kecuali yang diterima selepas waktu urusan bank ditutup. Semakan terhadap terimaan bagi bulan Mei 2002 melibatkan 135 resit sejumlah RM7.34 juta mendapati tidak ada kelewatan yang ketara memasukkan wang ke bank. Selain itu, penyemakan oleh pegawai yang bertanggungjawab ke atas slip masuk bank bagi tempoh tersebut dilaksanakan dengan wajar.

#### **47.2.4 Pemeriksaan Mengejut**

Ketua Jabatan atau wakilnya hendaklah menjalankan pemeriksaan mengejut terhadap peti besi, peti wang tunai, laci atau bekas lain untuk wang dalam jagaan seseorang pegawai. Mengikut Peraturan Kewangan dan Perakaunan Lembaga, pemeriksaan berkaitan hendaklah dilakukan sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh 6 bulan dan pemeriksaan tersebut hendaklah direkod dalam daftar. Bagaimanapun, adalah didapati pemeriksaan tersebut tidak dijalankan oleh Ketua Jabatan atau wakil.

**Pada keseluruhannya, kawalan hasil Lembaga adalah memuaskan. Ini berdasarkan kepada wujudnya kawalan terhadap borang hasil, daftar mel dan kemasukan wang ke bank yang dilaksanakan mengikut peraturan.**

### **47.3 KAWALAN PERBELANJAAN**

**Perbelanjaan Lembaga pada tahun 2002 yang berjumlah RM35.27 juta adalah terdiri daripada perbelanjaan operasi, perbelanjaan modal dan luar jangka, bayaran balik pinjaman dan lain-lain. Sejumlah RM8.50 juta daripadanya atau 24.1% dibelanjakan bagi kos pembangunan ladang yang merupakan aktiviti utama Lembaga. Selain itu, sejumlah**

**RM15.95 juta dibelanjakan untuk membayar balik pinjaman dan faedah overdraf.**

#### **47.3.1 Kuasa Meluluskan Pembayaran**

Pemeriksaan Audit mendapati perbelanjaan mengurus telah diurus dengan baik meliputi perkara berikut :

- i) Penurunan kuasa kepada pegawai dilakukan secara bertulis dan pengeluaran cek dikawal dan diselenggara dengan baik.
- ii) Baucar pembayaran disokong dengan bukti pembayaran yang mencukupi.
- iii) Buku tunai dan lejar am direkod dengan kemas kini.

Bagaimanapun beberapa aspek kawalan perbelanjaan perlu diperkemaskan meliputi perkara berikut :

##### **a) Bajet Tahunan**

Menurut Seksyen 15(2) Enakmen Lembaga, bajet tahunan bagi tahun berikutnya hendaklah dikemukakan kepada Menteri Besar sebelum bulan Julai setiap tahun untuk mendapatkan kelulusan sebelum bulan September. Semakan Audit mendapati bajet tahun 2002 hanya dibentangkan dan diluluskan oleh mesyuarat Lembaga Pengarah pada bulan Julai 2002. Ini menunjukkan bajet Lembaga pada tahun 2002 telah lewat 10 bulan untuk diluluskan.

##### **b) Kemudahan Overdraf**

Semakan Audit terhadap Buku Tunai Lembaga sehingga bulan Julai 2002 menunjukkan 2 daripada 3 akaun bank telah lebih dikeluarkan dengan sejumlah RM47.48 juta dan RM25.25 juta. Ini adalah disebabkan kemudahan overdraf sejumlah RM50 juta daripada Perwira Affin Bank dan RM30 juta daripada BSN Commercial Bank dengan kadar faedah sekitar 7.5% satu

tahun. Kemudahan overdraf ini digunakan untuk membiayai kos operasi Lembaga khususnya kos pembangunan ladang. Penggunaan kemudahan overdraf ini menyebabkan Lembaga terpaksa menanggung sejumlah RM3.31 juta faedah sehingga bulan Julai 2002.

**c) Pengambilan Insurans Untuk Lembaga Pengarah**

Lembaga mengambil insurans berkelompok untuk melindungi Ahli Lembaga Pengarah sekiranya berlaku bencana semasa menjalankan tugas rasmi. Pengambilan insurans tersebut pada bulan Disember 1998 dan Februari 1999 meliputi semua Ahli Lembaga Pengarah termasuk 6 anggota perkhidmatan awam. Pengambilan insurans bagi 6 kakitangan awam yang menganggotai Ahli Lembaga Pengarah adalah tidak selaras dengan perenggan 5.2 Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 2 Tahun 1986. Mengikut surat pekeliling tersebut pihak pengurusan tidak dibenarkan mengambil insurans untuk Ahli Lembaga Pengarah yang terdiri daripada pegawai perkhidmatan awam kerana mereka telah pun tertakluk di bawah skim pencen. Mengikut maklumat yang disemak nilai insurans yang diluluskan oleh Lembaga kepada ahli berkenaan ialah RM300,000.

**47.3.2 Perbelanjaan Pembangunan**

Perbelanjaan pembangunan Lembaga adalah meliputi perbelanjaan mengenai kerja perladangan seperti selenggaraan ladang, menuai, memproses dan mengilang kelapa sawit. Lembaga telah melantik syarikat subsidiari bagi menguruskan ladangnya. Setiap tahun syarikat akan menyediakan bajet bagi perbelanjaan pembangunan yang diperlukan untuk kelulusan Lembaga. Pada tahun 2002, sejumlah RM65.88 juta telah dianggarkan meliputi kos pembangunan ladang matang RM21.04 juta dan ladang belum matang RM44.84 juta. Perbelanjaan pembangunan ladang akan didahulukan oleh syarikat berkenaan dan kemudiannya diimbuh balik daripada Lembaga setelah ditolak

hasil ladang yang diperoleh setiap suku tahun. Adalah didapati sehingga bulan Julai 2002, perbelanjaan pembangunan yang didahulukan oleh syarikat berjumlah RM17.91 juta masih belum diimbuh balik oleh Lembaga. Keadaan ini berlaku adalah disebabkan Lembaga menghadapi masalah aliran wang masuk yang mana hanya 30% sahaja ladang yang matang dan dapat mengeluarkan hasil. Pada masa yang sama, Lembaga memaklumkan bahawa syarikat berkaitan berhutang sejumlah RM179.40 juta dengan Lembaga.

Bagaimanapun, semakan Audit ke atas rekod di Lembaga mengenai perbelanjaan pembangunan mendapati perkara berikut telah diuruskan dengan baik :

- i) Sebut harga atau tender telah dilaksanakan mengikut peraturan dengan melantik Jawatankuasa Tender dan keputusan Jawatankuasa Tender difailkan dengan sempurna.
- ii) Wakil Lembaga ada terlibat dengan proses pemilihan tender yang diuruskan oleh agen pengurusan.

#### **47.3.3 Kawalan Perolehan**

Adalah didapati perolehan Lembaga telah diuruskan mengikut peraturan kewangan yang ditetapkan. Tender, sebut harga dan pembelian terus dibuat mengikut had kewangan ditetapkan. Lembaga Tender atau Jawatankuasa Sebut Harga ada diwujudkan manakala pembelian terus diluluskan oleh pegawai yang diberi kuasa.

#### **47.3.4 Daftar Bil**

Daftar Bil ada disediakan dan diselenggara dengan memuaskan selaras dengan kehendak Peraturan Kewangan dan Perakaunan Lembaga yang menetapkan bil dibayar dengan segera iaitu tidak lewat 1 bulan dari tarikh ia diterima. Bagaimanapun, adalah diperhatikan 47 bil mengenai bayaran insurans ladang, rawatan

perubatan, bayaran perkhidmatan profesional dan lain-lain berjumlah RM197,045 telah lewat dijelaskan antara 1 hingga 3 bulan disebabkan masalah aliran tunai Lembaga.

#### **47.3.5 Daftar Pembayaran**

Adalah didapati Daftar Pembayaran sebagaimana yang dikehendaki oleh peraturan kewangan Lembaga telah diselenggara dengan sempurna. Daftar ini telah diperiksa oleh pegawai yang bertanggungjawab dan maklumat penting seperti tarikh, nombor baucar, nombor cek, nama penerima dan cara penghantaran sama ada dengan tangan atau pun pos ada dicatatkan.

**Pada amnya, kawalan perbelanjaan Lembaga adalah memuaskan. Bagaimanapun, bajet tahunan perlu disediakan tepat pada masanya dan kemudahan overdraf perlu dikawal.**

### **47.4 PENGURUSAN PELABURAN**

Pelaburan Lembaga pada akhir tahun 2002 berjumlah RM204.59 juta. Pelaburan utamanya adalah dalam syarikat subsidiari berjumlah RM145.97 juta atau 71.3%. Sementara pelaburan sejumlah RM44.64 juta adalah dalam syarikat bersekutu dan bakinya RM13.98 juta merupakan pelaburan dengan Agensi pelaburan dan syarikat perniagaan. Pada tahun 2002 sehingga bulan Julai, tidak ada pelaburan dalam syarikat subsidiari dan pembelian saham dibuat, namun begitu sejumlah 2,744,689 unit saham telah dijual dengan memperoleh keuntungan RM1.96 juta.

#### **47.4.1 Prosedur Dan Tatacara Pelaburan**

Adalah didapati pelaburan yang dibuat telah pun mendapat kelulusan terlebih dahulu daripada pihak Lembaga Pengarah. Lembaga juga mempunyai garis panduan berkaitan dengan pelaburan. Bagaimanapun, Jawatankuasa Pelaburan bagi meneliti dan mengkaji pelaburan Lembaga tidak lagi aktif kerana mengikut rekod, mesyuarat terakhir hanya diadakan pada bulan

Disember 1993. Pada masa ini semua keputusan mengenai pelaburan dirujuk terus kepada Lembaga Pengarah.

#### **47.4.2 Rekod Pelaburan**

Penyelenggaraan rekod berkaitan pelaburan yang meliputi aspek berikut telah diurus dengan memuaskan.

- i) Maklumat pelaburan seperti jumlah pegangan, penjualan, pembelian dan baki saham direkodkan dengan kemas kini dalam Daftar Pelaburan.
- ii) Penyata Akaun daripada *Malaysian Central Depository Sdn. Bhd.* mengenai saham yang dilaburkan telah difailkan dengan sempurna.
- iii) Daftar yang mengandungi nilai pasaran bagi setiap hari untuk setiap saham yang dilabur telah diselenggarakan di Unit Pelaburan untuk tujuan kawalan.
- iv) Laporan mengenai prestasi kewangan syarikat subsidiari dan bersekutu disediakan pada setiap akhir bulan dan dikemukakan kepada Pengurus Besar untuk tujuan pemantauan.

Pada pandangan Audit, Lembaga telah menguruskan pelaburan dengan teratur dan memuaskan. Ada Bahagian Pengurusan Pelaburan yang bertanggungjawab terhadap pelaburan dan semua keputusan mengenainya dirujuk terus kepada Lembaga Pengarah.

#### **47.5 PENGURUSAN PINJAMAN**

Lembaga telah membuat pinjaman daripada Kerajaan Negeri dan juga Institusi Kewangan. Sehingga bulan Julai 2002, baki pinjaman Lembaga adalah berjumlah RM185.89 juta seperti di **Jadual 23** berikut :

### Jadual 23

#### Baki Pinjaman Dengan Kerajaan Negeri Dan Institusi Kewangan

Pinjaman	Jumlah Pinjaman (RM)	Baki Pinjaman (RM)
<b>1. Institusi Kewangan</b>		
i) Kemudahan Pusingan Kredit (Revolving Credit) - BSN Commercial Bank(M) Bhd.	120,000,000	120,000,000
ii) Pinjaman Berjangka - Bank Pembangunan & Infrastruktur (M) Bhd.	15,000,000	13,000,000
iii) Pinjaman Al-Bai Bithaman Ajil - Bank Islam Malaysia Bhd.	20,000,000	20,000,000
<b>2. Kerajaan Negeri</b>	44,844,775	32,893,300
<b>Jumlah</b>	<b>199,844,775</b>	<b>185,893,300</b>

*Sumber: Rekod Lembaga Kemajuan Perusahaan Pertanian Pahang*

Bagi tempoh sepanjang tahun 2002, Lembaga tidak mengeluarkan pinjaman atau pendahuluan kepada syarikat subsidiarinya.

#### 47.5.1 Kelulusan Dan Rekod Pinjaman

Semakan terhadap rekod yang berkaitan dengan pinjaman mendapati perkara berikut diuruskan dengan baik.

- i) Pinjaman yang diambil telah dirujuk dan diluluskan oleh Mesyuarat Lembaga Pengarah.
- ii) Kelulusan bertulis daripada Kementerian Kewangan telah diperolehi ke atas pinjaman berkenaan sebagaimana yang dikehendaki oleh Akta Perbadanan (Kekompetenan Badan Perundangan Negeri), 1962.
- iii) Fail yang mengandungi maklumat bagi setiap jenis pinjaman ada disediakan.

- iv) Lejar individu bagi setiap pinjaman telah direkodkan dengan kemas kini.

#### **47.5.2 Pinjaman Daripada Institusi Kewangan**

- i) Baki pinjaman daripada institusi kewangan sehingga bulan Julai 2002 adalah RM153 juta. Daripada jumlah tersebut, sejumlah RM120 juta merupakan kemudahan pusingan kredit (*revolving credit*) daripada BSN Commercial Bank (M) Bhd. yang perjanjiannya ditandatangani pada bulan Mac 1997. Pinjaman ini diambil setelah diluluskan oleh Mesyuarat Lembaga yang ke 195 pada bulan September 1996 dan Kementerian Kewangan Malaysia pada bulan Januari 1997 bagi tujuan pembangunan ladang dan membiayai sebahagian daripada kos pembinaan bangunan pejabat Lembaga. Semakan Audit menunjukkan Lembaga tidak membuat bayaran balik pinjaman tersebut sejak tahun 1997 hingga kini. Sebaliknya Lembaga hanya menjelaskan bayaran faedah bagi setiap kali penyambungan tempoh pinjaman tersebut diluluskan. Jumlah faedah yang dijelaskan bagi tempoh tersebut adalah RM29.32 juta.
  
- ii) Sejumlah RM10 juta daripada pinjaman ini telah dipinjamkan kepada sebuah Agensi Kerajaan Negeri berdasarkan keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan ke 6/99 pada bulan April 1999. Mengikut syarat perjanjian pinjaman kepada Agensi yang ditandatangani pada bulan Oktober 1999, Agensi perlu menjelaskan kos kewangan yang dikenakan oleh bank setiap pusingan 6 bulan dan bayaran balik keseluruhan pinjaman perlu dijelaskan dalam tempoh 3 tahun daripada tarikh pengeluaran pertama iaitu pada bulan Mei 1999. Semakan Audit mendapati kos kewangan yang dikenakan oleh bank telah dijelaskan oleh Agensi berkenaan tetapi pinjaman sejumlah RM10 juta belum dijelaskan sehingga kini.

iii) Bagaimanapun, kesemua pinjaman Lembaga daripada institusi kewangan telah pun dijadualkan semula dengan mendapat kelulusan Lembaga Pengarah, Pihak Berkuasa Negeri dan Kementerian Kewangan Malaysia. Penjadualan semula hutang sejumlah RM200 juta ini diperolehi daripada Affin Bank Berhad dan ditandatangani pada bulan April 2003. Penjadualan semula hutang ini adalah sebagai penyelesaian kepada kemudahan pusingan kredit dan overdraf yang diperolehi sebelum ini. Penjadualan semula ini menetapkan Lembaga perlu membuat bayaran balik sejumlah RM2.10 juta setiap kali untuk 144 kali berkuat kuasa selepas tempoh penangguhan 3 tahun. Pinjaman itu akan diselesaikan dalam tempoh 15 tahun.

#### 47.5.3 Pinjaman Daripada Kerajaan Negeri

Selain mendapat pinjaman bank, Lembaga juga membuat pinjaman dengan Kerajaan Negeri. Pada bulan Disember 2002, baki pinjaman Lembaga dengan Kerajaan Negeri berjumlah RM32.89 juta bagi projek seperti di **Jadual 24** berikut:

**Jadual 24**

#### **Baki Pinjaman Dengan Kerajaan Negeri**

<b>Bil.</b>	<b>Jenis Projek</b>	<b>Baki Pinjaman (RM)</b>
1.	Pelbagai Projek Yang Dijadual Semula	18,393,232
2.	RPS Merapoh	2,294,356
3.	RPS Jerkoh	2,355,132
4.	RPS Sungai Chalit	91,080
5.	RPS Peruang	1,524,800
6.	Projek Komersial Tanaman Padi	8,234,700
	<b>Jumlah</b>	<b>32,893,300</b>

*Sumber: Rekod Lembaga Kemajuan Perusahaan Pertanian Pahang*

Daripada jumlah baki tersebut, sejumlah RM6.43 juta merupakan pinjaman yang telah matang dan perlu dibayar balik kepada Kerajaan Negeri. Bagaimanapun, tunggakan tersebut tidak dapat dijelaskan kerana Lembaga menghadapi masalah aliran wang

tunai dan projek berkaitan pula bukan merupakan projek perniagaan.

**Pada pandangan Audit, pengurusan pinjaman adalah memuaskan. Kelulusan dan rekod berkaitan telah diperolehi dan diselenggara dengan sempurna. Bagaimanapun, masalah aliran wang tunai yang dihadapi oleh Lembaga menyebabkan hutang dengan Kerajaan Negeri tidak dapat dilunaskan mengikut jadual.**

#### **47.6 PENGURUSAN AKAUN DEPOSIT**

Lembaga menerima deposit bagi jualan ladang, wang tahanan dan cagaran kontrak. Jumlah deposit yang diterima sehingga bulan Disember 2002 adalah RM6.02 juta. Daripada jumlah tersebut sejumlah RM2.40 juta atau 39.9% merupakan deposit Ladang Pejasa, jualan lot dusun Rancangan Tanah Kelompok Maran dan pulangan balik wang deposit lesen pembalakan daripada Pejabat Perhutanan Negeri Pahang. Lembaga juga membuat bayaran deposit bagi tujuan tertentu. Baki deposit ini sehingga bulan Julai 2002 adalah RM1.81 juta. Sebahagian besar deposit tersebut iaitu RM1.68 juta atau 92% adalah mengenai deposit lesen pembalakan dan deposit pembelian hotel di Bukit Fraser. Adalah diperhatikan penyelenggaraan akaun deposit bagi aspek berikut diuruskan dengan baik :

- i) Deposit tersebut telah direkodkan dengan kemas kini dalam Lejar dan Buku Tunai yang diselenggara mengikut jenisnya.
- ii) Senarai pendeposit yang mengandungi maklumat seperti nama, nombor resit dan jumlah deposit diterima atau dibayar telah disediakan pada setiap akhir bulan.
- iii) Resit asal bagi deposit yang dibayar oleh Lembaga telah disimpan di dalam fail deposit berkaitan.

#### **47.6.1 Deposit Jualan Ladang**

Pada bulan Mac 2001, Lembaga telah mengeluarkan surat tawaran untuk pembelian lot dusun Rancangan Tanah Kelompok di Daerah Maran kepada 872 orang peserta. Harga tawaran yang telah diputuskan adalah sekitar RM10,000 satu hektar. Jumlah sebenar adalah tertakluk kepada keluasan lot yang akan ditentukan kemudian. Mengikut surat tawaran tersebut, peserta dikehendaki membayar 20% atau RM1,600 satu hektar daripada jumlah harga setiap lot (0.8 hektar) dalam masa 2 bulan sehingga bulan Mei 2001. Baki 80% lagi perlu dijelaskan dalam tempoh 6 bulan selepas tarikh menandatangani surat perjanjian jual beli iaitu sehingga bulan September 2002. Semakan Audit mendapati 627 peserta telah menjelaskan wang deposit sejumlah RM1 juta sementara 245 peserta lagi masih belum membuat bayaran deposit sejumlah RM392,000.

#### **47.6.2 Deposit Pembelian Hotel**

Lembaga telah menandatangani perjanjian pembelian sebuah hotel dan banglo di Bukit Fraser dengan sebuah Agensi Kerajaan pada bulan Mac 1998 dengan kos RM13 juta. Sehubungan itu, Lembaga telah membayar deposit sejumlah RM1.30 juta iaitu 10% daripada harga jualan. Namun begitu, keputusan pembelian di atas telah pun dibatalkan pada bulan September 1998 selaras dengan arahan Majlis Tindakan Ekonomi Negara supaya Lembaga melepaskan pelaburannya dalam sektor perhotelan. Bagaimanapun sehingga kini deposit tersebut masih belum didapatkan balik oleh Lembaga daripada Agensi terbabit.

**Pada pandangan Audit, pengurusan akaun deposit adalah baik. Kawalan dan rekod yang berkaitan telah diselenggara dengan sempurna kecuali deposit jualan lot dusun hendaklah dikutip segera.**

## **47.7 PENGURUSAN ASET DAN INVENTORI**

Sebahagian besar aset Lembaga adalah terdiri daripada tanah milik bebas, tanah pajakan, bangunan, kenderaan dan lain-lain. Bagi tahun 2002, Lembaga telah membelanjakan sejumlah RM51,020 bagi perolehan aset seperti mesin, perabot dan kelengkapan pejabat dan harta lain. Di samping itu, pembelian harta modal dan inventori dibuat berdasarkan perancangan yang diluluskan. Pemeriksaan Audit terhadap pengurusan aset dan inventori mendapati perkara berikut :

### **47.7.1 Daftar Harta Modal**

Adalah didapati Daftar Harta Modal telah diselenggarakan dengan lengkap meliputi perkara berikut :

- i) Penerimaan barang telah diperiksa dan diperakui mengikut spesifikasi yang ditetapkan.
- ii) Nombor siri pendaftaran pejabat atau kod dibuat dengan kemas kini dan dicatat dengan kekal pada aset.
- iii) Ruangan dalam daftar seperti kos dan tarikh dibeli/diterima, nombor pesanan dan rujukan fail ada dicatatkan.

### **47.7.2 Pemeriksaan Tahunan**

Adalah didapati pemeriksaan terhadap harta modal dan inventori dibuat pada setiap tahun oleh Unit Audit Dalam bagi memastikan harta modal dan inventori berada dalam keadaan yang memuaskan.

### **47.7.3 Pengurusan Kenderaan Dan Buku Log**

Pada tahun 2002 terdapat 4 buah kereta dan 5 buah jip di bawah kawalan Lembaga. Semakan Audit terhadap pengurusan kenderaan adalah didapati memuaskan selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1980.

- i) Fail sejarah untuk menyimpan maklumat mengenai kenderaan telah dibuka.
- ii) Pelantikan Pegawai Pengangkutan bagi menyelaraskan tempahan penggunaan kenderaan harian ada dibuat.
- iii) Buku Log diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini dan disemak oleh pegawai yang bertanggungjawab.
- iv) Kenderaan disimpan di tempat yang berbumbung dan selamat.
- v) Pegawai Pengangkutan mengesahkan penyata pembelian minyak dengan resit belian setiap bulan sebelum invoice tuntutan disahkan untuk pembayaran selaras Pekeliling Perbendaharaan Bil. 6 Tahun 1999.

#### **47.7.4 Pelupusan Harta Modal/Inventori**

Harta modal/inventori yang tidak boleh digunakan hendaklah dilupuskan. Adalah didapati 10 unit komputer dan 3 unit pencetak yang rosak telah dilupuskan dengan sewajarnya pada tahun 2002.

**Pada pandangan Audit, pengurusan aset dan inventori adalah baik. Daftar harta modal dan rekod berkaitan telah diselenggara dengan memuaskan dan pelupusan terhadap harta modal telah dibuat sebagaimana sepatutnya.**

#### **48. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT**

Pada keseluruhannya, pengurusan kewangan Lembaga berada pada tahap yang memuaskan. Ini berasaskan kepada beberapa faktor seperti struktur organisasi yang tersusun, kawalan hasil, perbelanjaan, deposit dan aset adalah kemas. Bagaimanapun, Lembaga perlu memberi perhatian terhadap masalah aliran tunai yang dihadapinya supaya dapat menguruskan bayaran balik pinjaman bank seperti yang dijadualkan.

## **PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM PAHANG**

### **PENGURUSAN KEWANGAN**

#### **49. LATAR BELAKANG**

Perbadanan Perpustakaan Awam Pahang (Perbadanan) telah ditubuhkan pada 26 September 1973 melalui Enakmen Negeri Pahang No. 11 Tahun 1973. Objektif utama penubuhan Perbadanan Perpustakaan Awam Pahang ialah untuk memberi perkhidmatan pinjaman buku dan penyediaan bahan bacaan lain seperti majalah dan bahan multimedia. Pendapatan Perbadanan pada tahun 2002 adalah sejumlah RM3.25 juta, sementara perbelanjaan pula RM3.23 juta. Perbadanan bergantung sepenuhnya kepada Pemberian Kerajaan untuk membiayai operasinya. Pemberian Kerajaan yang diterima pada tahun 2002 adalah sejumlah RM3.21 juta atau 98.8% dari jumlah hasil keseluruhan. Sebahagian besar perbelanjaannya iaitu RM1.93 juta atau 59.7 % adalah bagi bayaran emolumen.

#### **50. OBJEKTIF DAN SKOP PENGAUDITAN**

Tujuan pengauditan ini dijalankan adalah untuk menentukan bahawa pengurusan dan kawalan pungutan hasil, perbelanjaan, pelaburan, pinjaman dan aset dilaksanakan mengikut peraturan kewangan yang ditetapkan. Pengauditan adalah ditumpukan kepada rekod mengenai urus niaga bagi tempoh Januari hingga Disember 2002 seperti buku tunai, penyata penyesuaian bank, lejar dan daftar. Temu bual dengan pegawai yang terlibat dan semakan rekod tahun sebelumnya atau selepasnya juga dibuat.

## **51. PENEMUAN AUDIT**

### **51.1 KAWALAN PENGURUSAN**

Bagi membolehkan Perbadanan memainkan peranannya dengan berkesan adalah perlu struktur organisasi dan kawalan pengurusan Perbadanan sentiasa kemas dan teratur. Pemeriksaan Audit mendapati perkara berikut :

#### **51.1.1 Struktur Organisasi**

Perbadanan telah mewujudkan 3 bahagian operasi yang diketuai oleh Pengarah Perbadanan dan dibantu oleh 3 orang kakitangan Kumpulan Pengurusan dan Profesional dengan 2 berjawatan tetap dan 1 berjawatan kontrak. Sementara 117 kakitangan Kumpulan Sokongan adalah terdiri daripada kakitangan tetap 44 orang, kakitangan kontrak 38 orang dan kakitangan sambilan 35 orang. Bahagian operasi pula terdiri daripada Bahagian Pentadbiran, Kewangan Dan Pembangunan Sumber Manusia, Bahagian Perkhidmatan Pelanggan dan Bahagian Perancangan Dan Pembangunan.

#### **51.1.2 Manual Prosedur Kerja**

Manual Prosedur Kerja merupakan dokumen yang menjadi asas rujukan seseorang pegawai dalam melaksanakan tugas dengan berkesan. Penyediaan manual ini ditetapkan dalam Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 8 Tahun 1991. Adalah didapati Manual Prosedur Kerja telah disediakan bagi Bahagian Pentadbiran, Kewangan Dan Pembangunan Sumber Manusia. Manakala Bahagian Perkhidmatan Pelanggan dan Bahagian Perancangan Dan Pembangunan hanya unit tertentu sahaja yang disediakan.

### **51.1.3 Fail Meja**

Fail Meja adalah dokumen rujukan bagi seseorang pegawai dalam menjalankan tugas. Fail Meja disediakan secara individu dan mesti dimiliki oleh setiap pegawai. Antara kandungan Fail Meja yang penting adalah seperti senarai tugas, proses kerja, kuasa yang berkaitan dan peraturan pentadbiran. Perkara tersebut penting bagi rujukan semasa pegawai dan apabila berlaku pertukaran tugas atau pegawai. Semakan yang dibuat mendapati Fail Meja ada disediakan bagi Bahagian Pentadbiran, Kewangan Dan Pembangunan Sumber Manusia, Pembinaan Koleksi dan Pendokumentasi. Bagaimanapun, semua unit di Bahagian Perkhidmatan Pelanggan, Fail Meja tidak disediakan.

### **51.1.4 Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun/ Jawatankuasa Audit**

Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1996 Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun hendaklah diwujudkan bagi meningkatkan pengurusan kewangan dan akaun Agensi. Adalah didapati Perbadanan telah menubuhkan Jawatankuasa tersebut. Pada tahun 2002, Jawatankuasa ini telah bermesyuarat sebanyak 3 kali sahaja berbanding 6 kali satu tahun seperti yang sepatutnya. Bagaimanapun, Jawatankuasa Audit seperti mana kehendak Surat Pekeliling Am Bil. 2 Tahun 1998 masih belum diwujudkan.

### **51.1.5 Latihan Dan Kursus Kepada Kakitangan**

Sumber manusia yang terlatih merupakan satu aset yang amat penting dan berharga bagi sesuatu organisasi. Ini kerana pegawai dan kakitangan yang terlatih dapat menyumbang kepada perkhidmatan yang cekap dan berkesan. Oleh itu, latihan kepada pegawai dan kakitangan dari semasa ke semasa amat diperlukan bagi menambah pengetahuan dan meningkatkan kecekapan mereka. Adalah didapati bahawa tidak ada latihan atau kursus berkaitan kewangan diberikan kepada pegawai dan kakitangan

Perbadanan sepanjang tahun 2002. Walaupun begitu, kursus berkaitan dengan Sistem Saraan Malaysia dan tata tertib ada dilaksanakan.

**Pada pandangan Audit, kawalan pengurusan Perbadanan adalah memuaskan. Bagaimanapun Perbadanan perlu memperkemas lagi bagi aspek tertentu seperti Manual Prosedur Kerja dan Fail Meja bagi bahagian yang belum menyediakannya dan menubuhkan Jawatankuasa Audit.**

## **51.2 KAWALAN HASIL**

Pendapatan Perbadanan pada tahun 2002 berjumlah RM3.25 juta. Sebahagian besar daripada pendapatan tersebut iaitu RM3.21 juta atau 98.8% merupakan sumbangan Kerajaan Negeri dan Persekutuan. Selebihnya adalah terimaan daripada pendaftaran ahli, bayaran buku hilang, denda lewat, sewa dewan, faedah simpanan tetap dan lain-lain. Semakan Audit terhadap kawalan hasil Perbadanan mendapati perkara berikut :

### **51.2.1 Buku Tunai Dan Penyata Penyesuaian Bank**

Buku Tunai perlulah ditutup setiap bulan dan bakinya hendaklah dibawa ke hadapan. Semakan Audit mendapati Perbadanan menyimpan 2 buah buku tunai iaitu Buku Tunai Terimaan dan Buku Tunai Bayaran secara berasingan. Kedua Buku Tunai ini tidak ditutup sewajarnya dan bakinya tidak dibawa ke hadapan. Penyata Penyesuaian Bank juga tidak disediakan mengikut format yang sepatutnya, ini menyebabkan Penyata Kewangan tahunan lewat disediakan.

### **51.2.2 Penyerahan Wang Ke Bank**

Penyerahan wang ke bank bagi Pejabat Cawangan Daerah selain daripada Daerah Kuantan adalah dibuat sekali sahaja dalam satu bulan iaitu pada setiap hujung bulan walaupun jumlah kutipan melebihi RM500. Ini adalah bercanggah dengan Arahan

Perbendaharaan 78(a) dan Seksyen 18(1) Enakmen Perbadanan Perpustakaan Awam Pahang.

#### **51.2.3 Kawalan Borang Hasil**

Arahan Perbendaharaan 67 menyebut bahawa borang hasil hendaklah dikawal dengan selamat. Adalah didapati bahawa stok buku resit tidak dikawal dan disimpan dengan selamat. Buku resit yang belum digunakan hanya disimpan di dalam bilik pegawai tanpa kabinet berkunci.

#### **51.2.4 Pemeriksaan Mengejut**

Arahan Perbendaharaan 309(b) menghendaki pegawai yang menjaga sesuatu pejabat melakukan pemeriksaan mengejut sekurang-kurangnya 6 bulan satu kali ke atas wang tunai, cek dan setem yang dipegang oleh pegawai yang dipertanggungjawabkan. Adalah diperhatikan pemeriksaan ini tidak dilakukan dan Daftar Pemeriksaan Mengejut juga tidak diselenggarakan.

**Pada pandangan Audit, kawalan hasil Perbadanan adalah kurang memuaskan. Perbadanan perlu memberi perhatian lebih kepada aspek penyelenggaraan Buku Tunai, penyediaan Penyata Penyesuaian Bank, penyerahan wang ke bank dan menjalankan pemeriksaan mengejut supaya hasil Perbadanan dikawal dan diperakaunkan sewajarnya.**

### **51.3 KAWALAN PERBELANJAAN**

Perbadanan telah membelanjakan sejumlah RM3.23 juta pada tahun 2002, terdiri daripada bayaran emolumen, perkhidmatan dan bekalan, perolehan aset dan lain-lain. Semakan Audit terhadap kawalan perbelanjaan Perbadanan mendapati perkara berikut :

#### **51.3.1 Perwakilan Kuasa**

Perwakilan kuasa kepada pegawai telah dilakukan secara bertulis dan diperakukan sewajarnya.

### **51.3.2 Buku Vot**

Bukut Vot merupakan rekod penting dalam pengawalan perbelanjaan. Semakan Audit terhadap Buku Vot Perbadanan mendapati ianya telah disediakan secara manual. Selain itu, terdapat beberapa kesilapan dalam pengiraan baki Buku Vot yang mengakibatkan 20 butiran perbelanjaan mengurus telah melebihi peruntukan sejumlah RM233,050. Pindah peruntukan bagi menampung lebihan tersebut belum dibuat.

### **51.3.3 Daftar Bil**

Arahan Perbendaharaan 103(a) menyatakan bahawa Ketua Jabatan atau Ketua Pejabat hendaklah menentukan bil dibayar dengan segera iaitu tidak lewat daripada sebulan dari tarikh diterima. Adalah diperhatikan 82 bil berjumlah RM33,948 telah lewat dijelaskan antara 2 hingga 26 bulan. Masalah ini disebabkan kelewatan dalam penerimaan bil oleh Ibu Pejabat daripada pejabat peringkat daerah. Sebahagian besar bil yang diterima juga tidak dicop tarikh penerimaan. Selain itu, Daftar Bil juga didapati tidak lengkap dan tidak kemas kini.

**Pada pandangan Audit, kawalan perbelanjaan Perbadanan adalah kurang memuaskan terutama dalam aspek kawalan peruntukan. Pindah peruntukan perlulah dibuat terhadap perbelanjaan yang melebihi peruntukan.**

## **51.4 PENGURUSAN PELABURAN**

Perbadanan tidak mempunyai pelaburan selain daripada simpanan tetap di institusi kewangan yang diluluskan. Pada tahun 2002, kesemua simpanan tetapnya sejumlah RM100,000 telah ditebus. Hasil semakan Audit terhadap pengurusan pelaburan Perbadanan adalah seperti berikut :

### **51.4.1 Kelulusan Melabur**

Memandangkan Perbadanan hanya melabur dalam simpanan tetap, kedudukan pelaburan berkenaan tidak dirujuk kepada

Lembaga Pengarah. Adalah lebih teratur jika jumlah simpanan tetap dan pengeluarannya dimaklumkan pada setiap kali Mesyuarat Perbadanan diadakan.

#### **51.4.2 Daftar Pelaburan**

Semakan Audit mendapati Perbadanan tidak menyediakan satu daftar khusus bagi pelaburan. Bagaimanapun, maklumat mengenai pelaburan tersebut ada disimpan dengan sempurna di dalam fail simpanan tetap.

**Pada pandangan Audit, pelaburan yang diuruskan oleh Perbadanan adalah memuaskan.**

### **51.5 PENGURUSAN AKAUN AMANAH DAN DEPOSIT**

Perbadanan menerima deposit daripada peminjam buku perpustakaan. Adalah didapati baki Akaun Deposit pada 31 Disember 2002 berjumlah RM417,477.

#### **51.5.1 Pengurusan Deposit**

Semakan Audit terhadap akaun deposit dan amanah Perbadanan mendapati perkara berikut :

- i) Buku Tunai Deposit tidak diselenggarakan.
- ii) Senarai pendeposit yang disediakan berjumlah RM417,477 tidak menunjukkan jumlah sebenar deposit yang dipegang oleh Perbadanan.
- iii) Deposit yang telah dibayar balik, jumlahnya tidak dipotong dalam senarai deposit.

#### **51.5.2 Pengurusan Pinjaman Kenderaan Dan Komputer**

Adalah didapati Daftar Pinjaman Kenderaan dan Komputer tidak disediakan. Justeru itu, baki akaun pinjaman kenderaan dan komputer tidak kemas kini.

**Pada pendapat Audit, pengurusan Akaun Amanah dan Deposit Perbadanan adalah kurang memuaskan. Rekod atau daftar seperti Buku Tunai Deposit, Daftar Pinjaman Kenderaan dan Komputer hendaklah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.**

## **51.6 PENGURUSAN ASET DAN INVENTORI**

Aset Perbadanan adalah terdiri daripada buku, kenderaan dan kelengkapan pejabat. Pada tahun 2002, Perbadanan telah membelanjakan sejumlah RM386,311 untuk perolehan aset yang terdiri daripada buku dan peralatan pejabat. Semua pembelian aset diuruskan oleh Ibu Pejabat termasuk untuk pejabat peringkat daerah. Pengagihan buku diuruskan oleh Ibu Pejabat dan lain-lain aset yang dibeli dibekalkan terus ke pejabat cawangan peringkat daerah oleh pembekal.

### **51.6.1 Perolehan Aset Dan Inventori**

Semakan Audit mendapati proses perolehan harta modal dan inventori telah dibuat dengan memuaskan. Pembelian yang dibuat adalah berdasarkan perancangan yang diluluskan dan penerimaan barang diperiksa dan diperaku dengan sewajarnya.

### **51.6.2 Daftar Harta Modal Dan Inventori**

Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1991, semua jenis harta modal dan inventori hendaklah direkodkan di dalam Daftar Harta Modal atau Daftar Inventori dan dicatatkan rujukan nombor sirinya. Adalah didapati Perbadanan menggunakan Kad Daftar Harta Modal dan Kad Inventori bagi merekodkan harta modal dan inventori sebagaimana kehendak peraturan tersebut. Bagaimanapun, aset yang dibeli pada tahun 2000 dan 2001 termasuk oleh Pejabat Cawangan masih belum direkodkan. Selain itu, nombor siri pendaftaran pada aset belum dibuat sepenuhnya dan pemeriksaan tahunan tidak dibuat.

### 51.6.3 Pelupusan Harta Modal Dan Inventori

Harta modal dan inventori yang tidak boleh digunakan hendaklah dilupuskan sebagaimana dinyatakan dalam Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1997. Semakan Audit mendapati harta modal dan inventori yang rosak dan tidak boleh digunakan belum diambil tindakan untuk melupuskannya. Akibatnya, Perbadanan terpaksa menyediakan ruang untuk menyimpan barangan yang tidak boleh digunakan. Adalah didapati bahawa Lembaga Pemeriksa untuk tujuan pelupusan masih belum diwujudkan. Harta modal dan inventori yang dimaksudkan adalah seperti di **Jadual 25**.

**Jadual 25**  
**Harta Modal Dan Inventori Yang Belum Dilupus**

Bil.	Jenis	Unit	Lokasi
1.	Komputer	8	Bilik Multimedia
2.	<i>Dumb Terminal</i>	6	Bilik Multimedia
3.	<i>Printer</i>	4	Bilik Multimedia
4.	<i>Scanner</i>	1	Bilik Multimedia
5.	Penyaman Udara	2	Stor
6.	Mesin Fotostat	1	Stor
7.	Kerusi	7	Stor
8.	Buku	1,692	Stor

**Sumber : Rekod Perbadanan**

### 51.6.4 Pengurusan Kenderaan

Pada tahun 2002, Perbadanan mempunyai 12 buah bas, sebuah van dan sebuah kenderaan pacuan 4 roda. Semakan terhadap pengurusan kenderaan adalah memuaskan selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1980 meliputi aspek berikut :

- i) Pelantikan Pegawai Pengangkutan bagi menyelaraskan tempahan penggunaan kenderaan ada dibuat.

- ii) Fail Sejarah untuk menyimpan segala butir mengenai kenderaan telah dibuka.
- iii) Dokumen hak milik kenderaan didaftarkan atas nama Perbadanan serta disimpan dengan baik oleh pegawai yang diberi tanggungjawab.
- iv) Jadual Perkhidmatan Bergerak untuk Unit Perpustakaan Bergerak bagi tempoh setahun telah disediakan.
- v) Buku Log setiap kenderaan ada diselenggarakan tetapi tidak dikemaskinikan. Pegawai yang membenarkan dan menggunakan kenderaan tidak menurunkan tandatangan ringkas di ruangan berkaitan dan butiran penyelenggaraan, pembaikan dan penggantian alat tidak direkodkan.

#### **51.6.5 Pengurusan Buku**

Buku merupakan aset utama Perbadanan. Sehingga Disember 2002 jumlah buku yang disimpan oleh Perbadanan ialah 628,879 naskhah. Pada tahun 2002, sejumlah 31,816 naskhah buku telah dibeli dengan kos sejumlah RM506,392. Pemeriksaan Audit terhadap pengurusan buku mendapati perkara berikut :

- i) Penerimaan buku telah direkod dalam daftar.
- ii) Daftar Pinjaman Buku secara manual telah disediakan bagi tahun 2001 dan 2002 kerana sistem komputer yang digunakan telah mengalami kerosakan.

Kerosakan sistem komputer tersebut menyebabkan Perbadanan tidak dapat mengenal pasti dengan mudah jumlah sebenar buku yang dipinjam dan bilangan peminjam. Pada sesuatu masa, Perbadanan juga sukar mengesan sama ada buku yang dipinjam telah dipulangkan atau sebaliknya oleh peminjam. Dengan itu, Perbadanan tidak dapat mengambil tindakan terhadap peminjam

yang gagal memulangkan segera buku selepas habis tempoh pinjaman.

**Pada pandangan Audit, pengurusan aset dan inventori Perbadanan perlu diperkemaskan terutamanya pengurusan buku perpustakaan. Kerosakan sistem komputer perlu diperbaiki segera bagi memastikan kelancaran sistem pinjaman dan kawalan buku perpustakaan.**

## **52. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT**

Pada keseluruhannya, pengurusan kewangan Perbadanan adalah memuaskan. Perhatian perlu ditumpukan kepada aspek kawalan hasil dan perbelanjaan, deposit dan pengurusan aset khususnya buku perpustakaan bagi meningkatkan lagi tahap pengurusan kewangan Perbadanan.

## **MAJLIS DAERAH RAUB**

### **PENGURUSAN KEWANGAN**

#### **53. LATAR BELAKANG**

**53.1** Majlis Daerah Raub (Majlis) telah ditubuh pada bulan Julai 1981 di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171). Fungsi dan tanggungjawab Majlis adalah untuk memberikan perkhidmatan perbandaran yang meliputi pelesenan, kebersihan dan pengindahan bandar. Selain itu, Majlis juga bertanggungjawab untuk merancang, menyelaras dan mengawal pembangunan dalam kawasan Majlis seluas 977 km persegi itu. Sehingga akhir tahun 2002, Majlis mempunyai jumlah pegangan 12,276 iaitu termasuk kawasan Bukit Fraser yang telah diwartakan sebagai kawasan Majlis pada bulan November 1998 yang dahulunya di bawah Perbadanan Kemajuan Bukit Fraser.

**53.2** Pada tahun 2002, Majlis memperolehi pendapatan sejumlah RM4.79 juta, manakala perbelanjaan berjumlah RM5.89 juta. Sejumlah RM3.23 juta atau 67% hasil Majlis adalah daripada kutipan cukai taksiran yang merupakan aktiviti utama Majlis. Sejumlah RM0.44 juta pula adalah merupakan pemberian Kerajaan Negeri. Bagi perbelanjaan pula, sejumlah RM2.97 juta adalah untuk emolument dan RM1.97 juta untuk bayaran perkhidmatan dan bekalan yang merupakan komponen terbesar daripada perbelanjaan Majlis. Selain itu, Majlis juga menerima sejumlah RM3.54 juta daripada Kerajaan untuk pembiayaan projek pembangunan di kawasan Majlis.

#### **54. OBJEKTIF DAN SKOP PENGAUDITAN**

Pengauditan yang dijalankan adalah untuk menentukan tahap pengurusan kewangan Majlis adalah memuaskan dan mematuhi peraturan kewangan yang ditetapkan. Selain itu, untuk menentukan bahawa Majlis mempunyai sistem kawalan dalaman yang berkesan terhadap pungutan hasil, perbelanjaan, amanah, aset dan inventori di samping penyelenggaraan rekod yang lengkap dan kemas kini. Pengauditan meliputi tempoh Januari hingga Disember 2002. Rekod utama

yang diperiksa termasuk Buku Tunai, Daftar Mel, Buku Vot, Daftar Bil, Daftar Pembayaran, Daftar Pelaburan, Daftar Pinjaman, Daftar Deposit, Daftar Aset dan Inventori, fail berkaitan dan minit mesyuarat. Selain pemilihan sampel tertentu untuk semakan, perbincangan dan temu bual dengan pegawai yang terlibat turut dijalankan.

## **55. PENEMUAN AUDIT**

### **55.1 KAWALAN PENGURUSAN**

Sistem kawalan pengurusan yang jelas perlu ada bagi mewujudkan pengurusan yang teratur dan berkesan di Majlis. Bidang tugas dan tanggungjawab secara khusus kepada pegawai dan bahagian dalam organisasi boleh meningkatkan lagi kawalan. Pendedahan dan motivasi kepada pegawai terhadap bidang tugas masing-masing juga diperlukan. Semakan Audit terhadap kawalan pengurusan Majlis mendapati perkara berikut :

#### **55.1.1 Struktur Organisasi**

Majlis mempunyai struktur organisasi yang jelas membahagikan tugas pentadbiran, kewangan, penilaian, perancangan dan teknikal. Setiap bahagian mempunyai bidang tugas dan tanggungjawab yang khusus. Majlis diketuai oleh Yang DiPertua dengan dibantu oleh 205 kakitangan Kumpulan Sokongan iaitu 156 orang berjawatan tetap manakala 49 lagi bertaraf kontrak.

#### **55.1.2 Manual Prosedur Kerja**

Manual Prosedur Kerja yang lengkap perlu disediakan oleh Majlis mengikut kehendak Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 8 Tahun 1991. Adalah didapati Manual Prosedur Kerja yang merupakan aspek penting kawalan pengurusan telah disediakan dengan baik.

### **55.1.3 Fail Meja**

Fail Meja mengikut kategori pegawai, jawatan dan bahagian adalah perlu ada untuk tujuan rujukan semasa menjalankan tugas. Semakan Audit mendapati Fail Meja telah diselenggara dengan kemas kini.

### **55.1.4 Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun**

Majlis belum menubuhkan Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun sebagaimana kehendak Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1996. Bagaimanapun, Majlis ada mewujudkan Jawatankuasa Kewangan dan Perkara Am bagi membincangkan aspek pentadbiran dan juga pengurusan kewangan. Pada tahun 2001, Jawatankuasa tersebut telah bermesyuarat sebanyak 3 kali dan sekali pada tahun 2002.

### **55.1.5 Kursus Dan Latihan Kepada Pegawai**

Majlis ada menghantar pegawai dan kakitangan untuk mengikuti kursus dan latihan dalam bidang pengurusan rekod, perundangan, tata tertib, kontrak, penilaian, perakaunan dan kewangan. Bagaimanapun, pada tahun 2002 hanya 3 daripada 8 orang pegawai yang menjalankan tugas kewangan telah menghadiri kursus berkaitan.

### **55.1.6 Unit Audit Dalam**

Pada tahun 2002, Majlis telah mewujudkan Unit Audit Dalam sebagaimana kehendak Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1979. Bagaimanapun, unit ini hanya dianggotai oleh seorang Penolong Juruaudit.

**Pada pandangan Audit, sistem kawalan pengurusan Majlis adalah memuaskan kerana wujudnya struktur organisasi yang jelas dan teratur. Selain itu, kursus dan latihan kepada pegawai dalam bidang kewangan telah diadakan walaupun melibatkan sebahagian pegawai sahaja.**

## **55.2 KAWALAN HASIL**

Pada tahun 2002, Majlis memperoleh hasil sejumlah RM4.79 juta termasuk sejumlah RM0.44 juta daripada pemberian Kerajaan. Sumber hasil utama Majlis diperoleh daripada cukai taksiran, sewaan serta lesen dan permit yang menyumbang sejumlah RM4.08 juta atau 85% jumlah hasil tahun 2002. Hasil lain diperolehi daripada terimaan perkhidmatan, denda, faedah pelaburan, jualan barang dan pelbagai terimaan. Pada masa ini, hanya kutipan hasil sahaja dibuat secara sistem berkomputer. Manakala perakaunan hasil masih dilaksanakan secara manual berikutan kegagalan sistem komputer yang dibangunkan. Semakan Audit terhadap kawalan hasil mendapati perkara berikut :

### **55.2.1 Pengasingan Tugas**

Pengagihan dan pengasingan tugas adalah antara elemen penting bagi kawalan hasil. Semakan Audit mendapati Majlis telah melaksanakan pengasingan tugas yang teratur di antara tugas penerimaan wang, penyerahan wang kutipan ke bank, merekod Buku Tunai dan penyediaan Penyata Penyesuaian Bank.

### **55.2.2 Kawalan Borang Hasil**

Borang hasil seperti resit, lesen dan permit perlu dikawal dengan sempurna. Semakan Audit terhadap kawalan borang hasil Majlis dari segi penyimpanan dan penggunaan adalah teratur dan sempurna. Buku resit hasil, lesen dan sebagainya disimpan dengan selamat dan dikeluarkan mengikut susunan yang betul apabila hendak digunakan.

### **55.2.3 Daftar Mel**

Majlis menguruskan Daftar Mel dengan lengkap dan kemas kini bagi maksud merekodkan terimaan wang dan barang berharga melalui pos atau penghantar. Semakan Audit terhadap daftar tersebut bagi bulan Oktober 2002, mendapati semua terimaan melalui pos telah direkod dan dikeluarkan resit dengan segera.

#### **55.2.4 Keselamatan Wang Pungutan**

Semakan Audit mendapati tidak ada pegawai penyelia yang membuat semakan terhadap slip kemasukan wang ke bank sebelum dan selepas wang dibankkan. Begitu juga diperhatikan pegawai yang membawa wang ke bank terdedah kepada risiko kerana tidak ada kawalan keselamatan. Walaupun begitu, serahan wang ke bank telah dibuat pada setiap hari dan slip kemasukan wang ke bank juga disimpan dengan teratur. Tindakan menyemak slip bank sebelum dan selepas wang dibankkan telah pun dibuat dan diperbetulkan serta merta oleh Majlis.

#### **55.2.5 Pemeriksaan Oleh Ketua Jabatan/Wakil**

##### **i) Akaun Tunai Bulanan**

Penyelenggaraan buku tunai Majlis dibuat secara manual. Urus niaga terimaan dan bayaran telah direkod dengan lengkap dan teratur. Akaun Tunai Bulanan ditutup pada setiap hujung bulan dan telah disesuaikan dengan baki di bank. Pemeriksaan terhadap Buku Tunai dan Penyata Penyesuaian Bank oleh pegawai yang dipertanggungjawab ada dibuat.

##### **ii) Pemeriksaan Mengejut**

Majlis tidak menyelenggarakan daftar pemeriksaan mengejut dan dengan itu, kekerapan pemeriksaan setiap 6 bulan sekali seperti kehendak Arahan Perbendaharaan 309 tidak dapat dipastikan.

#### **55.2.6 Tunggakan Cukai Taksiran**

Pada tahun 2002, Majlis mempunyai jumlah pegangan 12,276 yang sepatutnya menghasilkan cukai taksiran sejumlah RM3.64 juta satu tahun. Pengurusan cukai taksiran adalah diuruskan oleh Jabatan Penilaian yang menilai dan menentukan kadar cukai dikenakan dan seterusnya pengeluaran bil berkomputer kepada pemilik pegangan. Semakan Audit mendapati perkara berikut :

- i) Mengikut rekod Majlis pada bulan Oktober 2002, sejumlah RM1.76 juta cukai taksiran yang tertunggak melibatkan cukai semasa RM0.68 juta dan tahun sebelumnya RM1.08 juta. Analisis Audit terhadap tunggakan cukai ini mendapati sejumlah RM0.45 juta atau 26% daripada RM1.76 juta adalah merupakan tunggakan cukai taksiran yang tidak dijelaskan antara 3 hingga 21 tahun dengan jumlah tunggakan melebihi RM2,500 setiap pegangan. Sejumlah RM0.14 juta adalah melibatkan 35 pegangan di kawasan Bandar Raub. Manakala selebihnya RM0.31 juta daripada 63 pemilik pegangan di kawasan Bukit Fraser. Selain itu, sejumlah RM0.33 juta pula adalah merupakan tunggakan cukai taksiran bagi tahun 1999 hingga 2002 yang melibatkan sebuah Agensi Kerajaan Negeri.
  
- ii) Mengikut maklum balas, Majlis telah menjalankan beberapa usaha untuk memungut hasil cukai taksiran antaranya dengan mengeluarkan notis, kunjungan ke premis pemilik pegangan dan juga memberi peluang kepada pemilik membayar secara ansuran. Dengan usaha itu, setakat ini 1,108 premis telah dilawati melibatkan tunggakan sejumlah RM562,440. Hasilnya, sejumlah RM131,021 tunggakan daripada 321 pemilik pegangan telah dijelaskan dan 27 lagi menjelaskan secara ansuran bulanan sejumlah RM12,189. Baki 787 pegangan lagi belum memberi sebarang maklum balas kepada pihak Majlis.

#### **55.2.7 Tunggakan Sewaan**

Pada akhir bulan November 2002, sejumlah RM53,835 merupakan baki tunggakan sewaan daripada 214 penyewa bangunan dan gerai Majlis. Jumlah tersebut tidak termasuk tunggakan 8 penyewa yang dalam tindakan peguam sejumlah RM86,463 dan 48 penyewa lagi dengan tunggakan sejumlah RM22,355 yang akan dibatalkan perjanjian sewa kerana telah berhenti menyewa dan tidak dapat dihubungi. Sebaliknya 124

gerai Majlis didapati tidak disewakan sejak 6 bulan hingga kepada 311 bulan menyebabkan kehilangan hasil sewa sejumlah RM318,175. Majlis menjelaskan keadaan ini berlaku disebabkan kewujudan pasar malam di sekitar Raub yang menyebabkan kurang sambutan daripada peniaga untuk menyewa gerai berkenaan.

#### **55.2.8 Sistem Hasil Berkomputer**

Sistem Hasil Berkomputer dikenali sebagai Sistem Intergrasi Majlis telah dibangunkan oleh sebuah syarikat swasta pada tahun 2001 bertujuan menggantikan sistem manual kepada sistem berasaskan *ICT*. Sistem ini telah dibangunkan di 8 Majlis Daerah di Negeri Pahang. Semakan Audit pada bulan November 2002 mendapati semua aplikasi dalam sistem tersebut tidak dapat berfungsi dengan baik menyebabkan sistem cukai taksiran, lesen dan sewa tidak mengeluarkan laporan yang tepat. Antara punca kegagalan sistem berkenaan ialah sistem yang dipasang tidak diuji sepenuhnya oleh Majlis. Akibat dari itu, urusan kewangan Majlis seperti kemasukan ke Buku Tunai dan Lejar Individu pembayar cukai terpaksa dibuat secara manual.

**Pada pandangan Audit, Majlis perlu memperkemaskan sistem kutipan hasil terutama mengenai sistem pungutan cukai, sewaan dan pelesenan secara berkomputer. Rekod perakaunan seperti Lejar, Buku Tunai dan laporan berkaitan sepatutnya boleh dikeluarkan terus oleh sistem berkomputer tanpa perlu bergantung kepada sistem manual.**

### **55.3 KAWALAN PERBELANJAAN**

#### **55.3.1 Perbelanjaan Mengurus**

Pada tahun 2002, Majlis telah membelanjakan sejumlah RM5.89 juta. Selain daripada RM2.97 juta bayaran emolumen, sejumlah RM1.97 juta adalah bayaran perkhidmatan iktisas dan hospitaliti. Manakala selebihnya RM0.95 juta untuk bayaran

perjalanan dan pengangkutan, perhubungan dan utiliti, bekalan bahan mentah dan perbelanjaan lain. Semakan Audit terhadap pengurusan dan kawalan perbelanjaan mengurus Majlis mendapati perkara berikut :

**i) Kuasa Meluluskan Pembayaran**

Pegawai yang terlibat dengan urusan kewangan telah diberi kuasa secara bertulis tentang bidang kuasa dan tanggungjawab masing-masing. Antara penurunan kuasa yang dibuat secara bertulis ialah mengenai menandatangani cek, baucar bayaran dan pesanan tempatan.

**ii) Buku Vot**

Majlis telah menyediakan Buku Vot secara manual dengan lengkap dan kemas kini. Buku Vot diselenggara dengan sempurna dan disemak oleh pegawai bertanggungjawab selaras dengan kehendak Arahan Perbendaharaan 95 dan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 8 Tahun 1987. Tidak ada perbelanjaan yang dilakukan melebihi peruntukan. Semua tanggungan telah dicatatkan dengan lengkap dan kemas kini ke dalam Buku Vot. Begitu juga dengan waran peruntukan.

**iii) Kawalan Perolehan**

**a) Sebut Harga**

Pada tahun 2002, terdapat 8 sebut harga telah dipanggil. Adalah didapati sebut harga dibuat mengikut peraturan tanpa melampaui had kewangan yang ditetapkan. Rekod sebut harga juga diselenggara dengan lengkap mengenai pertimbangan dan keputusan sebut harga yang dibuat. Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga dan Jawatankuasa Pemilihan Sebut Harga diwujudkan sebagaimana kehendak Arahan Perbendaharaan 197.1 dan 170.3(a).

**b) Tender**

Bagi projek melebihi RM200,000 dilakukan secara tender terbuka. Semakan Audit mendapati pada tahun 2002 terdapat 3 projek pembangunan Majlis dibuat tawaran secara tender terbuka. Semakan terhadap Daftar Tender mendapati daftar tersebut telah diselenggara dengan teratur dan kemas kini. Selain itu Jawatankuasa Pembuka Tender telah juga dilantik.

**c) Pesanan Tempatan**

Hasil semakan Audit terhadap Pesanan Tempatan yang dikeluarkan pada bulan November 2002 didapati telah digunakan dengan teratur untuk membuat perolehan yang tidak mempunyai kontrak formal. Pesanan Tempatan telah diisi dengan lengkap dan ditandatangani oleh pegawai yang diberi kuasa sebelum dikeluarkan dan direkod ke dalam Buku Vot. Selain itu, Pesanan Tempatan yang belum diguna juga disimpan di tempat yang selamat.

**iv) Daftar Bil**

Semakan Audit terhadap Daftar Bil melibatkan urus niaga tahun 2002 mendapati daftar tersebut telah diselenggara dengan lengkap dan kemas kini seperti kehendak Arahan Perbendaharaan 103(b). Daripada maklumat yang dicatatkan didapati semua bil dibayar dalam tempoh 30 hari.

**v) Daftar Pembayaran**

Majlis menyelenggara daftar pembayaran dengan lengkap dan kemas kini. Semakan Audit terhadap baucar bayaran bulan Oktober dan November 2002 mendapati tidak ada kes pembayaran yang tidak direkodkan. Pembayaran telah dilakukan sewajarnya berdasarkan peruntukan kewangan yang

diluluskan dan disokong dengan bukti pembayaran yang mencukupi.

### **55.3.2 Perbelanjaan Pembangunan**

Selain dari peruntukan sejumlah RM0.38 juta daripada sumber sendiri, Majlis juga memperoleh peruntukan pembangunan daripada Kerajaan Persekutuan dan Negeri sejumlah RM3.54 juta bagi membiayai projek pembangunan di kawasan Majlis pada tahun 2002. Projek pembangunan tersebut merupakan projek untuk kemudahan awam seperti balai raya, gerai, dataran, padang, dewan, menaik taraf tapak pelupusan sisa pepejal dan jalan serta sistem trafik dalam kawasan Majlis.

Semakan Audit mendapati bayaran kemajuan projek dibuat dengan teratur mengikut masa yang sepatutnya dan baucar bayaran disokong sewajarnya. Majlis hanya melantik kontraktor yang telah berdaftar dengan Majlis sahaja untuk menjalankan kerja kontrak di bawah penyeliaan Majlis. Daftar kontraktor ini telah diselenggara dengan kemas kini dan lengkap dengan nama syarikat, alamat, lesen perniagaan dan kelas kontraktor.

**Pada pendapat Audit, kawalan perbelanjaan mengurus dan pembangunan Majlis adalah memuaskan. Aspek penting kawalan perbelanjaan seperti penyelenggaraan Buku Vot, penggunaan Pesanan Tempatan dan urusan perolehan sama ada secara pembelian terus, sebut harga atau tender telah dilaksanakan dengan teratur. Selain itu, bil direkod dan dijelaskan dengan segera dan daftar pembayaran diselenggara dengan kemas kini.**

## **55.4 PENGURUSAN PELABURAN**

Majlis hanya mempunyai pelaburan Al-Mudharabah di institusi kewangan yang diluluskan. Pada tahun 2002, tidak ada tambahan pelaburan dibuat oleh Majlis, bagaimanapun sejumlah RM0.92 juta telah dicairkan pada bulan Disember 2002. Pada akhir tahun 2002, pelaburan Majlis adalah sejumlah RM0.65 juta. Semakan Audit mendapati perkara berikut :

### **55.4.1 Kelulusan Pelaburan**

Pelaburan tersebut telah dirujuk dan diluluskan oleh Mesyuarat Ahli Majlis.

### **55.4.2 Rekod Dan Daftar Pelaburan**

Rekod mengenai pelaburan ada diselenggarakan oleh Majlis dan sijil pelaburan yang telah matang juga diperbaharui serta disimpan dengan selamat.

**Pada pendapat Audit, pengurusan pelaburan Majlis adalah memuaskan. Rekod dan Daftar Pelaburan diselenggara dengan lengkap serta sijil pelaburan disimpan dengan selamat.**

## **55.5 PENGURUSAN PINJAMAN**

Majlis tidak memperoleh pinjaman selain pinjaman tanpa faedah daripada Kerajaan Negeri sejumlah RM0.22 juta yang diterima pada bulan Jun 2000. Tujuan pinjaman ini adalah untuk digunakan bagi maksud pembiayaan keperluan bagi menangani masalah Y2K sistem komputer Majlis. Semakan Audit mendapati perkara berikut :

#### **55.5.1 Kelulusan Pinjaman**

Pinjaman telah diluluskan oleh Mesyuarat Majlis dan Pihak Berkuasa Negeri.

#### **55.5.2 Perjanjian Dan Jadual Bayaran Balik**

Perjanjian antara Majlis dengan Kerajaan Negeri Pahang mengenai pinjaman tersebut telah dimeterai pada bulan Jun 2000. Tempoh pinjaman adalah selama 7 tahun dengan 2 tahun tempoh pertangguhan dan 5 tahun lagi bagi tempoh bayaran balik. Mengikut jadual bayaran balik yang dipersetujui, tarikh bayaran balik mula berkuat kuasa pada bulan Jun 2003 dengan 5 kali bayaran.

#### **55.5.3 Rekod/Daftar Pinjaman**

Majlis juga telah menyelenggara daftar pinjaman dengan lengkap dan teratur. Maklumat mengenai pemberi pinjaman, tarikh perjanjian, amaun, maksud pinjaman, tempoh pinjaman dan jadual bayaran balik telah direkod dengan baik.

**Pada pendapat Audit, pengurusan pinjaman Majlis adalah memuaskan kerana pinjaman yang diterima telah mendapat kelulusan Pihak Berkuasa Negeri. Selain itu, perjanjian pinjaman telah dimeterai dan rekod mengenainya juga telah diselenggara dengan lengkap dan teratur.**

### **55.6 PENGURUSAN DEPOSIT DAN AKAUN AMANAH**

Pada bulan Oktober 2002, sejumlah RM0.45 juta masih dipegang oleh Majlis sebagai deposit yang melibatkan 2,288 pendeposit. Deposit yang diterima adalah untuk cagaran sewaan, binaan bangunan, kebersihan dan sebagainya. Selain itu, Majlis juga mewujudkan wang amanah pinjaman kenderaan dan komputer. Semakan Audit mendapati perkara berikut :

### **55.6.1 Pengurusan Deposit**

Majlis ada menyediakan senarai baki deposit individu tetapi tidak bersamaan dengan jumlah yang ditunjukkan dalam akaun kawalan deposit. Adalah didapati Majlis tidak dapat menentukan deposit yang tidak aktif dan pegawai yang bertanggungjawab tidak menjalankan semakan terhadap akaun deposit.

### **55.6.2 Pengurusan Pinjaman Kenderaan Dan Komputer**

Adalah didapati Daftar pinjaman kenderaan dan komputer diselenggarakan dengan baik dan teratur. Daftar itu juga telah disemak oleh pegawai yang bertanggungjawab. Selain itu, senarai individu peminjam juga disediakan dengan baik oleh Majlis.

**Pada pendapat Audit, pengurusan deposit Majlis adalah kurang memuaskan. Daftar Deposit hendaklah dikemaskinikan supaya selaras dengan akaun kawalan. Begitu juga, bagi deposit yang tidak aktif hendaklah diambil tindakan.**

## **55.7 PENGURUSAN ASET**

Sehingga akhir tahun 2002, aset yang dimiliki Majlis adalah dianggarkan bernilai RM4.94 juta iaitu terdiri daripada tanah, bangunan, kenderaan dan kelengkapan pejabat. Pada tahun 2002, Majlis telah membuat perolehan aset dan inventori sejumlah RM39,338. Majlis juga memperoleh sebuah lori lengkap dengan *sky lift* bernilai RM138,800 daripada Kerajaan Persekutuan. Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1991, aset yang diperoleh hendaklah dikawal dan direkodkan dengan sempurna. Semua penyelenggaraan dan pergerakan harta modal juga hendaklah direkodkan dalam daftar yang telah ditetapkan.

#### **55.7.1 Daftar Aset Dan Inventori**

Semakan Audit mendapati perolehan aset khususnya pada tahun 2002 telah direkodkan dalam Daftar Aset dan Inventori dengan lengkap. Pemeriksaan tahunan secara fizikal terhadap aset ada dilaksanakan. Tarikh akhir pemeriksaan dilakukan ialah pada akhir tahun 2001.

#### **55.7.2 Pengurusan Kenderaan Dan Buku Log**

Buku Log bagi kesemua 22 buah kenderaan Majlis yang terdiri daripada lori 12 buah, kenderaan pacuan empat roda 2 buah, kereta 4 buah dan van 4 buah telah direkod dan diselenggara dengan baik. Semakan Audit mendapati beberapa perkara berikut:

- i) Pegawai yang menggunakan kenderaan mengesahkan penggunaan kenderaan dan menandatangani di ruangan yang disediakan.
- ii) Penggunaan bahan api telah dipantau pada setiap akhir bulan.
- iii) Pegawai yang diberi kuasa telah memeriksa Buku Log setiap bulan.

#### **55.7.3 Pelupusan**

Jawatankuasa Pelupusan Aset telah ditubuhkan. Pada tahun 2002, Jawatankuasa tersebut telah bersidang sekali pada bulan Mac 2002 bagi melupuskan aset dan inventori Rumah Rehat Raub yang rosak dan tidak boleh digunakan. Bagaimanapun, masih ada 6 buah kenderaan yang terdiri daripada 2 kenderaan pacuan empat roda, dua buah kereta wagon dan masing-masing sebuah van dan bas mini belum dilupuskan walaupun Sijil Tidak Ekonomi Dibaiki telah diperoleh sejak bulan Jun 2002.

#### **55.7.4 Kenderaan Diambil Alih Oleh Alam Flora**

Berikutan perjanjian penswastaan sisa pepejal antara Majlis dengan Alam Flora Sdn. Bhd. pada tahun 1998, terdapat 10 buah lori telah diserahkan kepada Alam Flora. Sehingga tarikh laporan ini, proses pemindahan hak milik kenderaan terbabit belum disempurnakan kerana kaedah pembayaran oleh syarikat berkenaan belum lagi diputuskan.

#### **55.7.5 Hak Milik Dan *Tagging***

Adalah didapati 22 buah kenderaan Majlis terdiri daripada lori, kereta dan van didaftarkan sebagai hak milik Majlis. Begitu juga didapati nombor siri pendaftaran (*tagging*) bagi aset lain ada dibuat.

#### **55.7.6 Penyimpanan Dan Penyelenggaraan**

Lokasi aset disimpan ada dinyatakan dalam daftar. Rekod mengenai pegawai yang bertanggungjawab ke atas aset dan inventori Majlis di setiap unit telah ditetapkan. Kenderaan juga disimpan di tempat yang selamat.

**Pada pandangan Audit, Majlis telah mengurus aset dengan memuaskan. Majlis sedang mengambil tindakan sewajarnya terhadap aset yang belum dilupuskan dan urusan pindah hak milik kenderaan yang belum selesai.**

## **56. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT**

Pada keseluruhannya, pengurusan kewangan Majlis Daerah Raub adalah memuaskan. Masalah sistem berkomputer bagi pengurusan hasil seperti cukai taksiran, sewa dan pelesenan patut diselesaikan dengan segera supaya rekod perakaunan seperti Lejar dan Buku Tunai tidak lagi dikendalikan secara manual. Selain itu, Majlis perlu mengatur strategi bagi mengurangkan tunggakan cukai taksiran dan meningkatkan pungutan bagi sewaan gerai serta mengemaskinikan Daftar Deposit.

## MAJLIS DAERAH MARAN

### PROJEK PEMBANGUNAN BANDAR BARU SUNGAI JERIK

#### 57. LATAR BELAKANG

- 57.1** Majlis Daerah Maran (Majlis) ditubuhkan pada bulan Julai 1988 di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976. Fungsi utamanya adalah untuk meningkatkan sosio-ekonomi penduduk di dalam kawasan pentadbiran Majlis seluas 51,267 km persegi melalui peningkatan mutu perkhidmatan, perancangan dan pengawalan mengikut keperluan semasa bersesuaian dengan dasar yang digubal Kerajaan.
- 57.2** Projek membangunkan bandar baru di Sungai Jerik diusahakan oleh Majlis secara usaha sama dengan syarikat swasta melibatkan kawasan seluas 19 ekar dengan nilai kos projek sejumlah RM13.75 juta. Projek bandar baru ini terletak kira-kira 40 km dari bandar Maran melalui jalan Maran ke Jerantut. Projek ini mula dirancang pada tahun 1993 dengan tujuan untuk membangunkan kawasan bandar baru bagi menggantikan pekan lama Sungai Jerik yang tidak teratur dan tidak tersusun kerana bangunan kedai kayu yang dibina atas rizab jalan utama antara Jerantut dan Maran. Selain itu, projek ini akan membuka peluang kepada Bumiputera melibatkan diri dalam sektor perniagaan di kawasan bandar.
- 57.3** Perjanjian asal dimeterai pada bulan Ogos 1994 dan perjanjian tambahan pula pada bulan Ogos 1999 bagi memasukkan syarat tambahan. Projek berkonsepkan pembukaan bandar baru ini mengandungi 88 unit kedai/pejabat, 17 unit gerai, terminal bas dan teksi, dewan orang ramai, tadika, tandas awam, padang golf 9 lubang, padang bola sepak dan gelanggang bola keranjang. Tarikh jangkaan projek disiapkan ialah pada bulan Jun 1997.

## **58. OBJEKTIF PENGAUDITAN**

Objektif pengauditan adalah untuk menentukan sama ada pembangunan bandar baru Sungai Jerik dirancang dan dilaksanakan dengan sempurna serta mencapai matlamatnya.

## **59. SKOP DAN KAEDAH PENGAUDITAN**

**59.1** Skop pengauditan meliputi tempoh mulai tarikh projek mula dirancang pada tahun 1993 hingga ke tarikh pengauditan. Pengauditan melibatkan perancangan, pelaksanaan projek dan pemantauan serta pengurusan aset yang diperolehi Majlis termasuk komponen projek membabitkan penglibatan Bumiputera dalam sektor perniagaan di kawasan projek.

**59.2** Pengauditan yang dijalankan adalah berasaskan penyemakan dokumen seperti kertas cadangan, minit mesyuarat, perjanjian, fail serta rekod lain yang berkaitan di Majlis dan Pejabat Daerah dan Tanah Maran. Temu bual dengan pegawai, orang ramai di kawasan bandar baru Sungai Jerik, maklumat dari syarikat pemaju dan lawatan ke lokasi projek juga dibuat.

## **60. PENEMUAN AUDIT**

### **60.1 PERANCANGAN**

Projek membangunkan bandar baru di Sungai Jerik mula dirancang oleh Majlis pada akhir tahun 1993. Projek ini tercetus apabila pelan cadangan penyusunan semula Pusat Perkhidmatan Sungai Jerik secara terancang di atas tanah seluas 150 ekar pada mulanya dibuat oleh Jabatan Perancang Bandar dan Desa Negeri Pahang. Majlis seterusnya dipertanggungjawabkan oleh Pihak Berkuasa Negeri supaya membangunkan bandar baru melibatkan bangunan perniagaan serta kemudahan awam dalam kawasan seluas 19 ekar manakala kawasan selebihnya adalah di bawah pengurusan Pejabat Daerah dan Tanah Maran yang membangunkan Rancangan Tanah Kelompok. Semakan Audit terhadap perancangan yang dibuat oleh Majlis

mendapati perkara berikut telah diambil kira sewajarnya.

#### **60.1.1 Matlamat Projek**

Objektif projek ini ialah untuk membangunkan sebuah bandar baru yang lengkap dengan kemudahan awam dan boleh membuka peluang bumiputera melibatkan diri di dalam sektor perniagaan di kawasan bandar. Adalah didapati bahawa pelaksanaan projek ini mendapat kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan pada bulan Jun 1994.

#### **60.1.2 Konsep Projek**

Projek ini berkonsepkan pembangunan bandar baru melibatkan pembinaan kedai/pejabat, gerai dan kemudahan awam seperti terminal bas dan teksi, tandas awam, dewan, gelanggang bola keranjang, bangunan tadika, padang bola sepak dan padang golf.

#### **60.1.3 Kaedah Pelaksanaan**

Majlis mencadangkan projek tersebut akan dilaksanakan secara usaha sama antara Majlis dengan syarikat pemaju. Keputusan Mesyuarat Penuh Ahli Majlis telah diperolehi pada bulan Disember 1994.

#### **60.1.4 Anggaran Kos Projek**

Majlis akan menyediakan tanah tapak projek seluas 19 ekar sebaik mendapat kelulusan hak milik daripada pihak Kerajaan Negeri. Manakala syarikat pemaju akan membiayai sepenuhnya kos projek termasuk pembinaan bangunan kemudahan awam yang ditetapkan dianggarkan keseluruhannya sejumlah RM13.75 juta. Butiran seperti di **Jadual 26** berikut :

**Jadual 26**  
**Komponen Projek Dan Kos**

<b>Bil.</b>	<b>Projek</b>	<b>Unit</b>	<b>Kos [RM]</b>
1.	Kedai/Pejabat	88	11,000,000
2.	Terminal Bas Dan Teksi Serta Tandas Awam	1	178,000
3.	Gerai Peniaga	17	170,000
4.	Dewan Orang Ramai	1	360,000
5.	Gelanggang Bola Keranjang	1	30,000
6.	Bangunan Tadika	1	120,000
7.	Padang Bola Sepak	1	20,000
8.	Padang Golf 9 Lubang	1	1,154,850
9.	<i>Box Culvert</i>	1	136,500
10.	<i>Electrical Lighting Post</i>		60,000
11.	<i>Earthwork</i>		100,000
12.	<i>Water Reticulation</i>		50,000
13.	Jalan		250,000
14.	<i>Drainage Work</i>		120,650
<b>Jumlah</b>			<b>13,750,000</b>

**Sumber : Majlis Daerah Maran**

**60.1.5** Bagaimanapun, pengauditan juga mendapati beberapa perkara berikut tidak diambil kira dalam perancangan Majlis :

**i) Perancangan Luar Jangka**

Adalah didapati Majlis tidak ada merangka suatu perancangan luar jangka terhadap keadaan berikut :

- a) Tindakan pilihan sekiranya syarikat pemaju gagal melaksanakan komponen projek dengan jayanya.
- b) Jangkaan sambutan kalangan Bumiputera untuk membeli bangunan kedai/pejabat.
- c) Penggunaan terhadap kemudahan awam yang disediakan.

## **ii) Penilaian Harga Tanah**

Majlis juga tidak membuat penilaian untuk menentukan harga pasaran tanah pada masa projek dirancang.

**Pada pandangan Audit, Majlis telah mengambil kira sebahagian besar perkara asas dalam perancangan projek pembangunan bandar baru di Sungai Jerik kecuali soal penilaian harga tanah bagi dipadankan dengan balasan yang diterima dan perkara luar jangka yang boleh menghalang kejayaan projek.**

## **60.2 PELAKSANAAN**

Projek membangunkan bandar baru di Sungai Jerik dilaksanakan secara usaha sama antara Majlis dengan syarikat pemaju yang dilantik pada bulan Disember 1994 oleh Mesyuarat Penuh Ahli Majlis. Perjanjian antara kedua pihak telah dimeterai pada bulan Ogos 1994. Manakala perjanjian tambahan yang memasukkan syarat tambahan ditandatangani pada bulan Ogos 1999. Syarikat pemaju tersebut telah memulakan kerja tanah pada bulan September 1994 manakala kerja pembinaan dimulakan bulan Mac 1995. Setakat ini, syarikat pemaju telah menyiapkan sepenuhnya 88 lot bangunan kedai/pejabat, terminal bas dan teksi dan 17 unit gerai. Walaupun masih ada komponen projek lain yang belum disiapkan, syarikat pemaju telah pun memberhentikan operasi pelaksanaan projek tersebut. Hasil semakan Audit terhadap pelaksanaan aktiviti ini beberapa perkara ditemui seperti berikut :

### **60.2.1 Pemilihan Tapak**

Adalah didapati pemilihan tapak diputuskan oleh Pihak Berkuasa Negeri berdasarkan Cadangan Penyusunan Semula Pusat Perkhidmatan Sungai Jerik yang dikeluarkan oleh pihak Jabatan Perancang Bandar dan Desa Negeri. Hanya tapak lot kedai/pejabat dan gerai seluas 6,140 meter persegi yang merupakan tanah Negeri telah dipindah milik kepada pihak Majlis sebelum tanah tersebut dimajukan. Sementara itu, tapak bagi komponen lain dibangunkan tanpa hak milik dipindahkan kepada Majlis oleh sebab projek terlibat

adalah untuk kegunaan awam. Kedudukan tapak projek hanya kira-kira 1 kilometer dari kawasan pekan lama Sungai Jerik dan 40 kilometer dari Bandar Maran.

**Pada pandangan Audit, pemilihan tapak adalah sesuai kerana berdekatan dengan kawasan pekan lama Sungai Jerik dan Bandar Maran.**

#### **60.2.2 Proses Pemilihan Pemaju**

Pemilihan syarikat pemaju telah dibuat secara tender terbuka. Mengikut rekod Majlis, adalah didapati 3 syarikat pemaju telah membuat tawaran untuk melaksanakan projek ini secara usaha sama dengan Majlis. Pada bulan Mac 1994, Jawatankuasa Kewangan dan Perkara Am telah memutuskan untuk memilih penender pertama berdasarkan asas tawaran seperti di **Jadual 27**. Keputusan tersebut telah diperakukan oleh Mesyuarat Penuh Ahli Majlis pada bulan Disember 1994. Walaupun begitu, kriteria sebenar pemilihan yang diguna pakai semasa penilaian tersebut tidak dapat ditentukan kerana dokumen lengkap mengenainya tidak dapat disemak. Bagaimanapun, adalah didapati syarikat yang dipilih sebagai pemaju bagi projek ini hanya mempunyai modal berbayar sejumlah RM250,000 sahaja berbanding dengan kos projek yang akan dimajukan sejumlah RM13.75 juta.

## Jadual 27

### Tawaran Syarikat Pemaju Diterima Oleh Majlis

Bil.	Pemaju	Tawaran Pemaju
1.	Tawaran Pertama	<ul style="list-style-type: none"><li>▪ Saiz Kedai 20'X60'</li><li>▪ Harga Jualan RM125,000 Setiap Unit</li><li>▪ Tawaran Kepada Majlis 25%</li></ul>
2.	Tawaran Kedua	<ul style="list-style-type: none"><li>▪ Saiz Kedai 20'X50'</li><li>▪ Harga Jualan RM139,000 Setiap Unit</li><li>▪ Tawaran Kepada Majlis 20%</li></ul>
3.	Tawaran Ketiga	<ul style="list-style-type: none"><li>▪ Saiz Kedai 20'X60'</li><li>▪ Harga Jualan RM125,000 Setiap Unit</li><li>▪ Tawaran Kepada Majlis 25%</li></ul>

Sumber : *Majlis Daerah Maran*

**Pada pendapat Audit, proses pemilihan pemaju secara tender adalah mengikut prosedur yang ditetapkan. Walau bagaimanapun, pihak Audit tidak dapat memberi pandangan mengenai kriteria pemilihan pemaju kerana dokumen berkaitan tidak dikemukakan untuk semakan Audit.**

#### 60.2.3 Syarat Perjanjian

- i) Pada bulan Ogos 1994, perjanjian di antara Majlis dengan syarikat terbabit telah dimeterai. Semakan Audit terhadap syarat perjanjian tersebut mendapati perkara berikut :
  - a) Butiran perjanjian telah disemak oleh Panel Peguam Majlis sebelum ditandatangani oleh pihak Majlis. Bagaimanapun ianya tidak dirujuk kepada Pejabat Penasihat Undang-undang Negeri untuk ulasan.
  - b) Balasan kepada Majlis dinyatakan secara khusus melibatkan unit kedai/pejabat dan beberapa kemudahan awam.
  - c) Syarikat pemaju juga dikehendaki menyerahkan deposit sejumlah RM100,000 dalam bentuk jaminan bank dan insurans perlindungan sepanjang tempoh pelaksanaan projek dan tanggungan kecacatan.

- d) Denda lewat akan dikenakan atas kadar RM500 sehari jika pemaju gagal menyiapkan projek pada tarikh yang ditetapkan iaitu bulan Jun 1997.
- e) Kuota 25% daripada bilangan unit kedai/pejabat yang dibina dikhaskan untuk bumiputera dengan diskaun 5% atas harga jualan.

**Pada pandangan Audit, syarat perjanjian yang ditetapkan adalah jelas dan wajar dalam menjaga kepentingan Majlis. Adalah wajar butiran perjanjian tersebut dirujuk ke Pejabat Penasihat Undang-undang Negeri untuk ulasan sebelum dimeterai.**

**ii) Pematuhan Syarat Perjanjian**

Semakan Audit terhadap pematuhan syarat perjanjian tersebut mendapati sebahagian besar syarat yang dipersetujui tidak dipatuhi sepenuhnya oleh syarikat pemaju.

- a) Adalah didapati 4 daripada 9 komponen projek yang dipersetujui dibina oleh pemaju tidak dilaksanakan dan kesemuanya melibatkan komponen balasan kepada Majlis. Komponen projek berkaitan adalah dewan orang ramai, gelanggang bola keranjang, bangunan tadika dan padang bola sepak.
- b) Adalah didapati deposit pelaksanaan dan polisi insurans perlindungan tidak diserahkan oleh pemaju dan tidak ada apa tindakan diambil oleh Majlis mengenainya.
- c) Syarikat pemaju juga didapati gagal menyiapkan projek mengikut tempoh yang ditetapkan. Kelewatan selama lebih 5 tahun ini bagaimanapun tidak dikenakan sebarang denda lewat oleh pihak Majlis.

### iii) Kuota Bumiputera

a) Seperti ditetapkan dalam perjanjian, kuota 25% atau 22 unit kedai/pejabat hendaklah dikhaskan untuk Bumiputera. Adalah didapati kuota tersebut telah dipatuhi. Bagaimanapun, sebanyak 22 lot kedai yang diperuntukkan kepada Bumiputera tersebut 12 daripadanya telah dijual kepada bukan Bumiputera sementara 10 lot lagi dibeli oleh Majlis sendiri dengan harga RM125,000 seunit (selepas potongan 5%). Majlis telah meminjam sejumlah RM1 juta daripada institusi kewangan dengan kebenaran Pihak Berkuasa Negeri dan selebihnya sejumlah RM250,000 daripada wang Majlis sendiri. Walaupun begitu, daripada 10 lot yang dibeli oleh Majlis, sebanyak 5 lot telah dijual kepada pembeli bukan Bumiputera dengan harga RM132,000 seunit. Manakala 3 lot lagi belum dijual dan 2 daripadanya disewakan.

b) Semakan Audit mendapati pembelian 10 lot kedai Bumiputera oleh Majlis dengan pinjaman sejumlah RM1 juta tidak menguntungkan Majlis atas sebab berikut :

- Tiga unit masih tidak dapat dijual sehingga kini (melebihi 5 tahun). Sementara 2 unit yang disewa, satu daripadanya kadar sewa tidak berpatutan.
- Keuntungan hasil jualan 5 unit sejumlah RM35,000 (RM7,000 seunit) tidak sepadan dengan faedah pinjaman yang ditanggung oleh Majlis sejumlah RM659,840 atau RM5,499 sebulan. Selain itu, Majlis juga menghadapi masalah mendapat kelulusan untuk menukar hak milik bagi 5 unit yang dijual kepada bukan Bumiputera.
- Selain itu, Majlis telah terlebih bayar sejumlah RM562,500 kepada syarikat pemaju atas pembelian

10 lot berkenaan. Lebihan tersebut sehingga kini belum lagi diperoleh balik.

**Pada pendapat Audit, kegagalan Majlis menguatkuasakan syarat-syarat perjanjian telah mengakibatkan kepentingan Majlis terjejas. Oleh itu, Majlis perlu merujuk kepada Penasihat Undang-undang Negeri untuk mendapat pandangan akan tindakan yang boleh diambil.**

#### 60.2.4 Prestasi Pelaksanaan Projek

- i) Setakat bulan Disember 2002, mengikut laporan kemajuan kerja syarikat dan minit mesyuarat Majlis, prestasi projek adalah seperti di **Jadual 28** berikut :

**Jadual 28**  
**Prestasi Projek Pada Akhir Tahun 2002**

<b>Bil.</b>	<b>Komponen Projek</b>	<b>Bil. [Unit]</b>	<b>Peratus Siap (%)</b>
1.	Kedai/Pejabat	88	100
2.	Terminal Bas dan Teksi	1	100
3.	Tandas Awam	1	100
4.	Gerai Peniaga	17	100
5.	Dewan Orang Ramai	1	20
6.	Gelanggang Bola Keranjang	1	-
7.	Bangunan Tadika	1	80
8.	Padang Bola Sepak	1	-
9.	Padang Golf 9 Lubang	1	-

**Sumber : Majlis Daerah Maran**

- ii) Lawatan Audit ke lokasi projek pada bulan Oktober dan Disember 2002 mengesahkan mengenai kedudukan tersebut. Empat komponen projek iaitu 88 bangunan kedai/pejabat, terminal bas dan teksi, satu unit tandas awam dan 17 unit gerai telah disiapkan 100% dan telah digunakan

kecuali terminal bas dan teksi kerana perkhidmatan bas dan teksi belum beroperasi di kawasan berkenaan. Bagaimanapun, beberapa komponen projek iaitu dewan orang ramai dan bangunan tadika didapati gagal disiapkan sepenuhnya. Sementara gelanggang bola keranjang, padang bola sepak dan padang golf tidak dilaksanakan langsung. Gambar berikut menunjukkan bangunan Tadika yang gagal disiapkan sepenuhnya.

**Foto 7**  
**Bangunan Tadika Terbengkalai**



**Sumber :** *Fail Foto Jabatan Audit Negara*

**Tarikh :** *03 Oktober 2002*

**Pada pendapat Audit, prestasi projek ini adalah dalam keadaan sederhana sahaja kerana hanya 4 daripada 9 komponen projek yang dirancang telah disiapkan sepenuhnya.**

#### **60.2.5 Pembinaan Padang Golf**

Mengikut perjanjian, sebuah padang golf 9 lubang akan dibina oleh pemaju untuk diserahkan kepada Majlis. Bagaimanapun, semakan daripada minit mesyuarat Majlis mendapati bahawa pembinaan padang golf berkenaan telah diganti dengan pembinaan *driving range* di kawasan sekitar bandar Maran. Pada

masa ini kawasan *driving range* tersebut telah dijadikan kawasan padang golf 18 lubang bagi Daerah Maran. Pertukaran pembinaan padang golf kepada *driving range* ini dipersetujui oleh Majlis tanpa tambahan balasan lain daripada pemaju walaupun kos pembinaan antara kedua jauh berbeza.

**Pada pendapat Audit, pembinaan ‘*driving range*’ adalah di luar daripada syarat perjanjian. Majlis sepatutnya berhak mendapat gantirugi yang sewajarnya akibat kegagalan syarikat mematuhi syarat perjanjian.**

#### **60.2.6 Pencapaian Projek**

- i) Pembangunan bandar baru Sungai Jerik adalah bagi menggantikan pekan Sungai Jerik yang tidak teratur dan tersusun kerana bangunan kedai kayu dibina atas rizab jalan utama antara Maran dan Jerantut. Pada asasnya pembangunan projek ini mencapai matlamat dari segi mewujudkan bandar baru walaupun pembangunannya lewat 2 tahun disiapkan berbanding jangkaan sepatutnya pada bulan Jun 1997. Ini berdasarkan pembinaan komponen utama projek iaitu kedai/pejabat, gerai, tandas awam, terminal bas dan teksi berjaya disiapkan 100% oleh pemaju. Bagaimanapun, objektif kedua projek untuk memberi peluang kepada peniaga Bumiputera untuk turut serta nampaknya gagal mencapai matlamat yang diharapkan berikutan 22 unit kedai/pejabat yang dikhaskan untuk Bumiputera tidak dibeli oleh mereka.
- ii) Dari segi perancangan projek pula didapati soal keupayaan golongan Bumiputera untuk membeli unit kedai/pejabat yang dibangunkan pada harga yang dicadangkan tidak dihalusi secara mendalam. Selain itu, kesesuaian tempat berkenaan kepada golongan Bumiputera turut tidak diambil kira sewajarnya. Akibatnya kesemua kuota Bumiputera terpaksa dilepaskan dan 10 daripadanya terpaksa dibeli oleh Majlis.

**iii)** Dalam aspek pelaksanaan, soal pemilihan pemaju tidak dihalusi secara menyeluruh walaupun dibuat melalui kaedah tender. Memandangkan projek ini secara usaha sama yang mana sumber kewangan dibiayai sepenuhnya oleh pemaju dan Majlis hanya menyediakan tapak, maka adalah penting syarikat pemaju mempunyai kedudukan kewangan yang kukuh. Tinjauan Audit mendapati syarikat pemaju hanya mempunyai modal berbayar pada masa itu sejumlah RM250,000 sedangkan kos projek yang hendak dibiayai adalah RM13.75 juta. Kemampuan kewangan syarikat yang agak rendah ini menyebabkan syarikat pemaju gagal menyiapkan beberapa komponen projek yang dipersetujui.

**iv)** Sungguhpun pembangunan projek ini gagal mencapai sepenuhnya matlamat yang ditetapkan, beberapa faedah sampingan telah diperolehi sejak ianya dibuka kepada orang ramai pada tahun 1999. Adalah didapati beberapa projek oleh Agensi lain yang menyokong kepada pertumbuhan bandar baru Sungai Jerik dan penduduk setempat telah dibina. Antaranya adalah seperti berikut :

**a)** Pembinaan Klinik Desa Sungai Jerik oleh Kementerian Kesihatan.

**b)** Pelaksanaan Projek Rumah di Rancangan Tanah Kelompok oleh Pejabat Daerah Dan Tanah Maran.

**c)** Pasar Baru oleh Pejabat Daerah Dan Tanah Maran.

**d)** Pusat Bimbingan Kanak-kanak oleh Jabatan Perpaduan Negara.

- e) Selain itu dengan wujudnya unit kedai/pejabat baru, pungutan cukai taksiran telah meningkat daripada RM12,965 menjadi RM24,778 selepas projek ini siap pada tahun 1999.
  
- v) Keterangan bergambar antara pekan lama Sungai Jerik dan bandar baru semasa lawatan Audit seperti di **Foto 8** dan **Foto 9**.

**Foto 8**  
**Pekan Lama Sungai Jerik**



*Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negara  
Tarikh : 03 Oktober 2002*

**Foto 9**  
**Bandar Baru Sungai Jerik**



*Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negara*  
*Tarikh: 03 Oktober 2002*

Pada pandangan Audit, pelaksanaan projek tidak mengikut seperti dirancang. Hanya komponen utama projek iaitu pembinaan 88 unit kedai/pejabat yang disediakan sepenuhnya oleh pemaju. Sementara itu, sebahagian besar komponen balasan kepada Majlis tidak disediakan seperti yang dipersetujui.

### **60.3 PEMANTAUAN**

Pada awal perancangan projek sehingga tahun 1995 kemajuan dan prestasi projek ini dipantau oleh Jawatankuasa Kewangan dan Perkara Am. Mengikut rekod, pada tempoh tersebut 36 kali mesyuarat oleh Jawatankuasa ini telah diadakan. Jawatankuasa Teknikal Projek pula diwujudkan bagi meneliti sebarang permohonan pemaju jika ingin menukar atau mengubah bahan pembinaan semasa pelaksanaan projek. Bagaimanapun, kewujudan Jawatankuasa ini tidak dapat dipastikan kerana dokumen berkaitan dengannya tidak diperolehi. Mengikut Majlis, Jawatankuasa Teknikal Projek ini wujud sehingga bulan Jun 1996 dengan turut dianggotai oleh Juruperunding, Arkitek Projek dan Pembantu Teknik Majlis pada masa itu. Selepas bulan Jun 1996, projek ini dipantau pula oleh

Jawatankuasa Perancangan dan Teknikal Majlis yang terdiri daripada 20 orang Ahli Jawatankuasa antaranya termasuk wakil Agensi Kerajaan seperti Jabatan Kerja Raya, Jabatan Bekalan Air, Jabatan Pengairan dan Saliran di samping Ahli dan pegawai Majlis. Mulai bulan Julai 1996 hingga bulan Disember 2002 Jawatankuasa ini telah bermesyuarat sekurang-kurangnya 99 kali. Antara perkara yang dibincangkan oleh Jawatankuasa ini ialah mengenai perancangan dan pembangunan Majlis termasuk juga perkara berkaitan projek ini.

**Pada pandangan Audit, pemantauan projek ini tidak berkesan kerana beberapa Jawatankuasa yang diwujudkan tidak berupaya menyelesaikan masalah kegagalan pemaju menyiapkan beberapa komponen projek balasan kepada Majlis seperti yang dipersetujui.**

#### **61. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT**

Pelaksanaan projek pembangunan bandar baru Sungai Jerik ini boleh dijadikan panduan berguna kepada Majlis dalam melaksanakan projek secara usaha sama di masa hadapan dengan memberi perhatian khusus kepada perkara berikut :

- i) Pemilihan syarikat pemaju hendaklah dibuat dengan teliti dengan mengambil kira bukan sahaja pengalaman tetapi yang tidak kurang penting ialah kedudukan kewangan syarikat. Majlis seharusnya menentukan hanya syarikat yang mempunyai kewangan yang kukuh sahaja dipilih terutama sekali apabila sumber kewangan projek dibiayai sepenuhnya oleh syarikat.
- ii) Majlis perlulah memastikan bahawa bukan sahaja kuota Bumiputera yang perlu ditetapkan tetapi juga harus disertakan dengan strategi terperinci mengenainya termasuk soal kesesuaian dan kemampuan golongan bumiputera yang disasarkan.

- iii) Pemantauan Majlis harus lebih berkesan terutama dalam menentukan balasan kepada Majlis ditunaikan oleh pemaju seperti yang dipersetujui.
  
- iv) Dasar pembelian lot Bumiputera bagi menyelamatkan kuota Bumiputera patut mengambil kira untung rugi di pihak Majlis dan risiko jangka panjang berkaitan dengannya.

## **BAHAGIAN V**

### **KEDUDUKAN MASA KINI PERKARA YANG DIBANGKITKAN DALAM LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN LALU**

#### **62. PENDAHULUAN**

Bagi memastikan tindakan pembetulan diambil oleh Jabatan dan Agensi terhadap perkara yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara yang lalu, pemeriksaan susulan telah dijalankan di Jabatan dan Agensi berkenaan. Adalah didapati perkara yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara pada tahun 2000 dan sebelumnya telah pun diselesaikan. Sementara perkara yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara tahun 2001 masih dalam siasatan Jawatankuasa Kira-kira Wang Negeri Pahang. Dalam Bahagian ini hanya dilaporkan kedudukan masa kini perkara yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara tahun 2001.

#### **63. KEDUDUKAN MASA KINI PERKARA YANG DIBANGKITKAN DALAM LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2001**

##### **63.1 PEJABAT KEWANGAN DAN PERBENDAHARAAN NEGERI – PENGURUSAN KEWANGAN**

Hasil pemeriksaan pengurusan kewangan terhadap Perbendaharaan Negeri mendapati bahawa Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun belum diwujudkan sebagaimana kehendak Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1996. Selain itu, masalah cek tidak laku membabitkan 191 keping cek bernilai RM584,420 yang diterima oleh Pemungut Hasil telah dikembalikan oleh pihak bank atas pelbagai alasan dan 466 baucar tunai tahun 2001 bernilai RM1.97 juta masih belum dikembalikan ke Perbendaharaan Negeri. Begitu juga penyata penyesuaian bagi 12 daripada 136 Akaun Amanah dan Deposit tidak dikemukakan oleh Pegawai

Pengawal bagi menerangkan perbezaan baki di antara rekod Jabatan dengan rekod Perbendaharaan.

#### **Kedudukan Masa Kini**

Perbendaharaan Negeri telah mengambil tindakan menubuhkan Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun pada bulan Mac 2002 dan telah bermesyuarat 3 kali sepanjang tahun 2002. Untuk mengatasi berlaku cek tidak laku, Perbendaharaan Negeri mengeluarkan Surat Pekeliling Perbendaharaan Negeri Pahang Bil. 6 Tahun 2001 kepada pemungut untuk dipatuhi. Selain itu, tindakan mengemaskinikan rekod telah diambil terhadap semua baucar tunai yang perlu dikembalikan ke Perbendaharaan Negeri dan arahan kepada Pegawai Pengawal telah dikeluarkan dari semasa ke semasa. Bagi pengurusan Akaun Amanah dan Deposit pula, penyata penyesuaian bagi 12 akaun yang terlibat telah disediakan oleh Jabatan terbabit dan hanya 1 akaun di bawah kawalan Pejabat Daerah Dan Tanah Temerloh yang masih dalam tindakan.

### **63.2 JABATAN PERTANIAN NEGERI – PENGURUSAN KEWANGAN**

Pengurusan Kewangan Jabatan Pertanian Negeri Pahang pada keseluruhannya dilaporkan memuaskan kecuali mengenai 11 bil yang lewat dibayar antara 4 hingga 74 hari kerana lewat diterima daripada Pejabat peringkat daerah dan Sijil Tidak Ekonomi Dibaiki bagi 6 buah kenderaan pacuan 4 roda belum diterima daripada Jabatan Kerja Raya.

#### **Kedudukan Masa Kini**

Jabatan telah mengeluarkan Surat Pekeliling bertarikh 15 Januari 2002 kepada semua Pejabat Pertanian Daerah mengenai pembayaran bil dan penyelenggaraan Daftar Bil dengan menetapkan bil hendaklah dibayar dalam tempoh 1 bulan dari tarikh diterima. Jabatan juga telah mengambil tindakan mendapatkan Sijil Tidak Ekonomi Dibaiki bagi kenderaan tersebut dari Jabatan Kerja Raya Negeri Pahang Cawangan Kejuruteraan Mekanikal.

### **63.3 PEJABAT DAERAH DAN TANAH ROMPIN – PENGURUSAN KEWANGAN**

Pengauditan pengurusan kewangan di Pejabat Daerah dan Tanah Rompin mendapati dalam aspek kawalan pengurusan, Pejabat belum mengemaskinikan Fail Meja seperti proses kerja, senarai tugas dan norma kerja dan belum menubuhkan Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun sebagaimana yang dikehendaki Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1996. Dalam aspek kawalan hasil pula, Pejabat tidak memantau kegagalan 130 pemilik tanah menjelaskan cukai sehingga tertunggak melebihi RM1,000 seorang dengan jumlah tunggakan RM4.19 juta melibatkan tempoh 1 hingga 20 tahun. Begitu juga bayaran premium berjumlah RM330,285 gagal dijelaskan oleh Majlis Daerah Rompin terhadap sebuah projek usaha sama dengan syarikat swasta. Sementara itu, sebanyak 618 pelesen belum memohon memperbaharui Lesen Pendudukan Sementara yang telah luput antara 1 hingga 7 tahun. Beberapa kelemahan dalam pengurusan Akaun Amanah dan Deposit dan pengurusan aset juga telah dikenal pasti seperti berikut :

- Akaun Kawalan Deposit tidak diselenggarakan dengan kemas kini.
- Penyata Penyesuaian Deposit bagi bulan Januari hingga September 2001 tidak disediakan.
- Wujud perbezaan antara senarai baki deposit tahun 2000 dengan lejar. Beberapa deposit yang lain pula tidak diambil kira di dalam senarai tersebut.
- Sejumlah 524 deposit yang diterima sebelum tahun 1996 dan tidak aktif sejumlah RM1.13 juta.
- Daftar Harta Modal dan rekod penyelenggaraan kenderaan tidak direkodkan dengan kemas kini.

#### **Kedudukan Masa Kini**

Pejabat telah mengambil tindakan mengarahkan semua kakitangan mengemaskinikan Fail Meja masing-masing. Penyelenggaraan Daftar Harta Modal dan Inventori mengikut peraturan juga diambil tindakan positif dan

Buku Log kenderaan dikemas kini serta diperiksa setiap bulan. Pejabat juga telah menubuhkan Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun untuk memantau kewangan dan mengadakan mesyuarat pertama pada bulan Januari 2002 dan kedua pada bulan Februari 2002. Tindakan juga diambil untuk mengutip tunggakan cukai tanah dengan mengeluarkan bil cukai dan surat peringatan kepada pemilik berkaitan. Kesan dari itu, Majlis Daerah Rompin telah pun menjelaskan bayaran premium sejumlah RM330,285. Bagi pemilik Lesen Pendudukan Sementara yang tidak membaharui lesen mereka, pemeriksaan akan dijalankan bagi menentukan sama ada pelesen masih menduduki tanah atau sebaliknya. Mengenai Akaun Deposit yang tidak aktif, Jabatan telah mengambil tindakan mewartakan sejumlah RM1.11 juta melibatkan 495 pendeposit daripada sejumlah RM1.13 juta dengan 524 Akaun Deposit yang tidak aktif.

#### **63.4 JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT NEGERI PAHANG – PENGURUSAN KEWANGAN**

Beberapa kelemahan dalam pengurusan kewangan Jabatan dilaporkan pada tahun lalu. Antaranya melibatkan kawalan pengurusan mengenai Manual Prosedur Kerja dan Fail Meja yang belum disediakan kecuali bagi Unit Perkhidmatan Luar. Dalam aspek kawalan pembayaran pula Pejabat Kebajikan Masyarakat tidak dapat mengagihkan wang bantuan kepada penerima dan baki wang tersebut tidak dikembalikan ke Perbendaharaan Negeri dalam tempoh 21 hari. Selain itu, stok bantuan banjir seperti beras, gula, tepung, susu dan sardin yang tidak sempat diagihkan dan tidak disimpan dengan sempurna.

##### **Kedudukan Masa Kini**

Jabatan telah menyediakan Manual Prosedur Kerja dan Fail Meja sejajar dengan tindakan Jabatan untuk mendapatkan pengiktirafan MS ISO 9002. Jabatan juga telah berusaha mengatasi kelewatan mengemukakan baki wang bantuan ke Perbendaharaan Negeri dalam tempoh 21 hari kecuali kes yang tidak dapat dielakkan apabila melibatkan penerima uzur di kawasan pedalaman. Mengenai baki stok bantuan, kesemuanya telah diagihkan kepada penerima bantuan.

### **63.5 JABATAN PERHUTANAN NEGERI PAHANG – PENGURUSAN KEWANGAN**

Beberapa kelemahan dalam pengurusan kewangan Jabatan Perhutanan Negeri Pahang telah dilaporkan, antaranya melibatkan Buku Tunai Deposit tidak diselenggarakan dan wujudnya perbezaan antara baki deposit Jabatan dengan Perbendaharaan Negeri sejumlah RM2.67 juta. Selain itu, dua penender tidak menjelaskan bayaran premium sejumlah RM451,000 selepas tempoh yang diberikan telah luput. Jabatan juga tidak mengambil tindakan terhadap perkara berikut :

- Sejumlah 36 buah kenderaan yang telah diberi Sijil Tidak Ekonomi Dibaiki sejak 1 hingga 4 tahun belum diambil tindakan pelupusan.
- Tawaran jualan secara lelong terhadap 12 buah kenderaan yang dikendalikan oleh Pejabat Hutan Daerah Bentong belum dapat diselesaikan sejak bulan Oktober 2000.
- Ada 5 buah kenderaan yang telah dikemukakan kepada Lembaga Pemeriksa untuk dilupuskan pada bulan Disember 1999 belum mendapat keputusan.
- Sejumlah 30 buah kenderaan yang telah rosak dan tidak boleh digunakan belum diambil tindakan untuk mendapat Sijil Tidak Ekonomi Dibaiki dan seterusnya diperiksa untuk dilupuskan.

#### **Kedudukan Masa Kini**

Jabatan telah memberi perhatian terhadap perkara yang dibangkitkan dengan menyelenggarakan Buku Tunai Deposit mengikut peraturan yang ditetapkan. Mengikut Penyata Kumpulan Wang Pembangunan Hutan tahun 2002 yang disediakan, adalah didapati Jabatan telah dapat menyelesaikan sepenuhnya perbezaan sejumlah RM2.67 juta yang dibangkitkan. Bagaimanapun pelupusan 36 buah kenderaan yang telah diberi Sijil Tidak Ekonomi Dibaiki masih belum dapat dilaksanakan oleh Jabatan kerana jualan secara lelong tidak mendapat sambutan. Permohonan semula kepada Pegawai Kewangan Negeri telah dibuat untuk dilupuskan sebagai besi buruk. Sementara itu, lima buah kenderaan telah pun memperolehi

kelulusan pelupusan pada bulan Mac 2002 dan 4 daripada 30 buah kenderaan yang rosak dan tidak boleh digunakan yang belum mendapat Sijil Tidak Ekonomi Dibaiki.

### **63.6 JABATAN AGAMA ISLAM NEGERI PAHANG**

#### **- BEKALAN MAKANAN KE ASRAMA SEKOLAH MENENGAH AGAMA NEGERI PAHANG**

Kajian Audit terhadap Bekalan Makanan Bermasak Ke Asrama Sekolah Menengah Agama Negeri menemui beberapa kelemahan seperti yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara bagi Negeri Pahang tahun 2001. Antara kelemahan itu ialah pesanan makanan tidak menggunakan borang pesanan yang ditetapkan, menu makanan tidak dipamerkan dan daftar penolakan dan gantian makanan tidak diselenggarakan. Selain itu, pemantauan terhadap program ini juga tidak berkesan kerana laporan berkala mengenai prestasi kontraktor tidak disediakan oleh pihak sekolah kepada Jabatan manakala pihak Jabatan pula tidak membuat pemeriksaan berkala ke asrama sekolah terbabit.

#### **Kedudukan Masa Kini**

Jabatan Agama Islam Negeri Pahang telah berusaha mengatasi masalah berbangkit dengan mengambil langkah segera seperti berikut :

- Mengeluarkan pekeliling pada bulan April 2002 kepada semua Pengetua Sekolah Menengah Agama supaya menggunakan borang standard yang dinyatakan dalam kontrak semasa membuat pesanan makanan kepada kontraktor.
- Mengingatkan semua Pengetua supaya sentiasa menyelenggara rekod berkaitan dengan penguatkuasaan syarat kontrak dengan kemas kini dan seragam.
- Mengarahkan supaya menu makanan dipamerkan di dewan makan untuk tatapan semua pelajar.
- Menubuhkan Unit Audit Dalam peringkat Jabatan bagi membuat pemeriksaan berkala ke asrama sekolah dan menentukan pembekalan makanan diuruskan dengan teratur oleh pihak sekolah.

### **63.7 JABATAN PERKHIDMATAN HAIWAN NEGERI PAHANG - LADANG TERNAKAN RUSA SG. JIN, KUANTAN**

Kajian Audit terhadap projek Ladang Ternakan Rusa Sg. Jin, Kuantan dilaporkan menghadapi berbagai masalah sama ada di peringkat perancangan, pelaksanaan dan pemantauan projek. Di peringkat perancangan, adalah dilaporkan bahawa objektif projek tidak begitu jelas sejak awal lagi sama ada sebagai pusat pembiakan rusa atau pusat pelancongan. Begitu juga dengan peruntukan kewangan dalam jangka panjang untuk pembangunan projek tidak diperincikan. Di segi pelaksanaan pula, beberapa projek yang dirancang tidak dilaksanakan dan dalam aspek pelancongan Jabatan tidak melibatkan Agensi lain yang berkaitan. Kelemahan pemantauan pula menyebabkan beberapa aspek penting pengurusan ladang seperti keselamatan, pengumpulan maklumat dan kaji selidik terabai dan tidak terurus dengan sempurna.

#### **Kedudukan Masa Kini**

Jabatan menjelaskan bahawa pada peringkat awal ladang ini adalah sebagai pusat mengumpulkan maklumat sahaja dan sebab itu keperluan peruntukan jangka panjang tidak diperincikan pada masa itu. Mengenai kerjasama dengan agensi lain yang berkaitan sedang dalam pertimbangan Jabatan manakala dalam aspek pelancongan, Jabatan telah memulakan kerjasama dengan Perbadanan Kemajuan Bukit Fraser untuk tujuan promosi. Jabatan juga telah meningkatkan pemantauan terhadap pengurusan ladang dengan mengeluarkan arahan supaya perhatian yang lebih diberi kepada pengurusan rekod dan penyediaan laporan berkala mengenai pemeriksaan keselamatan, kehadiran pelawat dan maklumat lain berhubung ternakan rusa.

### **63.8 PEJABAT DAERAH DAN TANAH KUANTAN - SISTEM PENTADBIRAN TANAH BERKOMPUTER**

Kajian Audit berkaitan telah membangkitkan beberapa masalah berhubung pelaksanaan Sistem Tanah Berkomputer di Pejabat Daerah dan Tanah

Kuantan. Antaranya ialah ketidakupayaan Pejabat Tanah mengemaskinikan maklumat dalam fail induk cukai tanah kerana melibatkan lebih 85,000 hak milik. Kesan dari itu, banyak urusan tanah seperti Daftar Cukai (*rent roll*) dan penyediaan penyata tunggakan cukai masih dilaksanakan secara manual. Sebahagian besar bil cukai tanah tidak dapat dicetak kerana medan alamat pemilik tidak dikemaskinikan.

#### **Kedudukan Masa Kini**

Sehingga kini kedudukan perkara yang dilaporkan tidak banyak berubah kerana masalah pokok melibatkan jawatan teknikal belum lagi diwujudkan. Bagaimanapun, Jabatan telah mengambil usaha mengemaskinikan maklumat dalam fail induk cukai tanah. Sehingga April 2003, maklumat hak milik tanah telah dikemaskinikan dan bil cukai tanah telah dihantar kepada pemilik berkenaan.

### **63.9 LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN – PENGURUSAN KEWANGAN**

Beberapa kelemahan mengenai pengurusan kewangan Lembaga telah dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara tahun 2001. Antaranya mengenai penubuhan Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun dan kelulusan Anggaran Belanjawan tidak diperoleh daripada Pihak Berkuasa Negeri sebagaimana ditetapkan dalam Enakmen Lembaga. Selain itu, terdapat perbelanjaan melebihi peruntukan sejumlah RM34,207 dan kelewatan menjelaskan 43 bil berjumlah RM48,244 antara 2 hingga 5 bulan dan 38 bil tahun 2001 pula sejumlah RM31,573 juga masih belum dijelaskan.

#### **Kedudukan Masa Kini**

Lembaga telah menubuhkan Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun melalui Mesyuarat Lembaga Pengarah Bil. 2 Tahun 2002 pada bulan Disember 2002. Anggaran Belanjawan Tahunan 2002 juga mendapat kelulusan Pihak Berkuasa Negeri secara bertulis dan bil sejumlah RM31,573 telah pun dijelaskan pada tahun 2002.

### **63.10 YAYASAN PAHANG – PENGURUSAN KEWANGAN**

Yayasan masih belum menyediakan Manual Prosedur Kerja dan Fail Meja dengan lengkap dan sempurna. Begitu juga dengan tunggakan pinjaman pelajaran yang tinggi.

#### **Kedudukan Masa Kini**

Yayasan pada masa ini sedang mengambil tindakan menyediakan Manual Prosedur Kerja dan Fail Meja bagi semua bahagian selaras dengan tindakan Yayasan untuk mendapatkan pengiktirafan MS ISO 9001 : 2000 daripada pihak SIRIM menjelang pertengahan tahun 2003. Prosedur MS ISO 9001 : 2000 itu juga meliputi prosedur bantuan pendidikan melibatkan urusan perkhidmatan, pinjaman pendidikan dan bantuan Sekolah Menengah dan Rendah. Yayasan menjangkakan kutipan tunggakan pinjaman pelajaran akan lebih berkesan selepas semua prosedur berkenaan dikemaskinikan.

### **63.11 MAJLIS DAERAH BERA – PENGURUSAN KEWANGAN**

Pemeriksaan Audit terhadap Majlis Daerah Bera mendapati bahawa Manual Prosedur Kerja dan Fail Meja yang merupakan aspek penting dalam kawalan pengurusan pentadbiran belum disediakan. Dari aspek kawalan hasil pula, sejumlah RM101,054 atau 58% daripada tunggakan cukai taksiran RM172,771 adalah melibatkan 39 pegangan yang tertunggak antara 2 hingga 28 tahun. Begitu juga 177 penyewa didapati tidak menjelaskan sewa melebihi 3 bulan.

#### **Kedudukan Masa Kini**

Setakat bulan April 2003, lima daripada 8 unit di Majlis telah mengambil tindakan menyediakan Manual Prosedur Kerja dan Fail Meja. Untuk menyelesaikan tunggakan cukai taksiran, Majlis telah mengambil tindakan undang-undang terhadap 6 pemilik, sementara yang lainnya diberi kelonggaran membayar secara ansuran. Tindakan yang sama diambil terhadap penyewa yang mempunyai tunggakan.

## **63.12 MAJLIS PERBANDARAN TEMERLOH**

### **- PENSWASTAAN PERKHIDMATAN TEMPAT LETAK KERETA**

Penswastaan Perkhidmatan Tempat Letak Kereta kepada sebuah syarikat konsesi oleh Majlis Perbandaran Temerloh pada peringkat awalnya menampakkan kejayaan tetapi menghadapi masalah kemudiannya. Kemerostan kutipan menyebabkan syarikat tidak menjelaskan bayaran konsesi yang dipersetujui kepada Majlis sehingga tertunggak berjumlah RM364,414. Syarikat konsesi juga gagal mematuhi beberapa syarat perjanjian dengan tidak mengambil Insurans Perlindungan Am dan gagal menjelaskan bayaran denda yang dikenakan oleh Majlis.

#### **Kedudukan Masa Kini**

Hasil perbincangan antara Majlis dengan syarikat konsesi, adalah didapati bahawa Majlis tidak akan menamatkan perkhidmatan syarikat konsesi dan segala tunggakan akan dijelaskan oleh syarikat konsesi secara ansuran hingga menjelang Oktober 2003. Berhubung dengan polisi Insurans Perlindungan Am telah pun dipatuhi oleh syarikat konsesi. Mengenai denda lewat, Majlis akan menuntutnya sebaik sahaja syarikat konsesi menjelaskan kesemua tunggakan.

## BAHAGIAN VI

### PERKARA AM

#### 64. PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA AKAUN AWAM DAN AKTIVITI JABATAN DAN AGENSI KERAJAAN NEGERI

Perkara 107(2) Perlembagaan Persekutuan, menghendaki Laporan Ketua Audit Negara mengenai Akaun Awam Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Awam yang telah diaudit dibentangkan seberapa segera di Dewan Undangan Negeri. Laporan Ketua Audit Negara bagi Negeri Pahang tahun 2001 telah dibentangkan pada bulan November 2002. Bagaimanapun sehingga akhir bulan Jun 2003, akaun bagi 5 Pihak Berkuasa Tempatan yang telah disahkan pada tahun 2002 belum dibentangkan. Pihak Berkuasa Tempatan yang dimaksudkan adalah seperti di **Jadual 29**.

**Jadual 29**  
**Kedudukan Pembentangan Penyata Kewangan**  
**Pihak Berkuasa Tempatan**

Bil.	Nama Agensi	Tarikh Disahkan	Tahun Belum Dibentangkan
	<b>Pihak Berkuasa Tempatan</b>		
1.	Majlis Perbandaran Temerloh	20.11.2002	2001
2.	Majlis Daerah Jerantut	10.05.2002	2000
3.	Majlis Daerah Rompin	23.10.2002	2000
4.	Majlis Daerah Bentong	22.10.2002	2001
5.	Majlis Daerah Cameron Highlands	26.07.2002	2000

*Sumber : Rekod Jabatan Audit Negara, Cawangan Negeri Pahang*

#### 65. MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGERI

Jawatankuasa Kira-kira Wang Negeri Pahang telah selesai memeriksa Laporan Ketua Audit Negara bagi Akaun Awam Kerajaan Negeri tahun 1999 dan 2000. Laporan Jawatankuasa terhadap Laporan Ketua Audit Negara bagi Negeri Pahang tahun 1999 telah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri pada bulan April 2003. Kini Jawatankuasa sedang menjalankan siasatan terhadap Laporan

Ketua Audit Negara bagi Akaun Awam Kerajaan Negeri Pahang tahun 2001. Pada tahun 2002, Jawatankuasa telah bermesyuarat 7 kali. Perkara yang dibincangkan adalah seperti di **Jadual 30**.

**Jadual 30**  
**Mesyuarat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negeri**  
**Mengenai Penyata Akaun Awam Dan Aktiviti Jabatan**  
**Dan Agensi Kerajaan Negeri Tahun 2002**

Bil.	Tarikh	Jabatan/Agensi	Perkara
1.	28.01.2002	(i) Pejabat Daerah Dan Tanah Bentong. (ii) Pejabat Daerah Dan Tanah Temerloh.	} Siasatan mengenai Akaun Deposit, Penyata } Penyesuaian Akaun Deposit Tidak } Dikemukakan, Tunggakan Hasil Tanah dan } Kawalan Bayaran Secara Tunai.
2.	25.02.2002	(i) Pejabat Daerah Dan Tanah Bentong. (ii) Pejabat Daerah Dan Tanah Pekan. (iii) Pejabat Daerah Dan Tanah Rompin.	} Siasatan mengenai Akaun Deposit, Penyata } Penyesuaian Akaun Deposit Tidak } Dikemukakan, Tunggakan Hasil Tanah dan } Kawalan Bayaran Secara Tunai.
3.	28.06.2002 Dan 29.06.2002	(i) Pejabat Daerah Dan Tanah Bera. (ii) Pejabat Daerah Dan Tanah Kuantan. (iii) Pejabat Daerah Dan Tanah Maran. (iv) Jabatan Bekalan Air Pahang. (v) Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang (Pentadbiran). (vi) Jabatan Kerja Raya Negeri Pahang (vii) Jabatan Hutan Negeri Pahang.	} Siasatan mengenai Akaun Deposit, Penyata } Penyesuaian Akaun Deposit Tidak } Dikemukakan, Tunggakan Hasil Tanah, } Pengesahan Penyata Perbelanjaan } Bulanan, Pengesahan Laporan Hasil } Bulanan dan Kajian Terhadap } Penyelenggaraan Bekalan Air.  } Siasatan mengenai Akaun Deposit, Penyata } Penyesuaian Akaun Deposit Tidak } Dikemukakan, Tunggakan Hasil Tanah, } Pengesahan Penyata Perbelanjaan } Bulanan, Pengesahan Laporan Hasil } Bulanan, Tunggakan Hasil Sewa Rumah } Awam Kos Rendah, Penyata Baki Akaun } Kumpulan Wang Amanah Awam.
4.	29.07.2002	(i) Pejabat Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri Pahang. (ii) Jabatan Agama Islam Negeri Pahang. (iii) Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang (UPEN). (iv) Pejabat Daerah Dan Tanah Jerantut.	} Wang Tunai Di Bank, Kumpulan Wang } Amanah Kerajaan, Akaun Amanah Tidak } Dapat Disahkan, Kawalan Perbelanjaan } Pembangunan, Kawalan Bayaran Secara } Tunai, Pengurusan Pinjaman, Kajian } Terhadap Projek Perumahan Awam Taman } Seri Inderapura, Penyata Penyesuaian } Baki Akaun Deposit Tidak Disediakan, } Tunggakan Hasil Tanah.
5.	18.09.2002	(i) Jabatan Pembangunan Negeri. (ii) Pejabat Daerah Dan Tanah Maran. (iii) Majlis Perbandaran Kuantan.	} Kajian Projek Jalan Kampung, Kawalan Hasil, } Kawalan Perbelanjaan, Pengurusan Akaun } Amanah dan Deposit, Pengurusan Aset dan } Inventori.
6.	19.11.2002	(i) Majlis Ugama Islam Dan Adat Resam Melayu Pahang. (ii) Pejabat Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri Pahang. (iii) Lembaga Muzium Negeri Pahang.	} Kawalan Pengurusan, Kawalan Perbelanjaan } Pengurusan Pelaburan, Pengurusan } Aset dan Inventori, Pengurusan Akaun } Deposit.
7.	28.12.2002	(i) Majlis Perbandaran Temerloh. (ii) Majlis Daerah Bera.	} Kajian Penswastaan Terhadap Tempat } Letak Kereta, Kawalan Hasil, Perbelanjaan } Pembangunan, Pengurusan Pelaburan dan } Pinjaman, Pengurusan Akaun Amanah dan } Deposit, Pengurusan Aset dan Inventori.

## PENUTUP

Seperti pada tahun yang lalu, Jabatan Audit Negara berterusan mengeluarkan laporan yang seimbang (*balanced report*) iaitu selain daripada melaporkan kelemahan berhubung dengan pengurusan kewangan serta pelaksanaan aktiviti Kerajaan Negeri Pahang dan agensinya, juga melaporkan pembaharuan yang telah diambil oleh pihak yang berkenaan bagi meningkatkan prestasi pengurusan kewangan dan pelaksanaan aktiviti.

Kelemahan dalam pengurusan kewangan dan pelaksanaan aktiviti Jabatan/Agensi yang dilaporkan dalam Laporan ini perlu diberikan perhatian yang serius oleh semua pihak yang terlibat. Langkah pembetulan yang sewajarnya perlu diambil bagi memastikan wujudnya akauntabiliti dan integriti dalam pengurusan kewangan dan pelaksanaan aktiviti Kerajaan. Memandangkan pengauditan yang dijalankan oleh Jabatan Audit Negara adalah berdasarkan pensampelan dan skop tertentu, Pegawai Pengawal bagi Jabatan/Agensi yang terlibat perlu mengaturkan supaya pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang sama juga berlaku di bahagian yang lain dan seterusnya mengambil tindakan pembetulan yang sewajarnya. Sehubungan ini, saya berpendapat pihak pengurusan hendaklah memastikan bahawa prosedur kerja yang lengkap dan jelas diwujudkan dan dipatuhi; setiap kakitangan diberi latihan yang mencukupi dan bersesuaian dengan bidang tugasnya serta penyeliaan yang rapi diberi oleh pegawai yang bertanggungjawab kepada kakitangan bawahan masing-masing.

**JABATAN AUDIT NEGARA**

**Putrajaya**

**10 November 2003**



**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA  
MENGENAI PENYATA AKAUN AWAM  
KERAJAAN NEGERI PAHANG  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2002**

Penyata Akaun Awam Kerajaan Negeri Pahang bagi tahun berakhir 31 Disember 2002 telah diperiksa dan diaudit atas arahan saya mengikut peruntukan di bawah Seksyen 9(1) Akta Audit 1957.

Pada pendapat saya, Penyata Akaun Awam ini memberikan gambaran yang benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Pahang pada 31 Disember 2002 dan rekod perakaunannya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini. Sijil ini hendaklah dibaca bersama-sama laporan saya mengenai Penyata Akaun Awam serta aktiviti Jabatan dan Agensi Kerajaan Negeri tahun 2002.

**(DATUK DR. HADENAN BIN ABDUL JALIL)**

**Ketua Audit Negara**

**Malaysia**

**Putrajaya**


**14 Ogos 2003**

Lampiran II

LEMBARAN IMBANGAN  
SEPERTI PADA 31 DISEMBER 2002

<i>Penyata</i>	<i>Nota</i>	<u>2002</u> RM	<u>2001</u> RM
<b>ASET</b>			
A WANGTUNAI	8	39,905,437.37	41,346,158.11
B PELABURAN	8	115,083,345.50	135,083,345.50
		<u>154,988,782.87</u>	<u>176,429,503.61</u>
<b>JUMLAH ASET DIPEGANG BAGI :</b>			
C AKAUN HASIL DISATUKAN	9-11	(79,351,473.36)	(88,291,692.90)
D AKAUN AMANAH DISATUKAN	12-16	230,598,054.23	264,189,252.71
E AKAUN PINJAMAN DISATUKAN	17	3,742,202.00	531,943.80
		<u>154,988,782.87</u>	<u>176,429,503.61</u>

*Lembaran Imbangan ini hendaklah dibaca bersama dengan penyata dan nota yang dilampirkan*



DATO' HJ. ABDUL RAHMAN BIN HJ. IMAM ARSHAD  
PEGAWAI KEWANGAN NEGERI  
PAHANG DARUL MAKMUR  
20 MEI 2003




HJ. AHMAD BUNIAMIN BIN HJ. ABDULLAH  
AKAUNTAN NEGERI  
PAHANG DARUL MAKMUR  
20 MEI 2003

**PENYATA AKAUN MEMORANDUM  
SEPERTI PADA 31 DISEMBER 2002**


	<u>Penyata</u>	<u>Nota</u>	<u>2002</u> RM	<u>2001</u> RM
<b>ASET</b>				
F1	<b>PINJAMAN BOLEH TUNTUT</b>	18		
	i Sumber Negeri		58,634,534.99	59,214,131.69
	ii Sumber Persekutuan		165,100,203.30	162,454,504.68
F2	<b>PENYATA PELABURAN</b>	19	376,912.00	0.00
F3	<b>TUNGGAKAN HASIL NEGERI</b>		52,272,679.73	61,043,092.22
<b>JUMLAH ASET</b>			<b>276,384,330.02</b>	<b>282,711,728.59</b>
<b>TANGGUNGAN</b>				
G	<b>HUTANG KERAJAAN NEGERI</b>	20	1,211,860,287.30	1,099,590,685.68
<b>JUMLAH TANGGUNGAN</b>			<b>1,211,860,287.30</b>	<b>1,099,590,685.68</b>

*Penyata Akaun Memorandum ini hendaklah dibaca bersama dengan penyata dan nota yang dilampirkan*



**DATO' HJ. ABDUL RAHMAN BIN HJ. IMAM ARSHAD**  
PEGAWAI KEWANGAN NEGERI  
PAHANG DARUL MAKMUR

20 MEI 2003



**HJ. AHMAD BUNIAMIN BIN HJ. ABDULLAH**  
AKAUNTAN NEGERI  
PAHANG DARUL MAKMUR

20 MEI 2003

**C** PENYATA RINGKAS HASIL DAN PERBELANJAAN  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2002

Perihal	2002				2001	
	Belanjawan Asal	Belanjawan Disemak	Sebenar	%	Sebenar	%
	RM	RM	RM		RM	
<b>BAKI PADA 1 JANUARI</b>			(88,291,692.90)		(88,291,692.90)	
<b>C1 HASIL</b>						
Hasil Cukai	101,040,000.00	101,040,000.00	93,243,292.51	25.98	89,810,001.58	26.28
Hasil Bukan Cukai	244,908,770.00	244,908,770.00	222,371,791.13	61.96	224,354,616.90	65.64
Terimaan Bukan Hasil	30,416,030.00	30,416,030.00	43,295,062.58	12.06	27,598,708.29	8.08
<b>JUMLAH HASIL</b>	<b>376,364,800.00</b>	<b>376,364,800.00</b>	<b>358,910,146.22</b>	<b>100.00</b>	<b>341,763,326.77</b>	<b>100.00</b>
<b>C2 PERBELANJAAN MENGRUS</b>						
Emolumen	149,234,350.00	157,535,473.64	155,122,375.23	44.32	135,805,177.75	39.75
Perkhidmatan Dan Bekalan	69,936,710.00	71,056,779.36	69,251,909.00	19.79	64,746,401.16	18.94
Aset	5,334,150.00	5,564,972.00	5,377,462.74	1.54	5,312,219.55	1.55
Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap	226,448,330.00	223,060,145.00	117,831,226.56	33.67	135,412,962.84	39.62
Perbelanjaan Lain	613,260.00	2,396,320.00	2,386,953.15	0.68	486,565.47	0.14
<b>JUMLAH PERBELANJAAN MENGRUS</b>	<b>451,566,800.00</b>	<b>459,613,690.00</b>	<b>349,969,926.68</b>	<b>100.00</b>	<b>341,763,326.77</b>	<b>100.00</b>
<b>LEBIHAN/(KURANGAN) BAGI TAHUN</b>			8,940,219.54		0.00	
<b>BAKI PADA 31 DISEMBER</b>			(79,351,473.36)		(88,291,692.90)	

**Kedudukan Pengauditan Akaun Badan Berkanun Negeri,  
Majlis Agama Islam Dan Pihak Berkuasa Tempatan  
Sehingga 30 Jun 2003**

Bil.	Agensi Negeri	Tahun Akaun Sedang Diaudit	Tahun Akaun Belum Diterima	Bil. Akaun
	<b>A. BADAN BERKANUN NEGERI</b>			
1.	Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang	1999	2000 - 2002	3
2.	Lembaga Kemajuan Perusahaan Pertanian Negeri Pahang	-	2002	1
3.	Perbadanan Kemajuan Bukit Fraser	1999 - 2000	2001 - 2002	2
4.	Yayasan Pahang	2001	2002	1
5.	Perbadanan Perpustakaan Awam Pahang	2000	2001 - 2002	2
6.	Lembaga Muzium Negeri Pahang	2000	2001 - 2002	2
7.	Majlis Sukan Pahang	-	2001 - 2002	2
8.	Lembaga Pembangunan Tioman	-	2002	1
9.	Perbadanan Stadium Darul Makmur	2001	2002	1
	<b>B. MAJLIS AGAMA ISLAM</b>			
10.	Majlis Ugama Islam Dan Adat Resam Melayu Pahang	2000	2001 - 2002	2
	<b>C. PIHAK BERKUASA TEMPATAN</b>			
11.	Majlis Perbandaran Kuantan	-	2002	1
12.	Majlis Perbandaran Temerloh	-	2002	1
13.	Majlis Daerah Jerantut	-	2002	1
14.	Majlis Daerah Rompin	-	2001 - 2002	2
15.	Majlis Daerah Bentong	2002	-	-
16.	Majlis Daerah Cameron Highlands	2002	-	-
17.	Majlis Daerah Raub	-	2002	1
18.	Majlis Daerah Pekan	-	2001 - 2002	2
19.	Majlis Daerah Lipis	-	2002	1
20.	Majlis Daerah Bera	-	2002	1
21.	Majlis Daerah Maran	-	2001 - 2002	2
		<b>Jumlah</b>		<b>29</b>